



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 18

Isnin

28 Disember 2020

K A N D U N G A N

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA	(Halaman 1)
PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA Mengalu-alukan Ahli Baharu	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 2)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Kewangan 2020 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020 Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2020 Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020 Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020	(Halaman 3) (Halaman 21) (Halaman 39) (Halaman 51) (Halaman 58)

**MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Isnin, 28 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

MENGANGKAT SUMPAH SEBAGAI AHLI DEWAN NEGARA

Ahli Yang Berhormat ini telah mengangkat sumpah:

1. Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin
(Lantikan baharu – Lantikan Yang di-Pertuan Agong)

[Upacara Mengangkat Sumpah tamat]

PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA

MENGALU-ALUKAN AHLI BAHARU

Tuan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum.* Di kesempatan ini, saya merakamkan bagi pihak Dewan Negara ucapan setinggi tahniah kepada Yang Berhormat Senator Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin yakni lantikan baharu oleh Yang di-Pertuan Agong.

Pengalaman latar profesionalisme dan kepakaran Yang Berhormat diharap dapat digembleng sepenuhnya dengan cerminannya bukan sahaja perlu diterjemahkan dalam sesi persidangan di Dewan ini, tetapi juga harus meliputi semua aspek agar sesuai dengan kedudukan Dewan Negara selaku badan legislatif tertinggi Malaysia.

Kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, tanggungjawab sebagai Ahli Senat mesti dilunaskan dengan sebaik mungkin. Perlu kita mengimbas kembali bahawa kita di Dewan yang mulia ini rentas parti dan dalam keadaan sedemikian, wajib bagi kita untuk menzahirkan khidmat mulia ini demi kepentingan Malaysia amnya dan kumpulan-kumpulan yang perlu pembelaan. Kumpulan minoriti Orang-orang Asli mahupun badan-badan bukan kerajaan juga harus tidak

dilupai dan dengan itu sentiasa mengambil kira perkara-perkara yang telah menjadi kewajipan tradisional dan juga kewajipan baharu bagi kita sebagai Ahli Yang Berhormat.

Telah dibawa kepada pengetahuan saya bahawa sebahagian daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, selepas menekan butang dalam Dewan ini yang menandakan untuk kehadiran, tidak lagi dilihat pada hari berkenaan dan amalan ini setelah diteliti harus ditiadakan di Dewan ini. Kita telah bersumpah bahawa kita akan melimpahkan taat setia serta mempertahankan Perlembagaan.

Untuk itu, maka kehadiran kita di Dewan ini hendaklah seperti tuntutan semangat tersebut. Besarlah harapan agar isu-isu berkepentingan rakyat disambut oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat bukan sahaja dalam sesi perbahasan di Dewan tetapi juga disalurkan sama melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang kelak diwujudkan atau yang telah pun diwujudkan.

Dengan kata-kata itu, maka selesailah Majlis Mengangkat Sumpah pada hari ini.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

10.09 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Dato' Takiyuddin bin Hassan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

"Tuan Yang di-Pertua, tanpa mengambil kira usul terdahulu yang diputuskan pada 16 Disember 2020, di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan di bawah peraturan mesyuarat yang sama bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai diputus dan diluluskan:

- (i) DR17/2020 Rang Undang-undang Kewangan 2020;
- (ii) DR19/2020 Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020;
- (iii) DR20/2020 Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2020;
- (iv) DR21/2020 Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020; dan
- (v) DR18/2020 Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020.

Dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 29 Disember 2020.”

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

■1010

Tuan Yang di-Pertua: Kembali.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Setiausaha. Mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sebab kami ada membicarakan perkara teknikal dan sementara tidak perlu menyatakan apa perkara itu, izinkan saya menyatakan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalahnya kepada Majlis untuk diputuskan.

Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi hendak disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

10.13 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa satu akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976, Akta Setem 1949, Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990, Akta Kewangan 2012 dan Akta Kewangan 2018 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kewangan 2020 yang dicadangkan adalah menguatkuasakan langkah-langkah cukai yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021 pada 6 November 2020 yang lalu, di samping melaksanakan keputusan kerajaan berkenaan penambahbaikan pentadbiran cukai yang memerlukan pindaan kepada akta-akta berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menjelaskan beberapa perkara penting yang dikemukakan melalui rang undang-undang ini. Rang undang-undang ini mempunyai sebanyak 66 fasal yang dibahagikan kepada lapan bab seperti berikut.

Tuan Yang di-Pertua, Bab I berkaitan “permulaan”.

Bab II pindaan kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Bab II yang terdiri daripada 28 fasal iaitu fasal 3 hingga 30 adalah bertujuan untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53].

Bab III Tuan Yang di-Pertua, pindaan berkaitan Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976. Bab III yang terdiri daripada lapan fasal iaitu fasal 31 hingga fasal 38 bertujuan untuk meminda Akta Cukai Keuntungan Hartanah 1976 [Akta 169].

Bab IV Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Setem 1949. Bab IV yang terdiri daripada sebanyak 12 fasal iaitu fasal 39 hingga fasal 50 bertujuan untuk meminda Akta Setem 1949 [Akta 378].

Bab V Tuan Yang di-Pertua, pindaan berkaitan Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967. Bab V ini Tuan Yang di-Pertua, yang terdiri daripada empat fasal iaitu fasal 51 hingga 54 bertujuan meminda Akta Petroleum (Cukai Pendapatan) 1967 [Akta 543].

Bab VI pindaan Tuan Yang di-Pertua, berkaitan Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990. Bab VI yang terdiri daripada lapan fasal iaitu fasal 55 hingga 62 bertujuan meminda Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan 1990 [Akta 445].

Bab VII pindaan kepada Akta Kewangan 2012.

Bab VIII berkaitan pindaan kepada Akta Kewangan 2018. Bab VIII Tuan Yang di-Pertua yang terdiri daripada dua fasal iaitu fasal 65 dan 66 bertujuan untuk meminda Akta Kewangan 2018.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan lain yang tidak diperkatakan secara khusus adalah pindaan yang kecil atau bangkit dan boleh dirujuk dalam *blue bill*, dengan izin, yang telah diedarkan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sokongan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah*. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selaras dengan tempoh persidangan yang disingkatkan ke pukul 2 petang, dan had yang ditentukan, maka rang undang-undang seperti yang disenaraikan dalam notis dan juga pemberitahuan itu hendaklah dipatuhi dan bagi menyelaraskan tempoh ucapan, perbahasan dihadkan lima minit seorang. Penjaga masa wajarlah memberi isyarat serta prosedur yang dilaksanakan seperti biasa.

Sekarang dibuka rang undang-undang ini untuk perbahasan. Ada apa yang disebut sebagai sukarelawan pertama. Yang Berhormat Senator Tuan Haji Idris Haji Ahmad.

10.17 pg.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyentuh beberapa isu dalam perbahasan di peringkat dasar bagi Rang Undang-undang Kewangan 2020. Seperti mana yang kita sedang maklum bahawa negara kita hari ini menghadapi fasa-fasa yang kritikal terutama di dalam kita menghadapi situasi COVID-19.

Walau bagaimanapun, untuk memperkasakan semula ekonomi yang berbentuk daripada Strategi 6R yang telah pun dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kita. Dalam melihat prospek ekonomi bagi tahun depan, kita sudah tentu menilai berdasarkan faktor ataupun asas ekonomi yang kukuh dan berdaya tahan.

Ekonomi dijangka akan terus mengukuh dengan permintaan domestik dan luar, termasuk indikator-indikator penting seperti kadar pengangguran akan dijangka kembali ke paras 3.5 peratus selepas daripada pelaksanaan beberapa inisiatif seperti Program Subsidi Upah, *reskilling* dan juga *upskilling* dan sebagainya.

Pada sisi yang lain kita juga bimbang keadaan bergantung dengan keadaan suasana COVID-19 yang masih naik secara mendadak setiap hari. Kita mengharapkan dan berdoa kepada Allah SWT agar wabak ini dapat dihentikan bukan sahaja di Malaysia malahan di seluruh dunia. Lebih-lebih lagi apabila Kerajaan UK mengumumkan ada *strain* mutasi baru dijumpai di UK dan harga minyak pula mengalami kejatuhan, sudah tentu memberikan impak yang besar secara langsung terhadap ekonomi negara kita.

■1020

Tuan Yang di-Pertua, hasil kerajaan yang diunjurkan pada tahun hadapan sebanyak RM236.9 bilion adalah lebih rendah berbanding tahun 2019. Namun, dengan hasil cukai langsung yang lebih penting berbanding tahun 2019, cukai pendapatan syarikat diunjurkan meningkat sehingga RM900 juta iaitu RM64.6 bilion berbanding tahun 2019. Maka, pada pandangan saya, kerajaan memerlukan juga kepada pelan B dan perancangan kewangan jika unjuran kesihatan awam dengan COVID-19 ini masih tidak reda.

Saya tidaklah bersifat pesimis terhadap apa yang dirancang oleh pihak kerajaan terutama daripada pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan itu. Namun begitu, ada beberapa perkara yang boleh menjadikan satu perkara untuk kita menghadapi selain daripada kebergantungan kita kepada sumber terutamanya daripada PETRONAS.

Sebagaimana yang kita maklum, bahawasanya sumbangan daripada PETRONAS yang memberikan kepada kerajaan tidak kurang sebanyak RM30 bilion. Cuma, pada tahun lepas, dari tahun 2019, maka sumbangan daripada PETRONAS adalah sebanyak RM59 bilion. Ertinya, RM30 bilion sumbernya daripada PETRONAS. Namun begitu, dengan

suasana keadaan harga minyak yang menjunam, kerajaan perlu memikirkan tentang pelan bagi mengganti sumber yang sepatutnya diberikan selain daripada PETRONAS.

Begitu juga yang kedua iaitu kita mengharapkan mempertingkatkan produktiviti domestik. Kita mengharapkan seimbangkan antara jurang ekonomi antara negeri sama ada di Pantai Timur dan juga di Pantai Barat. Di Pantai Timur ataupun di Sabah, Sarawak, kita boleh menjuruskan kepada pembangunan daripada segi untuk membanyakkan daripada segi sumber pemakanan kita. Sebagaimana yang kita sedia maklum, kita banyak mengimport makanan kita.

Pada tahun 2018 sahaja sebanyak RM54 bilion padahal tahun 2013 sebanyak RM43 bilion. Ertinya, dalam masa lima tahun, kenaikan sebanyak lima peratus. Tahun 2018 sebanyak RM54 bilion, tahun 2013 sebanyak RM43 bilion. Ertinya, ini kerajaan kalau kita dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada luar, maka sudah tentu secara tidak langsung kita akan dapat mengimbangkan ataupun mengurangkan kadar kewangan duit kita ini ke luar negara. Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Ada sukarelawan di kalangan Yang Berhormat nak cuba? Kalau tidak, saya bawa kepada pemerhatian asal, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

10.23 pg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masa lima minit. Saya terus kepada isu yang saya ingin bangkitkan tentang Rang Undang-undang Kewangan 2020.

Kita dapati bahawa di bawah perenggan 14(a)(i), had potongan untuk rawatan perubatan dan keperluan khas ibu bapa antara RM5,000 hingga RM8,000 tetapi tidak disebutkan tentang ibu bapa kepada pasangan. Mungkin peluang ini digunakan untuk memberi peluang kepada suami ataupun yang bekerja untuk diberi potongan cukai untuk keperluan asas bagi ibu bapa pasangan masing-masing.

Satu perkara lagi yang saya ingin cadangkan ialah di bawah sub perenggan 14(a)(viii) untuk meminda seksyen 46(1)(s), 46(1)(u) dan 46(1)(t) di mana amaun untuk tujuan pelancongan sebanyak RM1,000, untuk pembelian komputer sebanyak RM2,500 dan untuk sukan sebanyak RM500. Akan tetapi, syaratnya ketat. Contohnya sukan, mesti diluluskan oleh Pesuruhjaya Sukan. Dan komputernya komputer yang dihadkan tetapi apabila ada keperluan baharu, mungkin sukar untuk dapatkan potongan di bawah seksyen ini. Juga daripada segi pelancongan, potongan cukai kerana menginap di hotel-hotel tertentu diberi potongan.

Saya cadangkan supaya dimudahkan dan menjadikan akta ini lebih versatil kita longgokkan satu amaun dan kita hadkan untuk tujuan, contohnya kita rangkumkan semua

potongan untuk tujuan keselesaan, kesihatan, kesejahteraan, kebahagiaan dan sebagainya dan terpulanglah kepada pembayar cukai untuk menggunakan untuk tujuan apa sahaja. Dia hendak guna untuk beli kasut berharga RM1,000, kah, basikal kah. Kerana kalau potongan cukai untuk sukan sebanyak RM500 ini, hendak beli tayar basikal pun tak lepas sekarang ini.

Jadi, kita bagi kelonggaran kepada mereka. Akta ini menjadi versatil. Mereka hendak gunakan untuk pergi laser bulu betis kah apa kah, terpulanglah tetapi hadnya di situ. Jadi, lebih mudah kerana mereka yang tidak bersukan mengatakan bahawa, "*Eh, saya tidak dapat menikmati elemen sukan ini*". Mereka yang tidak menggunakan komputer, tidak dapat, kan? Yang tidak pergi melancong, tidak dapat gunakan. Jadi kita rangkumkan semua, jadikan ia versatil, mudah untuk semua orang, mudah untuk Lembaga Hasil Dalam Negeri. Kerana kalau RM500 ini, saya rasa tidak ada siapa yang pergi semak setiap orang yang telah membelanjakan RM500 untuk sukan, kan? Kalau dikatakan dia beli kasut yang murah RM50 dan dia *claim* RM500 pun saya rasa LHDN tidak pergi semak.

Jadi akta yang tulisannya panjang-panjang tetapi tidak ada fungsi, baik kita rangkumkan, mudahkan, senang untuk semua orang, senang untuk pihak berkuasa, hidup pun senang dan kita dapat melaksanakan tugas kita dengan cekap dan cepat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Liew Chin Tong.

10.27 pg.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mulai dengan satu isu spesifik. Isu spesifik ini ialah cabutan khas empat digit. Ini salah satu isu yang saya telah bawa sejak dulu sebagai Ahli Parlimen Dewan Rakyat. Selepas Pakatan Harapan mengambil kerajaan, kami ada buat perubahan tetapi saya rasa ini satu subjek di mana saya harap kita boleh balik kepada keadaan yang lebih baik di bawah Pakatan Harapan.

Cabutan khas ini bermula pada krisis nipah pada tahun 1999. Pada masa itu, kerajaan ketika itu buat keputusan bahawa pampasan untuk mereka yang terlibat dalam krisis kesihatan nipah diberikan pampasan daripada cabutan khas empat digit iaitu *Magnum* dan beberapa buah syarikat. Jadi, kutipan daripada cabutan khas disalurkan kepada mangsa dan keluarga mereka pada tahun 1999.

Selepas itu, cabutan khas dijadikan semacam satu cara di mana kerajaan tambahkan kutipan cukai. Jadi, setiap tahun, ada 156 kali di mana syarikat-syarikat ini ada cabutan biasa pada hari Rabu, Sabtu dan Ahad. Ini judi ya. Selepas itu, ada 22 hari cabutan khas di mana kerajaan dapat kutipan tambahan. Pada pandangan saya sebagai seorang yang dulu miskin dan sekarang tidak kaya...

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dah kaya ya?

Tuan Liew Chin Tong: Sekarang tak kaya tetapi saya dari keluarga yang kira agak miskin. Pandangan kami ialah kita kena kurangkan sekali perjudian. Kita tak nak hapus tetapi kita hendak kurangkan. Kita hendak kurangkan supaya mereka yang rasa mereka hendak judi, dia tidak ada peluang begitu banyak.

Jadi, bagi banyak tahun sampai tahun 2008, setiap tahun ada 22 kali cabutan khas di mana kita diberitahu pada tahun 2017, kerajaan kutip RM238 juta daripada cabutan khas 22 kali setahun.

■1030

Pada tahun 2019, di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, kita kurangkan kepada 11 kali setahun. Daripada 22 kali, kurang kepada 11 kali setahun. Pada tahun 2020 di bawah Kerajaan Pakatan Harapan, dikurangkan kepada lapan kali setahun. Pada tahun 2021, dikembalikan kepada 22 kali setahun.

Saya mohon kepada kerajaan, balik ke tahun 2020, tahap sekurang-kurangnya potong sampai lapan kali. Potong sampai lapan kali ataupun lebih kurang. Lebih baik ialah kita kurangkan sampai satu hari kita tidak ada cabutan khas, hanya ada 156 hari, itu yang biasa kita tak ganggu, tetapi kita tidak kutip wang atau tambahkan kutipan kerajaan melalui judi cabutan khas. So, ini harapan saya supaya kerajaan boleh kembali kepada landasan yang telah diambil oleh kerajaan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada seminit lebih- saya mohon untuk bincangkan sedikit dengan Kementerian Kewangan. Pada hari itu, minggu lepas di mana Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed datang untuk memberikan taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara termasuk Tuan Yang di-Pertua. Telah dijanjikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed bahawa beliau bersama dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan memberi taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Kalau boleh, dia harap setiap bulan dia boleh datang buat taklimat. Tuan Yang di-Pertua pun ada di sana hari itu.

So, saya harap kerajaan boleh bersedia, Kementerian Kewangan dan juga EPU bersedia untuk memberikan taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Rakyat lebih kerap. Kalau boleh seminggu setiap kali sebulan kerana kita menghadapi krisis ekonomi yang kita tidak melalui, tak pernah melalui dalam kehidupan kita. Krisis sekarang ini sebenarnya tidak akan selesai, mungkin sampai vaksin disalurkan kepada semua rakyat dalam setahun. Kita mungkin tidak boleh selesai memberi vaksin kepada 80 peratus rakyat dalam setahun. So, krisis kita bergantung kepada kita boleh mengendalikan isu-isu dan kita memerlukan kerjasama daripada kementerian, dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid.

10.33 pg.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: *Assalamualaikum* Tuan Yang di-Pertua... *[Kata-kata aluan dalam Bahasa Arab]* Tuan Yang di-Pertua, saya hendak ucapkan *well done, bravo zulu* kepada Kementerian Kewangan kerana berusaha untuk membuat pindaan Rang Undang-undang Kewangan ini dengan niat dan nawaitu serta tentunya untuk mendapat cukai yang lebih banyak untuk kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin membangkitkan beberapa perkara yang mungkin berkaitan dengan cukai. Antaranya saya ingin bertanya berhubung dengan Projek *Littoral Combat Ship* (LCS) untuk TLDM yang dibina oleh Boustead Naval Shipyard Sdn. Berhad (BNS). Adakah syarikat ini menghadapi masalah dalam urusan membayar cukai kepada kerajaan ataupun mereka menghadapi kerugian, dan menyebabkan projek menyiapkan enam buah kapal *Littoral Combat Ship* (LCS) ini tidak dapat dilaksanakan?

Untuk makluman Kementerian Kewangan, Persatuan Veteran TLDM akan mengemukakan sebuah limbungan yang dimiliki oleh warga PVTLDM untuk menawarkan cadangan-cadangan ataupun tawaran-tawaran yang boleh membantu supaya Projek LCS ini disiapkan. Saya harap Kementerian Kewangan akan mengambil pertimbangan atas cadangan-cadangan yang akan dikemukakan oleh Persatuan Veteran TLDM dan rakan-rakan konsortium yang kami yakin- kami boleh menyelesaikan kapal ini dengan baki nilai kontrak sebanyak RM3.1 bilion dan kami yakin PVTLDM boleh menyiapkan dalam masa 3 tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Projek *National Integrated Immigration System* (IIS) bernilai lebih kurang RM1 bilion, tentunya kerajaan akan mengambil mendapat cukai daripada projek ini. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kementerian Kewangan bahawa ada dua buah firma yang disenaraipendekkan, dan ada di antara firma ini berkaitan dengan keluarga ataupun saudara Menteri.

Oleh yang demikian, saya ingin mohon dan nasihatkan Kementerian Kewangan supaya apabila membuat keputusan tawaran projek tersebut, tidak mengambil kira ataupun tidak mengaitkan hubungan firma yang mengambil bahagian dengan Menteri, anak Menteri, saudara Menteri ataupun Menteri yang sedang bertugas sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA). Saya menerima keluhan daripada warga veteran oleh sebab pelaksanaan, pengambilan ataupun penuntutan baki hutang ini telah dilaksanakan secara *lumpsum* kepada pegawai veteran ataupun veteran yang tidak berpencen. Ini menjadikan beban yang teruk kepada veteran, maka sebab itu saya ingin Kementerian Kewangan melihat semula, apa

kaedah yang adil kepada veteran supaya ia tidak membebankan. Jika boleh, kembali kepada kontrak asal yang veteran perlu membayar hutang rumah itu dalam masa 200 bulan ataupun 300 bulan.

Akhirnya Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara yang diheboh-hebohkan, daging haram yang diimport. Saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, adakah Kementerian Kewangan telah membatalkan AP yang telah dikeluarkan kepada pengimport-pengimport daging haram ini? Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. *Assalamualaikum*.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* kembali. Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

10.37 pg.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Saya juga ingin mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Kewangan 2020 pada hari ini. Rang undang-undang ini merupakan perkara yang penting untuk kita bahaskan dan meluluskan sebulat suara agar insentif cukai yang diumumkan dalam Belanjawan 2021 dapat dilaksanakan. Pada hemat saya, pihak kementerian eloklah memberi perhatian terhadap perkara ini dan mengelakkan kerajaan mengalami kerugian sumber pendapatan negara.

Berkaitan dengan langkah cukai menangani impak COVID-19 seperti mana yang kita sedia maklum, pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang cukup besar serta mendalam kepada rakyat dan ekonomi. Berbagai-bagai lapisan rakyat terjejas teruk sama ada daripada golongan isi rumah B40, M40 dan T40.

Disebabkan ancaman tersebutlah kerajaan telah memperkenalkan berbagai-bagai dasar ataupun berbagai-bagai insentif termasuklah PRIHATIN, PRIHATIN PKS, PENJANA dan juga KITA PRIHATIN. Pada pandangan saya, insentif tersebut *alhamdulillah* telah dapat menangani masalah khususnya kepada golongan B40. Cuma soalan saya, apakah langkah yang telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi membantu kumpulan isi rumah M40 dan T40 untuk berdepan dengan cabaran pandemik COVID-19? Apa mekanisme yang diguna pakai oleh pihak kementerian untuk kenal pasti kesahihan kumpulan ini khususnya B40 yang bawah, yang sangat terkesan akibat penularan COVID-19?

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan Cukai Pendapatan 1967 iaitu cukai korporat. Langkah kerajaan mengurangkan cukai korporat bagi memberi sokongan kepada pengusaha kecil dan sederhana menangani impak pandemik COVID-19 sememangnya merupakan langkah yang bijak.

■1040

Dalam hal ini, mengurangkan pemberian insentif khas cukai tersebut mampu untuk memberi semula ruang bagi meningkatkan pelaburan asing (FDI) ke dalam negara ini. Walau bagaimanapun, langkah pengurangan yang dilakukan pada masa ini memberi impak jangka panjang kerana cukai merupakan sumber pendapatan negara. Soalan saya, adakah pihak kementerian mempunyai perancangan lain berhubung cukai korporat oleh sebab sekiranya hanya mengurangkan atau pemansuhan sahaja secara berterusan tanpa ada mekanisme baru ia akan memberi kesan kepada kewangan negara.

Berkaitan dengan Cukai Tanah 1976, saya mohon bertanya kerana kalau kita dapat melalui cukai tersebut, keuntungan harta tanah cukai dikenakan ke atas keuntungan daripada pelupusan harta seperti rumah, kondominium, pangsapuri, ladang, tanah kosong dan sebagainya. Mulai 21 Oktober 1988, cukai ini diperluaskan daripada keuntungan daripada pelupusan syer syarikat hartanah menerusi Perintah Cukai Keuntungan Hartanah 2007, kerajaan telah mengecualikan mana-mana orang daripada semua peruntukan ACKHT 1976 bagi pelupusan aset selepas 31 Mac 2007.

Jadi soalan saya, adakah bantuan daripada kerajaan melalui pelupusan cukai keuntungan harta tanah ini bagi memberi kelegaan ataupun kesejahteraan serta prihatin kepada golongan yang terlibat teruk ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Ada satu lagi yang saya persilakan, Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad dan selepas itu dipohon supaya Yang Berhormat Menteri memberi jawapan.

10.42 pg.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Ahli Dewan Negara sekalian.

Bagi saya terlibat dengan membincangkan Rang Undang-undang Kewangan 2020, izinkan saya untuk merujuk kepada firman Allah SWT daripada Surah At-Talaq... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Bermaksud, "*Barangsiapa yang bertaqwa kepada Allah nescaya Allah akan membuka jalan keluar baginya dan jika dia akan memberi rezeki daripada arah yang kita tidak duga dan kita tidak sangka*".

Jadi, sehubungan dengan itu Tuan Yang di-Pertua, tepat dan betul lah pada waktunya rang undang-undang ini dibentangkan kepada kita pada hari ini selepas dibentangkan di Dewan Rakyat oleh kerana kita sedang menghadapi satu suasana yang tidak pernah kita

duga di mana jumlah kematian di seluruh dunia sekarang ini sudah melebihi 1.8 juta isu COVID-19 ini Tuan Yang di-Pertua.

Jadi dalam peruntukan-peruntukan dan pindaan yang dilaksanakan dalam akta ini, rang undang-undang ini melibatkan pengecualian-pengecualian dan insentif-insentif tertentu kerana daripada maklumat yang saya peroleh dan teman-teman maklumi yang terlibat dalam *circle business*, yang terlibat dengan isu pengangguran dan pembuangan kerja ini yang sebenarnya hampir 1 juta orang, Tuan Yang di-Pertua dalam waktu COVID-19 ini.

Kita pun faham kerana saya sendiri terlibat dalam perniagaan yang mempunyai staf hampir 100 seorang kita tahu bahawa keadaan sangat luar biasa, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, bila ia memperkenalkan rang undang-undang khususnya untuk fokus pada isu COVID-19 yang kita sedang hadapi. Oleh sebab itu kita lihat dalam rang undang-undang ini, beberapa hal tertentu hanya melibatkan untuk tahun 2021 dan 2022 dan untuk disambung ke tahun-tahun berikutnya tertakluk kepada pandangan kerajaan dan kementerian pada ketika itu.

Cuma saya sehubungan dengan ini, kerajaan mesti bijak dalam mencari sumber-sumber baru bagi pendapatan negara. Ini kerana saya lihat ada lagi *loophole* yang mungkin kerajaan boleh timbang dan saya fikir pendapatan itu sangat besar bagi kerajaan. Cuma sebelum itu kita mesti melihat kepada senario yang sebenarnya dalam kerajaan membentangkan Bajet 2021 ini.

Walaupun kerajaan membentangkan bajet yang terbesar dalam sejarah, lebih kurang RM322.6 bilion tetapi kita mesti faham bahawa asas bajet yang telah dikemukakan RM322.6 bilion itu Tuan Yang di-Pertua, bermula daripada 1998 sehingga sekarang kerajaan tidak pernah merekodkan, mencatatkan bajet *surplus*.

Jadi, kalau daripada pemahaman biasa kita kena faham bahawa lebih 20 tahun kerajaan menggerakkan bajet negara ini daripada hutang. Hutang-hutang baru, penjualan aset di mana terbaru kita dapati Petronas telah menjual saham-sahamnya di beberapa buah syarikat dan mendapat lebih kurang pulangan RM4 hingga RM5 bilion.

Kita tahu bahawa bila mana kerajaan tertekan ataupun menghadapi kecairan tunai pada waktu-waktu tertentu maka kerajaan terpaksa melihat kepada Petronas sebagai *father and mother*, sebagai bapa dan ibu kepada kerajaan negara kita sendiri di mana pada waktu-waktu kita terdesak atau negara menghadapi tekanan kecairan kewangan, maka Petronas lah tempat kerajaan akan minta tolong.

Jadi, saya tidak hendak menggambarkan satu suasana panik tetapi panik kita itu bukan panik yang tidak berfikir, panik kita panik untuk kita berfikir. Oleh sebab itu saya melihat bahawa bila mana kita membentangkan bajet besar, bajet yang besar itu dibentangkan tidak lain untuk memastikan ekonomi kita tidak berada dalam keadaan koma. Bukan ekonomi-ekonomi ICU.

Ekonomi kita hendak menggerakkan, menjalankan di samping kita hendak membantu mereka yang terlibat, terkesan secara langsung, golongan miskin, OKU dan sebagainya. Terima kasih kepada kerajaan yang telah meningkatkan kadar pemberian kepada pihak-pihak yang berkenaan tetapi pada masa yang sama golongan-golongan yang terlibat dengan *business* mesti diberi fokus dan *business* mana yang kerajaan ramalkan, jangkakan boleh memberi pulangan *leapfrog*, dengan izin dengan berlipat ganda.

Kita tidak mahu *business* tradisi umpama sekarang ini mungkin kita berbangga dengan *the Four Big Brothers of A Glove Manufacturer*. Saya tidak tertarik kerana saya tahu saya pun terlibat dalam perniagaan *glove* dari tahun 1988 lagi, ini bukan teknologi canggih, bukan teknologi tinggi bila-bila masa *business* ini boleh berpindah kepada negara-negara *Cambodia* dan negara-negara yang mempunyai penawaran kos buruh murah.

Bila-bila masa, bila mana ada negara tersebut sesuai untuk ditanam dengan pokok getah, dia boleh menjadikan bahan mentah bagi *glove*, dengan sarung tangan getah. Oleh sebab itu kita sekarang banyak bergantung kepada kilang-kilang getah, *the four big brothers* Kossan nya, Top Glove nya, Supermax nya dan Hartalega nya, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua: Simpulkan, simpulkan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Simpulkan, *masya-Allah*. Okey, sekarang ini punca baru bagi kerajaan. Kita tahu *stock market*, kerajaan tidak boleh mencari alasan mengatakan bahawa dalam *stock market*, kerajaan tidak ada satu modus operandi bagaimana hendak memantau pergerakan aliran keluar masuk mereka yang bermain dalam *stock*.

Minta maaf sahabat-sahabat yang kaya-kaya dalam ini mungkin ramai main *stock* tetapi adalah tidak adil kita mengenakan cukai bagi mereka yang lain seperti saya dan sebagainya yang kurang gemar bermain *stock market* tetapi kita membebaskan pemain-pemain *stock market*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat..

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Mereka ini mendapat keuntungan yang berlipat kali ganda, berjuta-juta. Oleh sebab itu kerajaan mesti fokus mencari satu mekanisme bagaimana untuk *tapping* untuk mencukaikan mereka walaupun kita tahu *stock market* ini bukanlah satu *yardstick* utama dalam hendak menentukan kehebatan ekonomi sesebuah negara tetapi kita mesti jangan lupa bahawa rakyat melihat kenapa mereka dilepaskan.

Tuan Yang di-Pertua: Simpulkan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Oleh sebab itulah saya rasa inilah waktunya kerajaan berfikir secara serius bagaimana untuk mencari modus operandi mekanisme supaya mereka yang mendapat keuntungan daripada pemain *stock market* juga

terlibat untuk dicukaikan. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Sebelum Yang Berhormat Menteri menjawab, saya beri laluan kepada seorang lagi sebab ada rayuan yang timbul, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang.

■1050

10.50 pg.

Tuan Adrian Banie Lasimbang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan laluan untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Kewangan (Pindaan) 2020 ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin membawa dua perkara berkaitan dengan pindaan kepada Akta Petroleum. Kita tahu bahawa Sabah dan Sarawak ini pengeluar petroleum terbesar di negara dan memang cukai petroleum ini adalah antara pendapatan yang paling besar untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Namun, dalam beberapa perkara ini, saya dapati bahawa terdapat beberapa kekurangan daripada segi sistem percukaian dan juga bagaimanakah pembahagian keuntungan (*benefit sharing*) ini dapat memanfaatkan lebih banyak pembangunan untuk negeri Sabah dan Sarawak.

Saya ingat perkara ini banyak kita perkatakan dan perbahaskan. Apatah lagi setelah dalam proses membincangkan perkara dalam *Malaysia Agreement 1963* (MA63). Salah satu perkara dalam *agreement* ini adalah berkenaan dengan cukai jualan produk-produk petroleum. Kita tahu di negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sarawak juga telah sebenarnya mengambil langkah drastik untuk mahu meminta supaya cukai-cukai yang sepatutnya dipungut dan diberikan kepada negeri Sabah dan Sarawak itu, dapat diberi dan dihantar.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, saya dapati bahawa sistem percukaian untuk produk-produk petroleum ini masih tidak berapa jelas. Jadi, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kewangan, bagaimanakah supaya struktur cukai-cukai hasil petroleum ini dapat diperbaiki supaya dapat memanfaatkan juga kepada negeri Sabah?

Malang sekali Tuan Yang di-Pertua, walaupun Sabah ini pengeluar petroleum khasnya untuk minyak dan gas tetapi industri hiliran untuk di negeri Sabah ini sebenarnya belum lagi dapat dikembangkan sebaik mungkin. Walaupun ada beberapa usaha contohnya untuk meningkatkan produk ataupun industri hiliran di Kimanis, SAMUR dan sebagainya, akan tetapi ini masih belum mencukupi kerana cukai-cukai yang dapat dipungut daripada petroleum sebenarnya datang daripada produk-produk industri hiliran.

Jadi, saya berharap kepada kerajaan untuk memandang serius perkara ini. Kita tidak mahu Sabah itu hanya sebagai sebuah apa yang saya katakan, dengan izin, '*milking cow*' iaitu hanya mengeluarkan produk-produk asas tetapi tidak ada usaha untuk meningkatkan

industri hiliran ini supaya dapat meningkatkan kadar cukai yang boleh dipungut di negeri Sabah sendiri.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan isu ketiga iaitu berkenaan dengan pindaan ini. Jika dilihat, saya dapati bahawa pindaan ini memberikan kuasa yang agak besar kepada Ketua Pengarah untuk kelulusan, permit-permit dan sebagainya. Jadi, adakah ada satu mekanisme timbang tara atau *check and balance* untuk memastikan bahawa kuasa Ketua Pengarah juga mendapat input daripada Kerajaan Negeri Sabah ataupun negeri Sarawak yang mempunyai pemegang taruh yang agak besar dalam industri petroleum di negara ini?

Jadi, ini keperluan untuk memastikan bahawa hak-hak yang sepatutnya dapat diberikan kepada negeri Sabah itu, khasnya melalui Perjanjian Malaysia 1963 ini dapat direalisasikan. Akhir sekali adalah berkenaan dengan PETRONAS. Saya agak hairan, kenapakah sampai sekarang tidak ada sebarang audit telah dibuat kepada PETRONAS supaya kita tahu berapakah yang sebenarnya yang sudah keluar daripada hasil daripada PETRONAS?

Ini supaya kita tahu berapakah hasil yang dikeluarkan dari bumi Sabah dan dari bumi Sarawak dan negeri-negeri pengeluar ini. Sepatutnya berapakah yang mereka dapat? Jadi, kalau kita hanya berpandukan kepada *self-declaration*, dengan izin, oleh PETRONAS untuk menilai berapakah royalti yang kita terima pada setiap tahun, ini menunjukkan bahawa kita tidak akan mendapat sepatutnya apa yang diambil dari kawasan ataupun sumber dari negeri kita. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja daripada saya. Saya harap pihak Kementerian Kewangan dapat melihat beberapa perkara yang saya telah bangkitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri menjawab, menggulung.

10.54 pg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Seramai tujuh orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kewangan (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk merujuk kepada isu-isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad yang mempunyai perkara yang sama yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad berkaitan dengan hasil negara.

Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad selalu membangkitkan berkaitan dengan *food security*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, *food security* ini merupakan satu hala tuju yang baharu yang sedang kita bangunkan

dalam Belanjawan 2021. *Insyah-Allah*, dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas nanti kita akan pastikan pandangan, idea serta cadangan Yang Berhormat juga akan dimasukkan dan diperkasakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas untuk lima tahun akan datang.

Akan tetapi, tidak dinafikan Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 merupakan satu elemen yang telah menjejaskan kutipan hasil kerajaan. Sepertimana yang telah disebutkan tadi, hasil kerajaan telah disemak dan menurun kepada RM227.3 bilion berbanding anggaran asal semasa bajet dibentangkan pada tahun 2019 bagi bajet tahun 2020 iaitu sebanyak RM244.5 bilion. Kira-kira 18 peratus.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus berusaha memperkukuh dan memaksimumkan kutipan hasil cukai dan meningkatkan keapungan cukai melalui insentif pembaharuan cukai seperti mana yang kita bawa dalam langkah cukai dalam Belanjawan 2021. Antara strategi Yang Berhormat termasuk seperti mana yang telah saya nyatakan semasa menggulung perbahasan bagi Belanjawan 2021 tempoh hari, kita akan memperluaskan asas hasil ini.

Keduanya, kita akan memanfaatkan potensi sektor tidak formal dan yang ketiganya kita akan mengurangkan amalan kurang telapor dan isytihar. Keempat, kita akan mengurangkan ketirisan cukai serta menambah baik pentadbiran cukai melalui pengurusan data yang terkesan dan integrasi data dengan agensi berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh jangkaan sederhana dan sekiranya ekonomi negara kembali pulih, kerajaan akan memperluaskan asas hasil dengan mengurangkan jurang cukai dan meningkatkan kecekapan cukai bagi memastikan kutipan hasil yang begitu mampan. Matlamat ini juga akan kita capai melalui merasionalisasikan insentif cukai, mengurangkan ketirisan cukai dan yang paling pentingnya meningkatkan pematuhan cukai melalui pengauditan yang berkesan.

Sebagaimana yang telah Yang Berhormat Menteri Kewangan membentangkan dalam Belanjawan 2021, kerajaan akan terus memperkasakan *multiagency task force* bagi memantapkan pematuhan percukaian. Selain itu juga, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan akan mewujudkan strategi jangka sederhana, strategi hasil jangka sederhana demi memastikan strategi untuk meningkatkan hasil dapat dilaksanakan secara beransur-ansur bersesuaian dengan tahap pertumbuhan ekonomi dan tidak akan menjejaskan langkah-langkah pemulihan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk bergerak kepada Yang Berhormat Senator Tuan Akin A/I Ehtook yang membangkitkan beberapa perkara yang agak signifikan yang merujuk kepada potongan-potongan cukai dan perkara-perkara yang melibatkan konsep iaitu gaya hidup.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang paling pentingnya kita melaksanakan langkah cukai ini untuk memastikan segala langkah yang kita ambil, mestilah mematuhi kepada perkara-perkara yang termaktub dalam langkah-langkah cukai dan langkah-langkah inilah yang kita bentangkan dalam tempoh yang kita nyatakan untuk memastikan bagaimanakah had rawatan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, berkaitan had rawatan itu ia sebenarnya sudah ada. Langkah sedia ada, *relief* ini, bukan sahaja tertakluk kepada ibu bapa. Cumanya, ia meliputi ibu bapa pembayar cukai Yang Berhormat Senator. Sekiranya ibu bapa bukan pembayar cukai, ia tidak boleh untuk mendapat insentif daripada langkah cukai yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Sepertimana Yang Berhormat membangkitkan juga, persoalan kedua berkaitan dengan pelepasan cukai, pelancongan, komputer, sukan yang digabungkan. Untuk makluman Yang Berhormat, tidak sesuai pada hemat Kementerian Kewangan untuk kita laksanakan komputer dan pelancongan digabungkan kerana ia mempunyai dua entiti yang berbeza.

Sementara ini, waktu ini waktu COVID-19 dan kita laksanakan cukai pelancongan memberi RM1,000 maksimum kepada mereka yang ingin bercuti. RM1,000 itu dapat di-*remit*-kan balik melalui potongan cukai pendapatan. Keduanya, *relief lifetime* bukan sahaja tertumpu pada sukan sahaja. Ia juga, seperti mana yang saya sebutkan awal tadi, meliputi konsep gaya hidup. *Relief* sukan yang berbasikal untuk makluman Yang Berhormat Senator, ia maksimum. Boleh di caj bukan RM500 tetapi RM3,000.

■1100

Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong membangkitkan satu perkara yang saya kira memang dalam pemerhatian Kementerian Kewangan dan seperti mana yang saya nyatakan dalam Dewan yang mulia ini beberapa kali, kita sejak tahun 90-an kita tidak mengemukakan lesen baharu.

Seperti mana yang Yang Berhormat Senator sedia maklum, kita hanya mempunyai satu lesen kasino, 161 buah lesen kepada kelab syarikat atau persatuan, lima lesen induk NFO, 1,658 lesen operator atau *outlet* NFO, dan tujuh lesen peniaga mesin. Akan tetapi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat adalah berkaitan tentang *special draw*. Ini memang dalam pemerhatian Kementerian Kewangan dan kita akan mengimbangkan apa sahaja pandangan Yang Berhormat berkaitan untuk mengawal supaya rakyat Malaysia tidak terjerumus kepada aktiviti-aktiviti perjudian. Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, perjudian ada dua. Satu yang melalui secara *legal*, dan lagi satu secara haram. Yang haram ini di bawah Kementerian Dalam Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran membangkitkan isu-isu yang berkaitan isu-isu yang spesifik. Sebagai contoh, projek cukai Boustead, berapa banyak dibayar cukai.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran, perkara ini tidak boleh kita nyatakan di Dewan yang mulia ini kerana ia melibatkan data privasi dan ia sulit, tidak boleh dikongsi kepada khalayak. Keduanya firma-firma yang di tender ini supaya tidak mengambil kira hubungan kekeluargaan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kewangan sentiasa mengamalkan dasar kewangan yang berintegriti dan jelas. Kita tidak akan mengaitkan hubungan saudara dalam menentukan keputusan kepada tender-tender atau sebarang sebut harga. Kita berasaskan kepada dua perkara iaitu teknikal sama ada perkara itu memenuhi spesifikasi teknikal atau ia memenuhi ruang kewangan yang telah dianggarkan.

Ketiganya Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran juga membangkitkan tentang veteran tuntutan hutang secara *lump sum* melalui LPPSA. Perkara ini memang dalam makluman saya Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat, kenapa kita minta LPPSA mengenakan untuk bayaran sepenuhnya kerana apabila mereka pencen dengan mana-mana badan sesuatu agensi, kita tidak lagi boleh mengutip. Itu sebabnya kita mengenakan. Walau bagaimanapun, secara *case-by-case*, secara kes-kes tertentu sekiranya mereka membuat rayuan, *insya-Allah* LPPSA akan mempertimbangkan, dan kita tidak akan menganiaya dan menzalimi mereka yang telah berkhidmat dan berjuang kepada negara tempoh hari.

Di samping itu Yang Berhormat Senator Laksamana juga membangkitkan tentang adakah MOF telah batalkan AP import daging. Untuk makluman Yang Berhormat, ini di luar bidang kuasa MOF. Ia di bawah seliaan MAFI dan MAQIS. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, di bawah MOF melalui Jabatan Kastam Diraja Malaysia hanya melaksanakan penguatkuasaan larangan import dan eksport sesuatu produk tertakluk kepada polisi oleh agensi pengawal selia. Pengimportan haiwan hidup dan produk haiwan termasuk daging adalah tertakluk kepada AP yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar MAFI. MOF tidak mempunyai maklumat sekiranya pihak MAFI ada membatalkan ke atas mana-mana pemegang AP sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani membangkitkan isu yang saya rasa memang ini perkara yang sentiasa dibangkitkan kepada mereka yang bukan B40 tetapi tertumpu kepada M40 dan T20.

Untuk makluman Yang Berhormat, peningkatan had kenaikan perbelanjaan rawatan untuk diri sendiri, pasangan, anak-anak daripada RM6,000 kepada RM8,000 memberi

manfaat kepada golongan M40. Skop rawatan diluaskan kepada suntikan vaksinasi termasuk vaksinasi COVID-19 juga mendapat dinikmati oleh golongan B40.

Melalui pakej rangsangan yang telah saya nyatakan tempoh hari, kita ada empat buah pakej rangsangan. Sejumlah bilangan besar juga diperolehi dan dimanfaatkan oleh golongan B40. Sementara itu, pelepasan cukai melancong sebanyak RM1,000 juga diberikan kepada M40, pelepasan cukai beli komputer RM2,500 termasuk tablet dan telefon bimbit, pengecualian cukai *prerequisite* juga kepada golongan M40, yuran taska kepada anak-anak yang ke taman asuhan sehinggalah RM3,000 kepada B40 dan bantuan kepada mereka yang terkesan akibat COVID-19 iaitu pengurangan gaji, program pengkalan, program subsidi upah juga melibatkan golongan M40.

Jadi dakwaan mengatakan, kerajaan hanya menumpukan kepada golongan B40 itu kurang tepat, dan *insya-Allah* Yang Berhormat Senator, kerajaan akan sentiasa memberi manfaat kepada semua golongan tanpa menilai sama ada mereka di bawah kategori B40, M40 atau T20.

Yang Berhormat juga bangkitkan tentang kadar cukai dan mansuhkan insentif. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan sedang menimbang tiga perkara yang penting;

- (i) kebajikan rakyat;
- (ii) perniagaan; dan
- (iii) ekonomi.

Itu sebabnya pemberian insentif telah diberi melalui pakej rangsangan ekonomi PRIHATIN, PENJANA dan Belanjawan 2021. Pemberian insentif cukai ini bertujuan untuk membantu syarikat khususnya PKS yang terjejas untuk terus membangunkan perniagaan dalam masa yang sama kerajaan turut menyediakan insentif cukai seperti syarikat untuk memindahkan operasi ke Malaysia dan menggalakkan pelabur-pelabur untuk datang ke Malaysia dan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini.

Berkaitan Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, pelupusan sesebuah rumah dalam kediaman ini memang telah diberi sekali seumur hidup bagi warganegara Malaysia. Di bawah PENJANA, pengecualian CKHT telah pun diberikan kepada individu warganegara Malaysia yang mendapat keuntungan daripada pelupusan rumah terhadap kepada tiga buah rumah sahaja berkuat kuasa bagi pelupusan bermula 1 Jun 2020 sehingga 31 Disember 2021. Pengecualian CKHT ini juga Yang Berhormat diberikan dalam dua keadaan berikut:

- (i) pelupusan hartanah antara suami dan isteri;
- (ii) ibu dan anak; dan
- (iii) datuk atau nenek dan cucu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat yang terakhir membangkitkan tentang- Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang membangkitkan tentang Akta Petroleum yang mengaitkan dengan MA63, dan bagaimana hasil cukai dilakukan, bagaimana struktur cukai petroleum dapat memberi manfaat kepada industri hiliran di Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat, negeri Sabah menerima bayaran tunai daripada aktiviti petroleum yang dijalankan di negeri Sabah pada setiap tahun. Kerajaan negeri juga mendapat manfaat daripada kenaikan cukai jualan negeri ke atas produk petroleum yang dibawa keluar dari Sabah seperti mana cukai jualan negeri yang dikenakan oleh negeri Sabah. Bagaimana perkara yang dikatakan untuk memantapkan industri hiliran daripada produk asas minyak di negeri Sabah dan negeri Sarawak- *insya-Allah* perkara ini juga akan mendapat pertimbangan daripada Kementerian Kewangan dan pihak Kerajaan Perikatan Nasional.

Tuan Yang di-Pertua, soalan kedua yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian adalah berkaitan tentang bagaimana kuasa- kenapa terlampau tinggi dilihat kuasa kepada ketua pengarah, bagaimana *check and balance* dalam keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah LHDN.

Untuk makluman Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri mempunyai kuasa untuk menyemak- *check and balance* keputusan yang dibuat oleh KP LHDN, dan tertakluk kepada semakan Jabatan Audit Negara pada setiap tahun. Jadi perkara ini tidak ada perkara yang penting. Apa yang paling pentingnya, kita mesti memastikan pelaksanaan kuasa yang diberikan kepada pihak agensi pelaksana dilaksanakan dengan baik. Terakhir...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau kita lihat istilah "*check and balance*" itu, apakah yang terbaik agaknya dalam Bahasa Kebangsaan?

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: "Semak dan imbang" Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya betul. Terima kasih.

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah: [*Ketawa*] Semak dan imbang, dengan izin, *check and balance* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya berkaitan isu- adakah PETRONAS akan diaudit? Perkara ini akan saya beri jawapan secara bertulis kerana perkara ini di luar daripada perkara yang dibincangkan dalam Rang Undang-undang Kewangan namun pandangan Yang Berhormat juga tetapi diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dan yang meneliti segala penghujahan yang dibuat oleh pihak Kementerian Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat para Senator. Sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

■1110

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

*[**Fasal-fasal 1 hingga 66** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]

Tuan Yang di-Pertua: Dewan mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan semua Ahli-ahli para Senator yang mengambil bahagian.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KASTAM (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.20 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Tunggu dulu. Ada yang hendak sokong dulu.

Seorang Ahli: Tak kot.

Seorang Ahli: Teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, baik. Teruskan.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Kastam 1967 [Akta 235] dengan tujuan untuk menambah baik, menyeragamkan dan mengemas kini peruntukan sedia ada dan memasukkan peruntukan baharu dalam akta supaya perundangan cukai lebih telus, efisien dan selari dengan perubahan semasa polisi pencukaaian serta dapat memenuhi keperluan perniagaan dan pembayar cukai.

Selain daripada itu, pindaan yang dilaksanakan juga merupakan usaha berterusan dalam memperkasakan tindakan penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang bertujuan untuk memastikan pematuhan cukai dan mengurangkan ketirisan hasil cukai kerajaan. Pindaan turut dilaksanakan bagi membolehkan tindakan lebih cepat dan berkesan dapat dijalankan dengan menambah baik peruntukan tertentu berkaitan kuasa pegawai kastam untuk mengurus tahanan reman di tempat tahanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia serta kuasa pegawai kastam untuk menjalankan proses sitaan dan siasatan kes dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat rang undang-undang ini mempunyai enam fasal kesemuanya yang telah tertera di dalam dokumen rang undang-undang *blue bill* yang telah diedarkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Menyokong?

Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]: Tuan Yang di-Pertua, saya mahu menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri menyokong, *alhamdulillah*. Ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah untuk meminda Akta Kastam 1967 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan.

11.16 pg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Now*, Jabatan Kastam Diraja Malaysia merupakan badan yang sangat penting dalam menjana pendapatan negara dan memastikan cukai ke atas barangan dan transaksi perdagangan dikutip dengan efisien.

Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020 dialu-alukan bagi memperkasa jabatan ini. Pindaan terhadap Akta Kastam 1967 dengan peruntukan baharu mudah-mudahan akan menambah baik dan menyelaras peruntukan sedia ada dan ini akan membuahkan perundangan cukai lebih telus, berkesan dan selaras dengan perubahan semasa polisi percukaaian seperti yang dilakukan oleh negara-negara maju.

Pindaan ini juga mudah-mudahan akan dapat memperkasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan memastikan kurangkannya berlaku ketirisan dalam pengutipan hasil cukai kerajaan.

Diharap juga, pindaan ini dapat mengurangkan berlaku ketidakpatuhan cukai oleh pihak yang terlibat. Memang saya bersetuju dengan pindaan ini akan memberi lebih ruang kepada perkara berkaitan kuasa pegawai-pegawai kastam untuk mengurus tahanan reman serta kuasa pegawai kastam menjalankan proses sitaan dan siasatan kes yang lebih cekap dan pantas.

Cuma, seksyen baharu iaitu seksyen 116E tentang '*Evidence of agent provocateur admissible*'. Bahagian ini mesti dilayani dengan berhati-hati dan saya mencadangkan beberapa panduan yang hendak di laksanakan. Yang penting sekali ialah keterangan-keterangan ejen provokator yang tidak dapat dikolaborasikan. Seksyen ini, boleh didapati di dalam Akta Dadah Berbahaya 1950 iaitu seksyen 40A.

Akan tetapi, Akta Dadah satu seksyen yang 100 peratus jenayah, tetapi kesalahan-kesalahan dalam Akta Kastam adalah *quasi-criminal* sahaja. So, dia *standard to proof* adalah berlainan. Lagi satu saya hendak beritahu ke Dewan ini ialah jika dibaca seksyen 116E-tajuknya dalam Bahasa Melayu (BM) iaitu menyatakan, akta ini dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 116D, seksyen yang berikut.

■1120

Bila dibaca subseksyen 1, dengan 2 didapati adalah dalam bahasa Inggeris. Soalan saya kenapa dalam naskhah rang undang-undang ini versi BM mempunyai dua bahasa. Ini telah merojakkan bahasa, adakah ini silap *copy and paste*, dengan izin, atau tiru dan lekat *or* memang daripada bahasa ini digunakan. Perhatian utama saya atau *the main concern*, dengan izin, adalah apabila rang undang-undang diluluskan untuk menjadi akta ia mesti diterima sebagai apa dan bagaimana dinyatakan dalam rang undang-undang. Bahasa dalam rang undang-undang hendaklah diikuti tidak boleh ditukar kemudian.

Tentang seksyen 116E, dengan izin, ejen provokator boleh berbohong dan menyatakan apa-apa yang memudaratkan tertuduh dalam mahkamah. Mahkamah tidak mempunyai budi bicara untuk mengaku melainkan jika berjaya dibantah yang mana ini merupakan tugas yang berat atau *an uphill task*, dengan izin. Kedua, ejen provokator mungkin mempunyai alasan *altruistic* diri untuk membingkaikan atau memperbaiki orang kena tuduh yang tidak bersalah yang tidak akan tetapi kerana perangkap itu akan melakukan kesalahan ini.

Ketiga, bukti-bukti ciri yang dikemukakan oleh ejen provokator adalah berbahaya kerana mereka membunyikan banyak perkara dan melindungi pemberi maklumat dengan kata-kata pembohongan. Akhir sekali, beberapa orang ejen provokator mungkin terlalu

bersemangat memberikan keterangan di mahkamah dan cenderung menambah bukti atau mengganggu saksi untuk melindungi mereka dan melakukan perkara yang tidak adil untuk mendapatkan sabitan kepada orang kena tuduh.

Oleh itu, saya memang setuju dengan pindaan ini cuma perlu sedikit penjelasan sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip.

11.22 pg.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: *Bismillahi Rahman Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana turut dipanggil untuk membahaskan pindaan rang undang-undang berkaitan dengan kastam ini. Sementara kita bersetuju dengan pindaan ini, saya ingin menarik perhatian Kementerian Kewangan dan juga kementerian yang menjaga kastam ini supaya diberikan perhatian kepada seksyen 141, Akta Kastam 1967 berkenaan *reward* kepada pegawai-pegawai kastam.

Dahulu mana-mana orang yang memberikan maklumat sehingga kastam membuat rampasan, pegawai-pegawai yang terlibat membuat rampasan dengan jumlah-jumlah besar yang tertentu mereka diberikan *reward*. Sebab itu, kita tengok tangkapan dan juga sitaan atau rampasan yang dibuat oleh kastam melonjak tinggi. Akan tetapi akhir-akhir ini, kebelakangan ini kita lihat rampasan semakin kurang. Sedangkan di pasaran kita ada rokok seludup, rokok itu dan macam-macam lagi arak seludup. Saya yakin kalau *reward* ini dikembalikan, mereka akan kerja bermati-matian.

Bukan ini- *reward* ini memang dibenarkan dalam Akta Kastam seksyen 141, 1967. Ini bukan hendak mengada-ada ini. Tuan Yang di-Pertua, kita tahu Kastam selain daripada Polis Diraja Malaysia dan Angkatan Tentera Diraja Malaysia, kastam juga mendapat gelaran Kastam Diraja bernaung di bawah Yang di-Pertuan Agong. Maknanya kalau berlaku sesuatu di dalam negara kita kacau bilau dan sebagainya kastam masih terus boleh berfungsi mengutip cukai dan perang kastam sejak dulu lagi kita tahu merupakan pemungut cukai antara yang terpenting dalam negara yang tertinggi selain dari Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Saya menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kewangan jangan takut-takut, jangan ragu-ragu selain daripada kita bersetuju dengan pindaan ini semak semula seksyen 141 membolehkan kastam terus berfungsi dengan lebih bersemangat lagi untuk mengutip cukai untuk negara kita. Saya ulangi seksyen 141, Akta Kastam 1967 saya mohon Yang Berhormat Menteri Kewangan dan pegawai-pegawai tinggi kastam jangan malu-malu untuk mengadakan pertemuan dengan Yang Berhormat Menteri Kewangan bagi memperjuangkan

perkara ini. Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk menyokong pindaan Akta Kastam ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. Dijemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

11.25 pg.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, saya hendak rakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas ruang yang diberikan untuk turut sama berbahas berkaitan dengan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020 seperti yang telah dinyatakan yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri sebentar tadi ia adalah untuk memastikan proses menjalankan tugas kastam ini lebih mudah, lebih perkasa dan dapat diseragamkan kemudian. Yang penting sekali akhirnya negara tidak akan mengalami ketirisan kutipan cukai.

Terdapat enam pindaan yang telah pun dibuat seperti yang terdapat di dalam kertas biru ini cuma sedikit sahajalah yang turut saya ingin lontarkan ialah berkaitan dengan kuasa untuk menahan reman. Difahamkan ketika ini kastam tidak ada kuasa menahan reman dan ia tertakluk kepada kuasa polis. Maka, sudah tentulah ia akan melibatkan lagi urusan proses tersebut. Manakala lokap yang dimiliki oleh pihak kastam ketika ini tidak digazet dan hanya berupaya menahan dan untuk melakukan kesalahan secara bersifat sementara sahaja.

Maka, sudah tentulah kalau sekiranya ini berlaku maka urusan untuk kastam hendak melaksanakan tugas mereka akan menjadi terhad dan niat kita untuk memperkasakan jabatan ini akan menjadi lebih susah dan keberkesanan atau daripada segi *efficiency*-nya akan terjejas selari dengan tuntutan semasa. Selain daripada itu, kita minta supaya tempat tahanan kastam ini dapat digazet dan supaya untuk memastikan prosedur siasatan melibatkan hal ehwal perundangan berada di bawah bidang kuasa kastam sendiri untuk dilaksanakan.

Selain daripada itu, sudah tentulah tugas sebagai pegawai kastam di lapangan memerlukan senjata api dan sebagainya. Maka, kita hendakkan supaya kerajaan melihat supaya anggota kastam ini lebih mudah dapat menggunakan senjata api dan tidak tertakluk kepada undang-undang seperti biasa. Sebab banyak kes dan contoh di mana pegawai kastam telah pun diugut dihantar peluru, kemudian ada juga yang dibunuh semasa menjalankan tugas tidak terkecuali juga keluarga mereka sendiri. Maka, sudah tentulah urusan untuk melindungi pegawai-pegawai kastam di lapangan ini amat penting dan dapat ditingkatkan lagi.

Selain daripada itu, kita juga perlu mewujudkan suasana di mana perlindungan khas diberikan kepada anggota kastam yang terlibat dengan siasatan jenayah penyeludupan

ataupun juga kes-kes yang berprofil tinggi. Maka, ini akan memberikan yakin diri kepada pihak pegawai yang menjalankan tugas lebih tinggi. Selain daripada itu, kita juga tahu bahawa Jabatan Kastam mempunyai COBRA iaitu Pasukan Tempur Operasi Medan Kastam, yang ini kita kira macam hebatlah cuma kita hendak mereka ini diberikan orang kata apa kuasa untuk *shoot to death* sekiranya mereka menghadapi pihak-pihak yang memberi ancaman dengan niat untuk membunuh anggota itu semasa dalam tugas.

Maka, kita harapkan dengan wujudnya perubahan ataupun rang undang-undang ini kita hendakkan supaya Jabatan Kastam ini dapat menjalankan tugas dengan lebih selesa, dengan lebih yakin dan akhirnya pelaksanaan undang-undang dapat ditegakkan dan kerajaan sebagai pemerintah dapat menerima cukai-cukai yang diwajibkan, yang diperlukan ke atas mereka yang terlibat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. *Assalamualaikum... [Tepuk]*

■1130

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

11.30 pg.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

Rang undang-undang yang dibentangkan pada pagi ini di dalam Dewan Negara adalah amat tepat pada waktunya. Seperti mana saya katakan tadi bahawa kita hendak cuba kurangkan. Walaupun sekarang ini bajet defisitnya terbesar dalam sejarah bajet negara tetapi kita cuba kurangkanlah dengan kita mengemas kini kaedah-kaedah untuk mendapatkan hasil yang terbanyak kepada negara.

Kerana kita sedia maklum, selepas pada Lembaga Hasil Dalam Negeri, jabatan yang kedua yang memberi pendapatan kepada negara- kastam itu sendiri. Oleh sebab itu, sudah sampai waktunya segala kuasa yang sebelum ini terletak hanya kepada polis diberikan sama juga kepada kastam dan juga jabatan-jabatan lain yang terlibat supaya pendapatan negara dapat ditambahkan lagi.

Saya sangat menyokong apa yang telah dibentangkan oleh kedua-dua orang sahabat saya sebelum ini kerana kita sedia maklum, anggota polis dalam Malaysia ini hanya sekitar 110 ribu orang sahaja. Jadi, sudah barang tentu ia tidak mampu untuk mengawal sempadan negara kita yang mana panjang pantainya sahaja pun sudah lebih daripada 4,800 kilometer. Memanglah polis tidak mampu untuk mengawal kesemuanya dengan keanggotaannya

berjumlah 4,800. Tambahan pula, kawasan kita ini merupakan antara kawasan transit dadah dunia yang terbesar, menjadi tempat transit oleh warganegara asing.

Cuma, saya mengambil kira di sini di mana saya mencadangkan kepada kastam, kemungkinan pada tahun ini kastam menjangkakan pendapatannya mungkin sekitar RM60 bilion atau lebih sedikit. Dengan penguatkuasaan ini, saya jangkakan kita dapat menambahkan lagi pendapatan Jabatan Kastam itu sendiri.

Cuma, kita sedia maklum, kita *be practical* lah, untuk menghapuskan korupsi 100 peratus ini, kalau *layman's terms*, perkataan orang biasalah, *almost impossible*, hampir mustahil. Akan tetapi, sekiranya kita dapat mengurangkan kepada tahap yang paling optimum, misal kata kita *target* kebocoran itu dapat diminimumkan ke tahap, misal kata sekitar 25 hingga 35 peratus sahaja, sudah barang tentu hasil negara boleh meningkat RM5 ke RM10 bilion tanpa payah.

Oleh sebab itu, saya melihat bahawa kastam dalam hal dia memberi kuasa kepada pegawai-pegawainya supaya boleh bertindak sebagaimana anggota polis, pada masa yang sama, kastam juga mesti melihat kepada kaedah-kaedah kerana umumnya yang melarikan duti kastam, cukai kastam ini orang-orang kaya.

Jadi, seperti mana yang dikatakan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid tadi, bahawa kita boleh memberi upah kepada pegawai-pegawai yang melaporkan ini. Akan tetapi, saya fikir kastam mesti ada pasukan perisik seperti mana *special branch* dalam polis. Ia mesti ada. Kebanyakan kita tidak sedar yang polis-polis *special branch* ini. Tahu-tahu duduk kampung kita lima bulan pakai serban, oh, rupa-rupanya perisik.

Jadi kastam pun mesti ada kaedah itu. Kerana kita kena faham fasal kastam ini- minta maaf lah sahabat saya Yang Berhormat Senator Zahid. *You* bagi dia RM10 ribu- katalah kerajaan bagi dia *reward*, hadiah RM10 ribu. *Criminal people* itu yang terlibat dengan ini, dia lagi hebat sebab dia bagi RM20 ribu. Jadi apabila permainan angka ini ditebarkan, maka yang RM20 ribu menjadi pilihan daripada RM10 ribu. Oleh sebab itu, kita mesti melantik *special branch* seperti mana polis buat, yang kita tidak sedar dia ialah seorang perisik.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Mohon penjelasan Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Sila, sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: *Special branch* ini pun boleh mendapat *reward* juga kah?

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya sokong demi keselamatan negara.

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencerahan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Sila, sila.

Puan Asmak binti Husin: Okey. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator. Apabila bercakap tentang penguatkuasaan dan juga cadangan untuk memantapkan kastam ini, saya ingin bertanya, apakah SOP berkaitan dengan perlindungan terhadap pegawai kastam wanita? Sama ada ejen provokasi, kalau ada perisik, selepas ini perisik- sebab kita pernah ada kes pegawai kastam wanita di Kelantan iaitu kes Anisa yang telah berakhir dengan kematian dan sampai sekarang kes masih dalam siasatan. Jadi kita ingin bertanya, apakah SOP yang khusus berkaitan dengan pegawai wanita? Kalau boleh, kita hendak juga tahu apakah hasil laporan daripada kes Anisa sebab kita sudah bangkitkan berkali-kali dalam Dewan ini. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya ucapkan terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat Senator Asmak kerana sangat cakna kepada wanita. Jadi saya rasa *high time* lah- semasa saya menjadi Ahli Parlimen pada tahun 1999 dahulu, semua tempat minta penguat kuasa ini ada senjata api.

Jadi, *this is the high time*, waktunya semua bahagian penguat kuasa ini, *special branch* kastam kalau hendak ditubuhkan, juga diberikan senjata api untuk mempertahankan diri mereka kerana penganas ini sangat hebat. Sekarang ini profesional pun sudah mula menjadi penganas, sudah mula menjadi *criminal people, criminal professional*. Jadi, sebab itu pihak kerajaan mesti *one step ahead than them* dari sudut perancangan dan sebagainya.

Oleh sebab itu, saya rasa *high time* lah, sudah sampai waktunya semua penguat kuasa ini dibekalkan dan diluluskan oleh Parlimen untuk dibekalkan senjata api bagi mempertahankan diri mereka dan, pada masa yang sama, menimbulkan kegerunan kepada pihak pelari cukai kastam dan juga kakitangan-kakitangan mereka.

Cuma, kita mesti melihat kepada kejayaan beberapa buah negara. Antaranya Turki di bawah pimpinan Erdogan, Presiden Turki. Dia telah meminimumkan tahap penipuan dan juga pelarian cukai kastam ini kepada satu tahap sehingga 80 peratus. Oleh sebab itu negara Turki sekarang sudah berada satu liga- yang berbeza dalam segi ekonomi, saiz ekonominya dan antara negara yang sedang digeruni oleh rakan-rakan negara Eropah.

Oleh sebab itu saya rasa Malaysia ini, *insya-Allah*, kalau kita betul-betul bersemangat untuk mengurangkan ketirisan ini, *insya-Allah*, saya rasa kita boleh mencapai. Sebab itu ada satu Firman Allah SWT... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Kena siapkan dengan segala kekuatan yang ada kepada kita... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Apabila kita sudah pelan dan sebagainya, kita mesti bersungguh-sungguh. Jangan sekadar lalu di Dewan Rakyat, lalu di Dewan Negara tetapi rakyat tengok, "*Ada apa-apa perbezaan?*". Tidak ada apa-apa perbezaan.

Timbalan Yang di-Pertua: Masa sudah tamat, Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Jadi saya fikir sudah sampai waktunya kerajaan mesti melihat kepada mekanisme dengan pembelian alat-alat baru, dengan memberi kuasa-kuasa lebih kepada anggota supaya ketirisan dalam pengutipan hasil kastam ini dapat dikecilkan demi menambah pendapatan negara.

Sekian, terima kasih. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Sekarang saya ingin menjemput Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh.

11.38 pg.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terlebih dahulu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020 ini.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri dalam sesi perbahasan Dewan Rakyat yang lalu, saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang ini sebagai satu langkah untuk memastikan pematuhan cukai dan menyelesaikan masalah ketirisan hasil cukai kerajaan. Namun, ada beberapa perkara yang ingin saya sentuh di sini.

Pertama, berdasarkan perbahasan Dewan Rakyat, saya tertarik dengan satu *point* yang dibahaskan oleh salah seorang Yang Berhormat iaitu mengenai proses dokumentasi barang yang diimport masuk ke negara ini, di mana Yang Berhormat tersebut membangkitkan mengenai kelemahan daripada segi e-kastam itu sendiri di mana bukan semua dokumentasi adalah berbentuk elektronik, malah masih banyak dokumentasi berbentuk *paperwork* yang digunakan.

■1140

Oleh yang demikian, saya berpendapat kerajaan perlu mempertingkatkan sistem e-kastam negara dengan mewajibkan pendokumentasian elektronik. Hal ini bagi memastikan koordinasi antara semua pihak terlibat, terutamanya antara Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) agar bersifat telus dan efisien.

Kedua, antara faktor utama yang menyebabkan berleluasanya aktiviti penyeludupan di negara ini kerana wujudnya pegawai-pegawai kerajaan yang tidak amanah dalam agensi mahupun jabatan. Umum mengetahui mana-mana agensi atau jabatan yang terlibat mengeluarkan apa-apa jenis lesen atau permit amat terdedah kepada aktiviti rasuah sama ada secara suka rela atau sebaliknya.

Oleh itu, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan- tadi dicadangkan beri penghargaan. Di sini saya mencadangkan juga supaya kerajaan perlu meneliti nilai integrasi dan jati diri yang ada pada seseorang calon pekerja waktu sesi temu duga dijalankan. Program-program peringatan ataupun tazkirah perlu diberikan selalu kepada pegawai-pegawai bagi mengingatkan mereka yang lupa sebagai mana firman Allah... *[Membaca sepotong ayat Al-Quran] "...dan berikanlah peringatan, sesungguhnya peringatan itu memberi manfaat kepada orang-orang yang beriman."*

Jadi, seseorang pekerja ataupun pegawai khususnya yang beragama Islam yang meletakkan asas kepercayaan bahawa semua perbuatan mereka akan diadili oleh Allah SWT dengan seadanya dan beriman dengan hadis Baginda SAW bahawa kedua-dua pemberi dan penerima rasuah, tempatnya adalah di neraka Allah, *insya-Allah* akan takut melakukan penyelewengan tersebut. Saya juga ingin bertanya, kenapakah kes kartel daging yang sedang panas sekarang ini berleluasa sehingga sampai 40 tahun?

Ketiga, dari sudut pandang yang lain, pegawai kerajaan juga yang terpaksa menerima rasuah ini kadang-kadang disebabkan mereka ini menerima ugutan bukan sahaja ancaman kepada diri mereka tetapi juga sehingga kepada keluarga mereka. Mereka seolah-olah tidak mempunyai pilihan, terpaksa menggadaikan prinsip demi memastikan keselamatan mereka terjamin.

Jadi, selain dari bagi senjata yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad tadi, juga saya ingin bertanya di sini dalam suasana ini, apakah solusi dan jaminan kerajaan untuk memastikan pegawai-pegawai terlibat boleh bertindak berani dengan melaporkan apa-apa cubaan menawarkan rasuah kepada mereka?

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat, mohon penjelasan sikit Yang Berhormat.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ya.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berhubung dengan terlanjur Yang Berhormat menyebutkan tentang kartel daging, habis sudah daging-daging yang kita makan ini, kita pun tidak tahu sudah jadi darah daging. Jadi, Yang Berhormat setuju tidak kalau sekiranya mengambil kesempatan daripada semangat Dewan Negara pada hari ini, kita mencadangkan kepada kerajaan supaya satu Suruhanjaya Siasatan Diraja ditubuhkan dan kita juga nak mendengar daripada SPRM, penemuan-penemuan baharu daripada siasatan mereka. Apakah Yang Berhormat bersetuju supaya perkara ini tidak berulang lagi pada masa akan datang? Sekian, terima kasih.

Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh: Ya, terima kasih. Cantik cadangan tersebut, saya bersetuju. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh. Dipersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris.

11.44 pg.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri ruang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Kastam (Pindaan) 2020. Kalau kita lihat di bawah pindaan ini kelak, ia memperuntukkan bahawa apabila apa-apa barang yang duti kastam telah dibayar, dieksport semula di samping Ketua Pengarah boleh membenarkan 9/10 peratus daripada duti yang dikira mengikut subseksyen 93(2), Akta 235 dibayar semula sebagai pulangan cukai di bawah fasal 2.

Tuan Yang di-Pertua, saya maklum bahawa eksport semula suatu kemudahan dan diperuntukkan di bawah Akta Kastam 1967 dan Peraturan-peraturan Kastam 1977 yang diberi kepada pengimport yang membawa masuk barang-barang ke Malaysia melalui darat, laut dan juga udara. Cuma saya hendak tahu menerusi pindaan ini, sejauh manakah anggaran kewangan atau punca duit atau wang yang telah dikaji oleh pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia dengan memberi pulangan kepada pendapatan negara? Bolehkah kerajaan memaklumkan apakah kategori-kategori barangan yang diimport dan dieksport semula ini yang dimaksudkan dalam rang undang-undang yang kita sebutkan sekarang?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak tahu jumlah gudang-gudang berlesen ini di seluruh negara kerana sudah tentu masalah gudang haram juga berleluasa di negara kita, sama seperti operasi kilang-kilang haram di sepanjang sungai yang sememangnya sukar untuk ditangani oleh pihak kastam.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga hendak bertanya, bagaimanakah pula barangan yang diimport yang masih berada dalam zon perdagangan bebas yang belum diluluskan pengimportannya oleh pihak kastam? Apakah menerusi pindaan ini ia termaktub dalam sejauh mana ia memberi impak atau keberkesanan kepada ekonomi negara terutama bagi meningkatkan pendapatan negara pada keadaan ekonomi negara sekarang?

Saya sangat prihatin kerana di bawah rang undang-undang ini ada juga melibatkan implikasi kewangan dan amaun yang belum dapat ditentukan. Jadi, kita sebagai penggubal undang-undang perlu tahu dan, dengan izin, *concern* dengan aliran kewangan pada masa tempoh ekonomi global yang masih tidak menentu lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu juga sedikit sebanyak, sejauh mana pihak kerajaan mengatasi masalah ekonomi gelap yang mana turut digelar sebagai *black market* atau *shadow economy* yang merangkumi segala aktiviti ekonomi yang tidak sah daripada segi undang-undang, pendapatan yang tidak dilaporkan serta sering dikaitkan dengan sindiket,

jenayah dan juga amalan rasuah. Selain daripada aktiviti jenayah berat seperti dadah, judi, pelacuran, penyeludupan dan penipuan termasuk juga dalam ekonomi gelap adalah peniagaan yang tidak dilaporkan bagi tujuan mengelakkan pembayaran cukai serta aktiviti pengubahan wang haram.

Contoh, semalam ada satu persidangan meja bulat. Perkara yang sangat mudah, diminta kerajaan beri penjelasan iaitu rokok seludup yang hari ini sangat berleluasa di negara kita. Satu, masalah duti tidak masuk kepada kerajaan dan satu lagi menyebabkan penyakit kerana rokok seludup ini dikatakan terlampau banyak nikotin. Jadi, saya hendak minta penjelasan daripada pihak kementerian. Mudah-mudahan penjelasan ini dapat merungkaikan sedikit sebanyak permasalahan dan keresahan rakyat atau peniaga-peniaga di peringkat kampung. Sekian, terima kasih dan saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Untuk pembahas yang terakhir, saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan.

11.49 pg.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pada hari ini kita akan membahaskan tentang rang undang-undang meminda suatu akta untuk meminda Akta Kastam 1967. Sesuatu rang undang-undang itu hendak dipinda ataupun ditambah baik sudah semestinya adalah untuk memastikan tindakan-tindakan yang dibuat oleh pihak kastam akan lebih bergerak cergas dan juga menepati sasaran yang dibuat oleh pihak jabatan.

■1150

Namun yang demikian, kita harus ingat daripada peringkat awalnya kenapa undang-undang ini hendak dipinda? Iaitu sudah tentulah bersangkutan paut kepada keberkesanan kerja seorang pegawai kastam itu. Pihak kerajaan harus melihat bahawa setiap tugas yang diberi oleh pegawai-pegawai kastam yang menjaga *check point* ataupun tempat utama perlulah dibekalkan dengan peralatan-peralatan yang canggih. Kalau boleh kita ingin tahu, apakah peralatan-peralatan sebenarnya yang telah dibekalkan di *check point* tertentu? Adakah sekadar hanya menggunakan mata empat ataupun menggunakan mesin-mesin yang berbentuk X-ray dan canggih pada saat ini? Sekiranya perkara ini telah diatur ataupun telah diberi oleh pihak kerajaan, sudah semestinya perkara-perkara yang kita tidak ingini yang diseludupi masuk tidak akan berlaku.

Kedua, saya ingin menyentuh sebagaimana rakan-rakan Yang Berhormat Senator menyatakan tentang barang-barang larangan seperti rokok seludup dan juga barang minuman keras. Banyak di dada-dada akhbar memaparkan kejayaan pihak kastam

menumpas isu rokok seludup dan minuman keras ini, tetapi amat jarang kita mendengar bagaimana rokok seludup dan minuman keras ini diproses. Adakah selepas dirampas ia disimpan dan dilupuskan?

Adakah rokok-rokok seludup ini akan dibenarkan berada di pasaran? Ini perkara yang perlu kita tahu juga supaya proses ataupun SOP yang dikenakan ke atas rokok seludup dan minuman keras ini supaya tidak ada di pasaran. Ini kerana setakat ini kita jarang mendengar pihak kastam melupuskan rokok seludup yang dirampas pada tahun ini misalnya. Kalau-kalau bulan Disember ini akhir tahun ada jualan besar-besaran ataupun bagaimana? Ini yang kita mahu tahu tentang SOP yang dikenakan oleh pihak kastam tentang barang-barang larangan ini.

Kemudian rakan-rakan Yang Berhormat Senator juga menyentuh tentang keselamatan anggota kastam di mana kebelakangan ini banyak ugutan dalam dunia yang serba canggih ini sudah tentunya pihak anggota kastam juga terdedah dengan perkara-perkara yang kurang untuk menjaga keselamatan mereka.

Soalan saya, adakah pihak kastam ini di bekal dengan kuasa polis dan juga senjata api? Setahu kita, *rank* yang bagaimana yang dibekalkan dengan senjata api? Adakah semua anggota ataupun hanya pegawai yang dibekalkan dengan senjata api kerana ini penting untuk keselamatan mereka yang menjaga hasil mahsul negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap apa yang telah didedahkan oleh rakan-rakan Senator ini dapat dinyatakan supaya kita faham tentang apa yang berlaku sekarang ini. Dengan adanya sokongan pindaan rang undang-undang ini, mudah-mudahan pihak kastam dapat...

Puan Asmak binti Husin: Mohon pencerahan Yang Berhormat, jiran?

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Sila, sila.

Puan Asmak binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jiran, terima kasih. Selain daripada dibekalkan dengan senjata, peralatan canggih dan lain-lain saya ingat antara perkara utama yang perlu ditekankan juga adalah daripada segi pengisian dalaman sebab berdepan dengan mungkin duit sogokan yang bernilai ribuan, ratusan ribu dan sebagainya. Jadi, saya ingin bertanya juga pandangan Yang Berhormat, macam pada polis kita ada BAKA. Kalau pada tentera kita ada KAGAT. Bagaimanakah pula dengan kastam? Saya tidak pernah dengar. Mungkin boleh dapat penjelasanlah. Okey, terima kasih.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Saya menyokong Yang Berhormat Puan Asmak berhubung dengan integriti anggota kastam ini. Jadi saya juga berharap kalau pihak kastam dapat menyediakan satu kurikulum integriti bagi anggota-anggota baharu. Seharusnya memang kita tahu banyak kempen anti rasuah yang dibuat oleh pihak kastam tetapi masih

lagi berlaku. Jadi kalau boleh pihak kerajaan menilai kembali bagaimana seseorang pegawai kastam itu dilantik? Adakah ilmu agama itu diselitkan juga dalam perkhidmatan mereka?

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong pindaan Rang Undang-undang Kastam ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menjawab.

11.55 pg.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada sekurang-kurangnya tujuh Ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat dalam perbahasan melibatkan pindaan Akta Kastam yang bertujuan untuk mengukuhkan penguatkuasaan kastam dan membolehkan kerajaan dapat memungut hasil yang lebih dan peruntukan-peruntukan baharu dalam akta ini iaitu perundangan yang lebih-cukai yang lebih telus, efisien, selari dengan perubahan semasa polisi percukaian serta dapat memenuhi keperluan perniagaan dan pembayar cukai.

Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun membincangkan beberapa isu yang telah berbangkit sebentar tadi dan saya telah mendengar dengan teliti cadangan-cadangan yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkaitan dengan isu-isu yang dibangkitkan. Misalnya yang pertama tadi Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas telah pun membangkitkan berkaitan dengan isu-isu yang melibatkan seksyen 116.

Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya seksyen 116E ini tidak hanya diperuntukkan kuasa ini bagi Akta Kastam bagi membolehkan ia lebih berkesan tetapi yang penting di sini ialah ia juga adalah merupakan terkandung dalam akta-akta kerajaan yang lain iaitu yang melibatkan misalnya seksyen 40A, Akta Dadah Berbahaya 1992, seksyen 134A *Consumer Protection Act* dan juga seksyen 132, *of Trademarks Act 2019*, dan beberapa akta yang lain lagi.

Yang Berhormat Senator juga ada membangkitkan berkaitan dengan ejen provokator. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana amalan sebelum ini kita berharap kepada *informer* ataupun ampamar untuk memberikan maklumat terhadap kegiatan-kegiatan penyeludupan dan juga usaha-usaha untuk menggagalkan penguatkuasaan kastam. Akan tetapi kerajaan memikirkan bahawa ada keperluan untuk mewujudkan ejen provokator untuk digunakan sebagai perisik dan juga membantu kerja-kerja penguasa kastam untuk mendapatkan maklumat daripada penjenayah-penjenayah khususnya mereka yang cuba untuk menggagalkan penguatkuasaan kastam dan pengintipan-pengintipan ini adalah penting untuk membolehkan kita dapat mengambil tindakan yang lebih berkesan.

Oleh sebab itu dalam akta seksyen 116E ini kerajaan telah menyediakan peruntukan ejen provokator di mana keterangan ejen provokator itu dapat digunakan dalam perbicaraan. Di mana dengan adanya peruntukan ini sekurang-kurangnya kita akan dapat memastikan bahawa ejen provokator ini dapat memberikan kerjasama yang lebih berkesan dan memastikan bahawa penguatkuasaan yang dibuat oleh pihak kastam akan bertambah baik.

Yang Berhormat juga ada membangkitkan kenapakah dalam naskhah rang undang-undang versi Bahasa Malaysia mempunyai dua bahasa. Untuk makluman Yang Berhormat, naskhah sahik untuk Akta Kastam 1997 adalah dalam Bahasa Inggeris memandangkan akta ini akta lama yang tidak mempunyai naskhah sahik dalam Bahasa Malaysia.

Yang Berhormat sahabat saya Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip ada membangkitkan berhubung dengan *reward* bagi membolehkan kastam terus berfungsi dengan lebih bersemangat lagi. Untuk makluman Yang Berhormat, JKDM sememangnya telah mengemukakan cadangan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mempertimbangkan semula *reward*...

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Soalan tambahan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: ...Kepada pegawai dan...

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Boleh soalan tambahan kah?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: ...Masih lagi dalam pertimbangan Kementerian Kewangan.

Seorang Ahli: Penjelasan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Penjelasan, *sorry*.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya.

■1200

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Akhir-akhir ini, saya sering kali terdengar jawapan daripada pihak kerajaan tentang terminologi-terminologi undang-undang ini, seolah-olah Bahasa Melayu kita tidak ada untuk *replaced*, untuk ganti. Bolehkah di pihak kementerian juga memikir, supaya terminologi Bahasa Melayu juga diadakan selain daripada terminologi bahasa Inggeris? Sekian, terima kasih.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: "*Reward*" itu, ganjaran.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Seperti mana Yang Berhormat Senator sedia maklum, bahawa draf undang-undang ini adalah disediakan oleh AGC. Jadi, memang undang-undang ini adalah berdasarkan kepada undang-undang sedia ada. Cadangan Yang Berhormat Senator itu mungkin bolehlah dipanjangkan kepada mereka untuk memastikan bahawa di masa akan datang, penggunaan Bahasa Malaysia juga dapat diperkasakan dalam draf undang-undang ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, ada membangkitkan tentang lokap yang dimiliki oleh kastam pada ketika ini tidak digazetkan. Untuk hal ini, yang menjejaskan kecekapan kastam, dan tempat tahanan kastam boleh digazetkan semula supaya anggota Kastam dapat berfungsi.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, suatu ketika semua kes berkaitan dengan kesalahan-kesalahan kastam adalah dikendalikan oleh pihak polis ataupun tahanan dibuat di balai-balai polis. Akan tetapi, disebabkan berlakunya kesesakan, maka ada keperluan untuk memperuntukkan kuasa kepada kastam untuk membolehkan mereka dapat mengadakan penahanan terhadap pesalah-pesalah yang berkait dengan penyeludupan ataupun kesalahan berkaitan dengan Akta Kastam ini, di premis-premis kastam yang diwartakan.

Ini adalah untuk membolehkan bahawa kastam sendiri dapat diberikan kuasa polis untuk menahan mereka yang dituduh untuk melakukan kesalahan ini. Untuk itu, kastam diberikan kuasa...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Yang Berhormat?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: ...Untuk membolehkan mereka mendapat kuasa ini.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Boleh saya mencelah sedikit, Yang Berhormat?

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Saya minta supaya pihak kastam fokus kepada tugas, tugas dengan mengutip cukai, membuat rampasan, bukan untuk- untuk menahan ini, saya rasa kastam kena kaji baliklah peranan dia.

Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti mana yang saya katakan tadi, bahawa ini adalah berkait dengan masalah yang wujud pada ketika ini kerana jenayah semakin bertambah. Disebabkan itu pihak polis terpaksa menghadapi banyak kes di mana mereka juga terpaksa berhadapan dengan- untuk menghadapi kesalahan-kesalahan kastam.

Oleh sebab itu, pihak kastam diberikan kuasa dalam peruntukan ini untuk membolehkan mereka dapat melaksanakan tanggungjawabnya iaitu untuk membolehkan mereka menahan di premis-premis kastam yang diwartakan supaya mereka dapat memastikan bahawa keberkesanan berlaku dalam pelaksanaan undang-undang kastam.

Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad mencadangkan kepada kastam dalam hal memberi kuasa kepada Pegawai-pegawai Kastam mesti melihat kepada kaedah-kaedah iaitu untuk mengurangkan ketirisan hasil. Kastam perlu ada pasukan perisik seperti *special branch* seperti mana dalam polis.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JKDM memang mempunyai pegawai risikan sendiri dan peruntukan ejen provokasi yang dicadangkan ini sebenarnya adalah untuk

memperkasakan lagi fungsi dan peranan cawangan perisikan Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, perlu SOP khusus kepada para pegawai wanita bagi melindungi mereka. Sememangnya, untuk makluman Yang Berhormat Senator, perlindungan diberikan kepada pegawai kastam adalah sama rata, sama ada pegawai lelaki ataupun pegawai perempuan. Berkaitan dengan kes yang melibatkan seorang pegawai kastam yang telah terbunuh, Allahyarhamah Puan Anisah Ali, kes ini masih lagi dalam siasatan polis. Ini kerana apabila berlaku sesuatu jenayah, ia merupakan tanggungjawab polis untuk menyiasatnya. Pada ketika ini, ia masih dalam proses siasatan.

Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, juga ada membangkitkan sama ada pegawai kastam diberikan senjata api. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua pegawai kastam yang menjalankan tugas-tugas penguatkuasaan sememangnya dibekalkan dengan senjata api mengikut keperluan tugas di lapangan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh ada membangkitkan tentang isu proses dokumentasi barang yang diimport masuk ke negara. Kelemahan e-Kastam di mana semua dokumentasi harusnya berbentuk elektronik dan masih banyak yang menggunakan sistem manual.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, JKDM sememangnya mempertingkatkan perkhidmatan secara elektronik dari semasa ke semasa. Yang Berhormat Senator juga ada membangkitkan berkaitan dengan isu integriti dan jati diri calon pegawai kastam.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengambilan pegawai kastam melalui proses tapisan yang ketat bagi memastikan tahap integriti terpelihara di kalangan pegawai-pegawai yang dilantik. Yang Berhormat Senator juga ada membangkitkan berkaitan dengan pengeluaran permit yang tidak terkawal.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pengeluaran permit import bukan sahaja dikeluarkan oleh JKDM, tetapi juga pelbagai agensi yang lain yang mengawal selia produk secara langsung seperti MAQIS, MITI, MAFI dan lain-lain.

JKDM hanya menguatkuasakan kawalan import eksport di sempadan dan pengeluaran permit adalah tertakluk kepada kawal selia agensi dan kementerian berkaitan. Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator ada membangkitkan tentang kes kartel daging yang berleluasa. Berhubung dengan isu ini, JKDM terlibat dalam melaksanakan siasatan di samping beberapa buah agensi yang lain seperti MAQIS dan KPDNKK. Proses siasatan masih berjalan dan kita akan dapat maklumat sekiranya siasatan ini selesai.

Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, ada membangkitkan tentang sejauh manakah pindaan memberi pulangan hasil yang dijangkakan kepada negara?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, anggaran pulangan hasil tidak dapat ditentukan kerana seksyen ini melibatkan bayaran balik cukai kepada pembayar cukai. Apakah kategori barang yang dieksport dan diimport?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua barang yang diimport tetapi juga dieksport semula. Walau bagaimanapun, tuntutan semula duti cukai yang telah dibayar tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di bawah seksyen 93, Akta Kastam 1967.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, satu pindaan dibuat semestinya untuk membolehkan pegawai kastam melaksanakan tugas pegawai kastam, sebaiknya kerajaan perlu bekalkan peralatan di *check point*. Apakah peralatan tersebut? Peralatan yang dibekalkan di *check point* secara amnya merupakan mesin pengimbas bagi tujuan kawalan. Apa yang dilakukan ke atas rokok seludup dan minuman keras ke atas rokok seludup dan minuman keras yang telah dirampas, SOP atau barangan yang dirampas?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua rokok dan minuman keras yang dirampas akan dilucut hak dan dimusnahkan mengikut prosedur yang telah ditetapkan. Rokok dan minuman keras yang telah dirampas tidak dibenarkan untuk dipasarkan.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga ada membuat celahan sebentar tadi, berkaitan dengan bagaimana dengan borang pengisian dalaman berhubung dengan integriti dan rasuah? Setiap pegawai lantikan baharu akan didedahkan dengan kursus integriti dan setiap kursus yang dijalankan melalui JKDM mempunyai slot yang berhubung dengan subjek integriti.

Sememangnya, mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah memberikan perhatian terhadap pindaan ini. Sememangnya menjadi harapan kerajaan untuk memastikan bahawa JKDM akan menjadi sebuah agensi yang berkesan untuk memastikan penguatkuasaan dapat dipertingkatkan supaya ia akan dapat meningkatkan hasil kepada kerajaan. Dengan peningkatan hasil ini, sudah tentu kerajaan akan mendapat pendapatan yang lebih untuk membolehkan kita dapat membangunkan negara kita.

Oleh sebab itu, sokongan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator terhadap akta ini khususnya dengan memberikan cadangan yang bernas untuk memastikan bahawa Pegawai-pegawai Kastam kita dapat melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan adalah amat dihargai. Itu sahaja, Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Datuk Abd Rahim bin Bakri, Timbalan Menteri Kewangan. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perpaduan Negara (Dato' Sri Ti Lian Ker) dan diluluskan]

■1210

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG EKSAIS (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.12 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dicadangkan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2020 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Eksais 1976 [Akta 176]. Pindaan yang dilaksanakan dalam akta ini adalah merupakan pindaan susulan atau *consequential amendment* daripada Akta Kastam 1967 yang dicadangkan. Saya mohon untuk menguraikan setiap fasal dalam rang undang-undang ini yang mempunyai enam fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan mengenai tarikh permulaan kuasa akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk membina subseksyen 19(1) untuk memperuntukkan amaun tuntutan bagi pulangan duti eksais yang boleh dibuat daripada barang-barang import yang

duti eksaisnya telah dibayar apabila barang-barang ini dieksport semula iaitu tidak kurang daripada RM200.

Fasal 3 bertujuan untuk membina subseksyen 19A untuk memperuntukkan bahawa barang-barang import yang duti eksaisnya telah dibayar kemudian dieksport semula. Ketua Pengarah Kastam boleh membenarkan sembilan per sepuluh daripada duti yang dibayar itu dibayar semula sebagai pulangan cukai.

Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baharu 50B bagi memperuntukkan kuasa tambahan kepada pegawai kastam untuk mengurus dan menjaga tahanan reman, tempat tahanan JKDM sepertimana kuasa seorang pegawai polis.

Fasal 5 bertujuan memasukkan subseksyen baharu 54(3A) dan 54(3B) bagi memperuntukkan kuasa kepada pegawai kastam untuk mengseal, pengangkut, premis atau tempat yang mengandungi barang dokumen ataupun benda yang tidak dapat dialihkan bagi tujuan sitaan. Peruntukan ini juga menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mengganggu seal dan sitaan tersebut serta boleh dikenakan hukuman ke atas kesalahan berkenaan.

Fasal 6 bertujuan memasukkan seksyen baharu 56E bagi memperuntukkan kebolehterimaan keterangan ejen provokasi dan keterangan yang diberikan kepada ejen provokasi untuk digunakan dalam satu pertuduhan di bawah akta dan pindaan yang tidak dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau *consequential in nature*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Eksais 1976 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

12.16 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi laluan kepada saya, untuk berbahas untuk Rang Undang-undang Eksais (Pindaan) 2020. Pindaan terhadap eksais 1976 susulan daripada pindaan terhadap Akta Kastam 1967. Isu-isu adalah lebih kurang sama dengan Akta Kastam yang telah diluluskan tadi. Oleh itu saya tidak akan berbahas panjang.

Duti eksais menjana pendapatan negara dan merupakan duti yang ditetapkan oleh Menteri di bawah seksyen 6, Akta Eksais 1976 yang dikenakan ke atas barangan berduti yang

dihasilkan oleh syarikat yang dilesenkan di bawah seksyen 20 Akta Eksais 1976. Duti ini juga dikenakan ke atas barangan yang sama sewaktu diimport. Barangan ini tertakluk kepada duti eksais diwartakan dalam Perintah Duti Eksais 2017. Sudah tentu pihak berkuasa akan menghadapi pelbagai cabaran dalam pengutipan cukai.

Saya bersetuju bahawa pindaan terhadap kedua-dua rang undang-undang itu antara lain bertujuan bagi mengadakan peruntukan kebolehpercayaan keterangan ejen provokasi dan kebolehterimaan sebagai keterangan dalam mahkamah. Pada pendapat saya adalah tertakluk kepada limitasi keterangan-keterangan ejen provokasi yang saya hujah tadi. Sudah tentu ini akan mengurangkan kekangan pihak kastam persembahkan keterangan dalam perbicaraan dalam mahkamah. Dengan pindaan itu, pihak kastam tidak perlu bergantung sepenuhnya kepada maklumat oleh pemberi maklumat.

Sekian terima kasih. Saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

12.19 tgh.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih-*Assalamualaikum* sekali lagi kepada semua. Saya juga hendak rakamkan penghargaan atas ruang yang diberikan sedikit untuk berbahas pindaan Akta Eksais ini.

Kita tahu bahawa Akta Kastam dan juga Akta Eksais ini merangkumi urusan-urusan berkaitan dengan kutipan hasil kepada negara. Daripada laporan ekonomi tahun 2020-2021, *black economy* Malaysia ini ataupun ekonomi bayangan- *shadow economy*, *average* atau lebih kurang 21 peratus melibatkan sekitar RM300 bilion yang hilang dalam pasaran gelap.

■1220

Kemudian mengikut laporan tersebut, antara tahun 1990 sehingga 2019, *average*-nya 33.7 peratus. Tertinggi adalah antara tahun 1990 hingga 1999 iaitu 50 peratus, tahun 2001 hingga 2009 iaitu 30 peratus, tahun 2010 hingga 2019 iaitu 21 peratus dan tahun 2019 ini sehingga separuh penggal pertama tahun 2019 iaitu sekitar 18.2 peratus. Ini amat signifikan kepada hasil negara. Katalah contoh RM300 bilion ini dapat dipungut, dikutip oleh kerajaan, maka banyak lagilah perkara yang dapat dibuat oleh negara untuk kepentingan rakyat.

Mengikut laporan Jabatan Kastam pula pada separuh pertama tahun 2020, sejumlah RM812 juta telah pun tiris dalam ekonomi. Ia berlaku kerana dia menggelakkan cukai, *commercial fraud*, ada yang *under declared*, kemudian dia tukar *tariff code*, kod untuk mengimport, kemudian ada yang *abuse* kemudahan seperti di zon bebas cukai dan juga pelabuhan bebas.

Saya kira ini adalah antara kenapa ia berleluasa balik ini adalah kerana kita telah menghapuskan sistem cukai GST yang begitu komprehensif, yang ke hadapan tetapi ia diganti balik dengan cukai yang regresif iaitu cukai SST. Jadi saya mintalah- saya sudah tanya juga Kementerian Kewangan, adakah kerajaan secara serius hendak perkenalkan balik GST ini? Ini adalah untuk kepentingan semua orang kerana kita sedar kehilangan melalui cukai GST ini lebih daripada RM45 bilion dan sebenarnya ia membuka kembali kepada aktiviti ekonomi haram ataupun *black economy*.

Berbalik kepada pindaan Akta Eksais ini. Fasal 5 yang menjadi lebih penting terutama berkaitan dengan apa yang sedang disebutkan sekarang kartel daging ini. Ia akan membolehkan pihak kastam membuat *sea/* ataupun menahan peralatan yang digunakan, dokumen pengangkutan dan sebagainya.

Dalam perkara ini juga melibatkan hal-hal yang disebutkan tadi berkaitan dengan rokok. Rokok ini memanglah menjadi satu perkara yang memang menjadi masalah antara Kementerian Kesihatan dengan Kementerian Kewangan. Kementerian Kewangan ini kalau boleh hendak kutip sebanyak mana cukai tetapi Kementerian Kesihatan kata rokok ini membahayakan kepada kesihatan. Akan tetapi, orang yang merokok tidak pernah berkurangan.

Mengikut *Euromonitor International*, Malaysia berada di kedudukan teratas penyeludupan rokok iaitu sekitar 63 peratus. Antara aktiviti penyeludupan ini mencatatkan peningkatan ketara mulai tahun 2015. Rekod yang dikeluarkan oleh *Japan Tobacco International* (JTI), mengatakan 62 peratus atau 12.2 bilion batang rokok di pasaran Malaysia rokok seludup. Jadi, isunya ialah kerajaan sedar kerajaan mengenakan cukai kepada rokok-rokok yang kononnya halal ini, yang dibuat oleh kilang-kilang rokok, tetapi kita sukar untuk menangani rokok import. Akan tetapi, rokok import ini kita tidak boleh bendung ketika ini.

Mengapakah kita tidak dapat mengenakan satu sistem percukaian kepada rokok-rokok ini juga? Supaya walaupun kita tidak kutip cukai, rokok haram masuk, diseludupkan masuk, kita hilang cukai tetapi orang merokok ramai juga. Sebab, kita kena sedar perokok-perokok ini terdiri daripada pelbagai segmen. Ada yang kerja kontrak, ada yang pekerja-pekerja import, pekerja-pekerja dari luar, kemudian ada yang pekebun kecil yang tidak mampu hendak beli rokok sekotak RM17.40 ini yang macam *brand Benson & Hedges* dan sebagainya.

Jadi kita mengharapkan kerajaan melihat semula daripada segi percukaian rokok ini kerana sesungguhnya ia amat merugikan negara dan pihak kastam tidak dapat lagi- Tuan Yang di-Pertua, jam itu berhenti di situ ya? Boleh sambung sampai tengah hari atau macam mana? Oh, okey. Ada seminit lagi.

Kita mengharapkanlah rokok dan juga *vape- vape* ini pun ada satu juga benda baharu ini yang dunia moden ini menghisap *vape*. Kita hendaklah supaya kerajaan secara serius duduk semula melihat bagaimana kita hendak mengatasi masalah penyeludupan rokok yang berleluasa. Selalunya bila berlaku penyeludupan ini, orang sering menuding jari kepada pihak kastam. Akan tetapi, kita tahu bahawa pantai Malaysia ini sama ada Semenanjung kah, Sabah dan Sarawak kah, amat panjang dan luas yang memang menyukarkan untuk kerja-kerja pengawasan dan juga hendak memperkasakan undang-undang.

Jadi, saya mohon menyokong atas rang undang-undang ini. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

12.25 tgh.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberikan ruang kepada saya pada hari ini.

Kita membincangkan tentang pindaan Akta Eksais 1976. Banyak yang diperkatakan dalam cadangan ini tetapi tumpuannya adalah pada pindaan tentang kuasa pegawai. Menyebut tentang kuasa ini, ia datang bersama dengan amanah dan tanggungjawab. Saya rasa pihak kastam perlu juga meneliti tentang bagaimana untuk memaksimumkan hasil daripada tugas pegawai ini yang diberikan kuasa, diberikan tanggungjawab, diberikan amanah untuk memastikan bahawa apa jua tugas untuk mengutip cukai untuk memastikan tidak ada ketirisan, tidak ada pejam sebelah mata, pejam dua belah mata dan hasil tidak dikutip. Jabatan perlu memastikan bahawa setiap pegawai itu diberikan amanah, pesanan yang sesuai agar mereka sentiasa ingat bahawa tugas mereka adalah demi agama, demi bangsa, demi negara.

Ini kerana sekiranya semua ada dalam jiwa, dalam hati masing-masing tentang itu, saya pasti bahawa cerita yang heboh sekarang ini tentang kartel daging, daging kotor apa semua ini, tidak akan timbul kerana tanggungjawab semua ada. Cuma mungkin terlalai ataupun sengaja melalaikan tugas, itulah jadinya.

Jadi, kita faham bahawa itu sifat manusia. Cuma malangnya, keadaan menjadikan kita apabila kita buat kesilapan, tidak ada hukuman yang *direct*. Cuba bayangkan dalam keadaan di mana sekiranya kita terima duit rasuah, duit itu kita beli nasi untuk anak kita, anak kita makan nasi daripada duit tersebut tiba-tiba termuntah. Baru kita cepat sedar tetapi tidak adapun hukuman sepantas itu. Jadi perbuatan-perbuatan itu berterusan.

Jadi, pihak jabatan tolong pastikan bahawa mereka yang diberikan amanah untuk menjalankan tugas ini dibuat secara terbaik. Sekiranya ada sistem untuk- tadi kata apa? *Check and balance?*... [Disampuk] Semak dan imbang tadi itu, pastikanlah ia ada untuk memastikan bahawa semua yang kita buat ini berjalan lancar dan pindaan ini dibuat dengan membolehkan pihak kastam melakukan tugas yang diamanahkan.

Saya tidak mahu bercerita panjang. Dengan ini, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

12.28 tgh.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Senator sekalian.

Jadi hari ini kita dibentangkan untuk pindaan rang undang-undang DR.20/2020 yakni duti eksais. Jadi kita perhatikan tiga undang-undang yang serentak ini, yang berturut ini, semuanya isu yang sama sahaja iaitu hendak mengadakan, hendak memberikan kuasa kepada kakitangan kastam untuk memiliki senjata dan juga menerima pakai keterangan ejen provokator dan sebagainya. Tiga rang undang-undang yang dipinda ini, *basis*-nya sama sahaja, asas dia sama untuk mengadakan peruntukan tersebut.

Cuma saya hendak maklumkan, dia ada sedikit *thin line*, satu garis sangat nipis antara kastam dan eksais ini. Rang undang-undang Kastam, Rang undang-undang Eksais ini ada satu perbezaan yang sangat tipislah. Cuma, kalau mengikut keterangan yang saya baca, eksais ini adalah sebagaimana yang dibacakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas tadi, ialah duti yang ditetapkan oleh Menteri melalui Akta Eksais 1976 yang dikenakan ke atas barangan yang di kilang oleh syarikat yang dilesenkan melalui seksyen 20 akta yang sama. Item yang sama juga dikenakan ke atas barangan import, item yang sama itu.

Antara perkara-perkara yang terlibat dalam item tersebut ialah minuman bergula, *carbonated drink*, *insya-Allah*. Kedua, minuman keras. Ketiga, rokok, tembakau dan cerut. Belum lagi dimasukkan *vape*.

■1230

Sepatutnya sudah kena masuk *vape* sudah, dalam pindaan undang-undang ini *vape* sudah patut kena masuk sudah. Tembakau, cerut dan *vape* patut kena ada sudah- tapi tidak ada.

Ketiga *Mahjong tiles* dan yang keempat- daun terup; yang ke seterusnya kenderaan bermotor. Jadi kalau dari sudut pandangan Islam, kebanyakan benda ini benda yang berbahaya kalau saya tidak silap kecuali kenderaan bermotorlah. Jadi, saya pun hendak baca firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Janganlah kamu mencampakkan diri kamu kepada kebinasaan.

Jadi, saya bab ini mungkin agak sedikit berbeza dengan sahabat-sahabat sekalian. Saya sebagai seorang usahawan, *businessman*, umur 24 tahun itu saya sudah buat *business* sudah, *grad* universiti UTM terus *business*. Saya *particular* dengan *business*, dengan *income*, pendapatan. Jadi, saya terkejut apabila dibacakan oleh Mantan Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan ini yang bagi tahu saya ini. Saiz ekonomi gelap sebanyak RM300 bilion, hampir sama besar dengan bajet negara satu tahun, sejumlah RM322 bilion, RM300 bilion. Akan tetapi minta maaf sahlah sahabat saya Datuk Aziz, yang saya tahu lebih besar daripada itu lagi. Lebih besar daripada sejumlah RM 300 bilion lagi, ekonomi gelap ini.

Sebab itu saya bila pergi ke Indonesia, minta maaf sahlah Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, penyeludup-penyeludup rokok Indonesia ini ketawa sahaja kita bertemu dengan dia, dia ini yang tukang bawa masuk rokok-rokok ini. Dia boleh cerita satu-satu macam mana hendak bawa rokok ini. Saya tidak fikir kastam tidak tahu.

Kastam- kita punya kastam tidak tahu saya tidak boleh terima dengan logik akal sayalah. Minta maaf sahlah pegawai-pegawai kastam di luar. Orang-orang yang seludup rokok ini dia boleh cerita satu, satu *step* dia buat. Sebab itu, antara tempat paling bahaya tempat Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan. Itu pantai. Pantai Malaysia ini 4,800 kilometer. *Landing mark* dia, dia tahu mana, penyeludup rokok semua dan sebagainya.

Sebab itu, kita Malaysia kena terasa malu sama ada kita pihak kerajaan kah, bukan kerajaan, bila *British American Tobacco* (BAT), dia kata saya sanggup bayar- jumlah cukai kerajaan hendak dikenakan. Akan tetapi, pastikan sempadan-sempadan dan rokok-rokok seludup ini dikawal. Sebab itu BAT, kalau tidak silap saya *the biggest, I mean* pengeluar rokok terbesar dunia BAT, dia pergi ke Indonesia. Tempat orang seludup itu, dia pergi tempat orang seludup, buka kilang rokok di sana, BAT. Jadi dia pun tidak percaya dengan, dengan maaf sahlah, saya pun malu sebagai seorang Malaysia tidak hendak dengar perkataan macam ini. Kalau tengok *write up* dia, penulisan dia. Dia pun, dia kata kita bukan tidak sanggup bayar, sanggup bayar tambahan-tambahan cukai yang dikenakan tetapi pastikan pantai-pantai Malaysia itu tidak dimasuki oleh penyeludup-penyeludup rokok dari seberang.

Ini realiti. Sebab itulah saya kalau tanya saya, oleh sebab pendapatan negara dijangkakan berkurangan seperti mana dibaca oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kedua-dua tadi, oleh sebab isu COVID-19 dan kita jangka bagi saya, kalau saya tengok daripada perbincangan saya dengan teman-teman perniagaan hasil kita...

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, boleh terus.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey, okeylah, tidak apalah, Yang Berhormat Timbalan Menteri cuma beginilah, asas tiga-tiga rang undang-undang ini sama sahaja. Baik daripada kastam, eksais dan zon bebas. Cuma kita cari mekanisme lah, macam kata Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, ada mekanisme dia supaya benda ini dapat dipantau. Sebab itu, saya tekankan isu *special branch* tadi.

Jadi kalau *special branch* pun tidak layak jadi *special branch*, hancurlah negara kita. Saya tidak mahu, kalau boleh sejumlah RM300 bilion *black money* tadi diturunkan kepada sebanyak RM150 bilion pun *alhamdulillah*. Banyaklah kita dapat manfaat pada hari ini. Boleh jadi naik macam-macam. *Wallahuaklam. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk memberi jawapan.

12.34 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas penyertaan dan juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah terlibat dalam perbahasan sebentar tadi berkait dengan pindaan Akta Eksais yang saya telah bentangkan dan saya percaya dengan pindaan ini seperti mana yang saya nyatakan tadi adalah merupakan *consequential amendments* adalah bertujuan untuk memastikan bahawa ia dapat mempertingkatkan penguatkuasaan dan memberikan kuasa yang lebih kepada pegawai-pegawai kastam supaya mereka dapat lebih berkesan dan kita berharap dengan adanya keberkesanan daripada pegawai-pegawai kastam ini, kita dapat mempertingkatkan penguatkuasaan dan dengan sendirinya kita akan dapat meningkatkan hasil.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa isu sebentar tadi, ada yang berbentuk cadangan, pendapat dan sokongan dan ada juga yang mengemukakan persoalan-persoalan tertentu. Misalnya, Yang Berhormat Senator Tuan Kesavadas. Beliau memberikan sokongan terhadap akta ini dan yang penting sekali seperti mana yang saya jelaskan sebentar tadi bahawa tujuan kerajaan khususnya Jabatan Kastam untuk mewujudkan peruntukan menggunakan ejen provokasi ini merupakan dengan niat untuk memastikan kita dapat lebih berkesan daripada sebelum ini.

Oleh sebab itu, kita berharap dengan adanya ejen provokasi ini seperti mana yang telah dibuktikan oleh agensi-agensi yang lain seperti PDRM, SPRM dan sebagainya, agensi penguatkuasaan KDRM ini akan lebih berkesan kerana kita dapat, kita berharap kita mendapat kerjasama daripada ejen-ejen provokasi. Mereka ini merupakan pengintip-

pengintip ataupun pihak-pihak yang kita gunakan untuk memberikan kerjasama kepada penguat kuasa kastam supaya kita dapat maklumat yang lebih kerana maklumat ini adalah penting untuk membolehkan kita dapat lebih berkesan. Seperti mana yang dinyatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi bahawa pantai kita ini adalah begitu panjang, sejumlah 4,000 lebih kilometer. Sudah tentulah ia merupakan satu usaha yang begitu sukar.

Sebab itu dalam beberapa keadaan kerajaan juga mengadakan penguatkuasaan bersama dengan agensi-agensi yang lain supaya bukan sahaja dapat mempertingkatkan penguatkuasaan tetapi juga kita berharap bahawa penjenayah-penjenayah ini dapat dibanteras. Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, sememangnya beliau telah membangkitkan satu isu yang begitu penting di dalam negara ini iaitu berkait dengan *black economy* yang beliau telah sebutkan tadi bahawa wujud ketirisan yang begitu besar iaitu sebanyak RM300 bilion. Mengikut apa yang telah disebutkan, ini merupakan satu perkara yang amat kita mengambil berat.

Kerajaan ingin memastikan bahawa *black economy* ini dapat dibanteras supaya kita dapat meningkatkan pungutan hasil. Itu sebabnya beberapa peruntukan undang-undang telah diperketat dan juga agensi-agensi penguatkuasaan ini telah di-*coordinate* untuk memastikan bahawa usaha-usaha kita dapat dipertingkatkan bagi mengelakkan ketirisan dan juga apabila mereka yang cuba mengelak cukai dan apa yang beliau cadangkan supaya GST dapat diperkenalkan semula. Seperti mana yang telah saya jelaskan, sememangnya GST ini merupakan satu sistem percukaian yang komprehensif. Akan tetapi dalam masa yang sama dia juga ada kelemahan daripada segi pelaksanaan-pelaksanaan.

Oleh sebab itu, kerajaan akan memberikan perincian ataupun kajian-kajian yang lebih terperinci untuk memastikan apabila ia dilaksanakan semula, ia merupakan satu sistem percukaian yang dapat, yang lebih berkesan dan tidak menjejaskan kepentingan rakyat. Mungkin ada kelemahan-kelemahan sebelum ini yang menyebabkan GST itu tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Misalnya, isu-isu berkaitan dengan *refund* dan sebagainya dan perkara-perkara sebegini perlu diambil perhatian dan begitu juga kesannya terhadap IHP ataupun Indeks Harga Pengguna...

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: [*Bangun*]

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Perkara-perkara ini sekiranya kita dapat atasi dengan kerjasama semua rakyat Malaysia, saya percaya kita akan dapat mengembalikan semula tetapi dalam keadaan di mana rakyat benar-benar bersedia dan memberikan sokongan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Maaf, mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Ya.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya menyokong apa yang diuar-uarkan, diutarakan oleh sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Othman bin Aziz. Kerajaan, saya rasa lima tahun dia buat *planning* untuk *trained* Pegawai-pegawai Kastam ini untuk isu GST. Jadi, dan kutipan GST ini hampir satu kali ganda bila berbanding dengan kutipan *Sales Tax* saja campur dengan *Service Tax* dan daripada praktis yang kita sudah buat itu atau amalan kita, ada nampak kesan tidak kepada kenaikan harga barang.

■1240

Hal ini kerana GST ini sukar untuk mana-mana pihak lari daripada cukai. Jadi kita boleh mengurangkan kadar *black economy*. Ada di mana *loophole*, kalau boleh cerita? Kerana sekarang ini persatuan-persatuan akauntan negara baru bermesyuarat agung, memang dia mencadangkan GST balik. Sebab itu 94 buah negara besar-besar dunia semua praktis GST ini. Minta mohon penjelasan sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri.

[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa memang GST ini adalah merupakan *comprehensive consumer tax* yang sudah tentulah memberikan pulangan yang lebih tinggi kepada kerajaan. Akan tetapi dalam masa yang sama, ada juga seperti mana yang saya pernah jelaskan sebelum ini, SST ialah *single-tier tax*.

Single-tier tax 10 peratus walaupun dikenakan 10 peratus tetapi ia hanya dikenakan kepada pengimport dan juga pengilang iaitu apabila mereka menjual barang, maka cukai jualan akan dikenakan, SST dikenakan sebanyak 10 peratus dan enam peratus bagi perkhidmatan.

Akan tetapi bagi GST, ia adalah merupakan *multi-tier tax* yang bertingkat. Walaupun *input tax* itu dikembalikan tetapi sepertimana yang kita sedia maklum dalam pelaksanaan sebelum ini, ia juga menimbulkan masalah *dispute*. Apabila menimbulkan masalah *dispute*, pulangan itu sepatutnya 14 hari tetapi tidak dapat dilakukan kerana adanya *dispute* dan sudah tentulah menyebabkan apabila berlaku begini, maka pihak-pihak yang terlibat dalam rantaian ini akan sedikit sebanyak menaikkan harga.

Walaupun pada *theoretically* ia cuma enam peratus, betul enam peratus tetapi apabila ia melibatkan *multi-tier*, maka banyak pihak yang terkena dan apabila mereka tidak mendapat pulangan ataupun *refund tax* itu dengan cepat, maka isu-isu berkaitan dengan kenaikan IHP itu sedikit sebanyak tidak dapat dielakkan. Sila.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Mohon pencilahan. Tuan Yang di-Pertua, mohon pencilahan sedikit. Yang Berhormat Timbalan Menteri bersetuju atau tidak, kita hapuskan

GST, maknanya Malaysia ini menghapuskan GST kerana pernyataan populis? Kita sedar masa kita memperkenalkan GST tahun pertama dan tahun kedua, biasalah sebab benda yang baharu, mesti ada permasalahan daripada segi pelaksanaan.

Cumanya ialah kita terus hapuskannya dan akhirnya sekarang ini kerajaan kerugian RM50 bilion setahun dan peralatan yang digunakan oleh Jabatan Kastam dan sebagainya pun entah ke mana, staf kita pun sudah makin *redundant* dan sebagainya. Akhir sekali, yang penting ialah ekonomi negara *suffers*. Ini isunya. Jadi, kita mintalah supaya kerajaan melihat semula kerana pengenalan SST balik ini pun bukanlah menurunkan harga barang sangat, malahan barang makin naik. Ini isunya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Abd Rahim bin Bakri: Terima kasih sahabat saya. Sepertimana yang saya nyatakan sebentar tadi bahawa sememangnya kerajaan mengambil pengalaman daripada apa yang telah dilaksanakan sebelum ini dan akan membuat kajian-kajian yang lebih terperinci.

Sepertimana yang saya pernah jelaskan sebelum ini, bahawa memang apabila kita memperkenalkan GST, pendapatan negara meningkat. Misalnya RM44 bilion bagi GST, RM21 bilion bagi SST. Itu puncanya ialah kerana *basket* barang yang dikenakan itu adalah juga jauh lebih besar iaitu lebih kurang satu kali- ganda.

Jika SST itu lebih kurang 6,000, GST lebih kurang 12 ribu. Dan yang penting juga kita kena sedar bahawa apabila kita mengutip cukai GST ini, walaupun kerajaan dari satu segi mendapat keuntungan tetapi dalam masa yang sama, rakyat juga kehilangan *disposable income*. Jadi, perkara-perkara begini haruslah diteliti semula. Saya percaya sekiranya akhirnya semua pihak bersetuju, sudah tentulah perkara ini boleh dilaksanakan semula.

Kita berharap bahawa sistem percukaian ini dapat dipertimbangkan kerana seperti mana yang kita sedar bahawa pada hari ini *development expenditure* kita sebahagian besar ditanggung melalui pinjaman. Walaupun pinjaman ini dalam bentuk pinjaman domestik iaitu yang melibatkan MGII, MGS dan juga *Treasury Bills* yang kita jual kepada sebahagian besarnya kepada institusi domestik seperti KWSP dan kita perlu membayar pulangan terhadap penerbitan ini, tetapi sekiranya kita dapat hasil-hasil yang lain, itu jauh lebih baik.

Misalnya memperkenalkan *wealthy tax* ataupun ada cukai-cukai lain yang boleh difikirkan. Suatu ketika, kita pernah memperkenalkan *withholding tax* dan juga mungkin kita harus memperkenalkan beberapa kaedah lain. Ini sedang difikirkan oleh pihak pegawai-pegawai di kementerian untuk mencadangkan kepada kerajaan, apa kaedah terbaik untuk menambahkan hasil kerajaan.

Yang Berhormat Senator Aknan a/l Ehtook ada membangkitkan tentang amanah dan tanggungjawab. Sememangnya kalau sekiranya kita dapat barisan penjawat awam

khususnya mereka yang terlibat dalam penguatkuasaan ini mereka yang beramanah dan bertanggungjawab, sudah tentulah kita akan dapat meningkatkan keberkesanan kita.

Walaupun memang mereka juga ada kekangan-kekangan- sepertimana yang kita sedia maklum, bahawa mereka yang terlibat dalam kerja-kerja jenayah ini, mereka ini merupakan pihak yang begitu licik dan cekap untuk memperdaya dan ada juga ugutan-ugutan. Jadi oleh sebab itu, dengan *limitation* ini, kita berusaha untuk mempertingkatkan keberkesanan kita. Sebab itu kita mengadakan beberapa kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan yang lain supaya kita akan jauh lebih berkesan.

Yang Berhormat Senator Haji Apandi juga ada mencadangkan pelbagai cadangan-cadangan yang beliau kemukakan yang juga menyentuh berkaitan dengan *black economy*. Sepertimana yang saya katakan tadi bahawa kita begitu *concern* dengan isu berkaitan dengan *black economy* ini kerana ia merupakan satu ketirisan hasil kepada kerajaan yang begitu besar.

Oleh sebab itu, kerajaan dari semasa ke semasa mempertingkatkan usaha. Kita berharap beberapa kaedah yang digunakan, misalnya dengan mewujudkan ejen provokator ini dan juga mungkin kita juga boleh memberi *reward* kepada pegawai-pegawai kastam yang dapat meningkatkan keberkesanan khususnya menambahkan pungutan-pungutan hasil kerajaan ini adalah merupakan kaedah-kaedah yang dapat kita mempertingkatkan selain daripada usaha untuk memastikan bahawa kita mempunyai peralatan-peralatan yang cukup canggih untuk mendepani pihak-pihak penjenayah khususnya mereka yang melakukan penyeludupan ini.

Walaupun kita harus berbelanja dengan begitu besar untuk memastikan bahawa kita mempunyai *equipment* yang cukup, khususnya memintas misalnya bot-bot laju dan kaedah-kaedah penyeludupan yang semakin canggih yang dilakukan oleh penyeludup-penyeludup.

Jadi, itu sahaja, Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas penglibatan Ahli Yang Berhormat dalam pindaan Akta Eksais ini. Saya berharap supaya akta ini dapat lebih berkesan dan kita akan mendapat faedah daripada pindaan akta ini dan pegawai-pegawai penguat kuasa kita akan berkesan untuk memungut hasil bagi pihak kerajaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat para Senator, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 6 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]

■1250

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG ZON BEBAS (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

12.53 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020 yang dicadangkan adalah bagi meminda Akta Zon Bebas 1990 [Akta 438] iaitu pindaan yang dilaksanakan dalam akta ini adalah merupakan pindaan susulan ataupun *consequential amendment* daripada pindaan Akta Kastam 1967 yang dicadangkan. Saya mohon untuk menghuraikan fasal dalam rang undang-undang ini yang mempunyai empat fasal.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tarikh permulaan kuat kuasa akta.

Fasal 2 bertujuan memasukkan seksyen 17A dan 17B di mana seksyen 17A bertujuan untuk memperuntukkan kuasa tambahan kepada pegawai kanan kastam untuk menjalankan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan sebagaimana kuasa polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah. Seksyen 17B memperuntukkan kuasa kepada pegawai kastam untuk mengurus dan menjaga tahanan reman dalam tempoh tahanan JKDM seperti mana kuasa seorang pegawai polis.

Fasal 3 bertujuan memasukkan subseksyen baharu 26(3A) dan (3B) bagi memperuntukkan kuasa kepada pegawai kastam untuk mengesal/pengangkut, premis atau tempat yang mengandungi barang, dokumen atau benda yang tidak dapat dialihkan bagi tujuan sitaan. Peruntukan ini juga menjadikan satu kesalahan bagi mana-mana orang yang mengganggu seal dan sitaan tersebut serta boleh dikenakan hukuman ke atas kesalahan berkenaan.

Fasal 4 bertujuan memasukkan seksyen baharu 30B bagi memperuntukkan kebolehterimaan keterangan ejen provokasi dan keterangan yang diberi kepada ejen provokasi untuk digunakan dalam satu pertuduhan di bawah akta.

Pindaan yang lain dinyatakan secara khusus adalah pindaan bersifat kecil atau *consequential in nature*.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Zon Bebas 1990 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat.

12.55 tgh.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang kepada saya untuk berbahas Rang Undang-undang Zon Bebas Cukai (Pindaan) 2020.

Terima kasih dan kita tahu, maklum, Zon Bebas Cukai ini sebuah kawasan yang di bawah peruntukan seksyen 3(1) Akta Zon Bebas 1990. Tujuan utama ialah untuk menggalakkan perniagaan *interport* dan perkembangan industri yang berorientasikan eksport. Cuma saya nak bangkitkan dalam keadaan ekonomi sekarang dan pandemik COVID-19, kawasan Zon Bebas Cukai tidak terkecuali terkena tempiasnya. Kemeriahan di pusat perniagaan di kawasan Zon Bebas Cukai seperti Pengkalan Kubor, Rantau Panjang, Bukit Kayu Hitam, Padang Besar mahupun Stulang Laut, Johor Bahru dan kini hanya suam-suam kuku sahaja Tuan Yang di-Pertua. Manakala di Tasik Kenyir agak berat, orang Terengganu kata '*berat menanang*'.

Jadi saya hendak tahu juga, bagaimanakah kerajaan mengawal selia dan menyemarakkan semula industri perniagaan di Zon Bebas Cukai ini? Pada ketika ini, Zon Bebas Cukai pun sangat terjejas dan kunjungan orang ramai turut mendadak turun walaupun sudah kurang sekatan-sekatan pergerakan daripada COVID-19. Apakah kementerian sendiri mempunyai satu perancangan yang strategik untuk memperkasakan perniagaan di Zon Bebas Cukai? Sebagai contoh di tempat saya di Tasik Kenyir.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga nak minta penjelasan, apakah benar ada lagi cukai yang dikenakan ke atas barangan lain selain daripada rokok dan tembakau di kawasan Zon Bebas Cukai ini? Saya khuatir andainya ada cukai ke atas barangan-barangan lain, sudah tentu akan ada kesan negatif yang berganda kepada ekonomi negara. Apabila ada cukai yang pelbagai, ia bukan sahaja menjejaskan peruncit, malah turut mendorong pelancong untuk

tidak mengunjungi di Zon Bebas Cukai tersebut. Pada masa yang sama, tindakan mengenakan cukai ke atas barangan tertentu selain daripada rokok dan tembakau juga turut mengancam peluang pekerjaan bagi golongan B40 serta menutup peluang pelabur asing serta tempatan di kawasan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, jadi, peruncit bebas cukai sudah berusaha keras untuk mengatasi penurunan teruk dalam aktiviti pelancongan dan perjalanan sepanjang penularan wabak COVID-19. Mohon penjelasan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, menurut firma Delta Global, penjualan bebas cukai dijangka akan menurun sehingga USD29.4 bilion dengan RM120.3 bilion di wilayah Asia Pasifik pada tahun 2020 dan 2021. Perkara ini boleh memberi kebimbangan dan kerunsingan kepada kalangan peruncit dan juga peniaga di Zon Bebas Cukai. Saya berharap pihak kerajaan mendengar rintihan peniaga dan pihak berkepentingan yang beroperasi di kawasan Zon Bebas Cukai untuk membatalkan niat mengenakan cukai barangan-barangan tertentu selain daripada rokok dan tembakau. Fokus utama sekarang membantu perniagaan untuk kembali berdiri sehingga mereka dapat memberi sumbangan positif untuk membangun semula ekonomi negara. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Dijemput Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook.

■1300

1.00 tgh.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk akta ini sebab kita sudah macam pengulangan kepada semua perkara tadi. Saya hendak tanya satu perkara sahaja ataupun mencadangkan- adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan cukai kalau di zon bebas itu untuk tempoh tertentu akan dapat bebas cukai lah.

Akan tetapi kadang-kadang contoh kalau kita pergi ke Langkawi untuk tinggal di sana dalam tiga hari, kita dapat belilah- layak untuk beli barang-barang bebas cukai itu. Adakah kerajaan bercadang untuk perkenalkan cukai yang bertingkat-tingkat contohnya kalau mereka yang pergi tiga hari dapat bebas cukai sepenuhnya, kalau mereka yang tinggal dua hari mungkin cukainya lebih tinggi- ada tetapi murah sedikit, yang pergi satu hari mungkin pada kadar berbeza-beza.

Dengan cara ini, kerajaan dapat mengutip cukai dalam masa yang sama mereka yang pergi ke sana lebih tertarik untuk membeli atau tertarik untuk pergi dan membeli barang di sana. Jadi, kita akan dapat suasana menang-menang kedua-dua pihak- kerajaan dan juga pengguna. So, saya mohon mencadangkan, dan juga bertanya, adakah kerajaan bercadang untuk berbuat demikian? Terima kasih. Dan saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Saya beri peluang kepada Yang Berhormat Senator yang ingin mendebatkan atau bertanya soalan. Sila Yang Berhormat Senator.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua.

1.02 tgh.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu yang dibangkitkan dalam pindaan ini iaitu meminda suatu kuasa Akta Zon Bebas (Pindaan) 2020 untuk memberi kuasa tambahan yang mempunyai segala kuasa polis kepada Pegawai Kastam yang bertugas di zon bebas seperti seksyen 17A pindaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mengapakah operasi di zon bebas di bawah kawalan kastam ini tidak menggunakan Pegawai Polis yang ditindikkan ke kastam agar keupayaan sebenar kerajaan menangani kartel jenayah komersial perdagangan dan kartel antarabangsa dapat dibanteras dengan berkesan?

Pada pandangan saya, adalah lebih praktikal penindikan Pegawai Polis ke kastam dibuat kerana kerjasama erat di antara agensi penguat kuasa tidak menjadikan sesebuah agensi penguat kuasa itu bekerja dalam silo tetapi gandingan dan integrasi bersepadu melalui kerjasama tindikkan ini mampu membanteras jenayah penyeludupan barangan haram dan salah di sisi undang-undang yang mengancam negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Silakan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

1.03 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020, saya alu-alukan pemindaan kepada Akta Zon Bebas 1990. Mungkin sebelum ini kuasa yang diberikan kepada pihak Jabatan Kastam Diraja Malaysia tidak sama dengan yang diberikan kepada pihak polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah.

Adalah wajar Akta Zon Bebas 1990 dipinda dengan memasukkan seksyen baharu 17A dan 17B, dalam Akta 438, bagi menambah kuasa kepada pegawai kanan kastam seperti diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah [Akta 593] berhubung penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan.

Justeru, memperuntukkan kuasa tambahan kepada pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja untuk menjalankan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan sebagai kuasa polis di bawah Kanun Tatacara Jenayah adalah wajar sekali. Cuma, seksyen 30B Keterangan

Agen Provokasi hendaklah diterima dengan berhati-hati seperti yang saya nyatakan dalam perbahasan Akta Kastam tadi.

Dengan peruntukan dan kuasa yang diberikan kepada pihak kastam dapat lebih memudahkan lagi usaha-usaha mereka dalam mengendalikan usaha-usaha penguatkuasaan tanpa bergantung sepenuhnya kepada pihak polis. Cuma, saya hendak bertanya, jumlah kawasan di Semenanjung sekarang diisytiharkan sebagai zon bebas masa kini?

Saya ingin bertanya adakah kerajaan bercadang untuk mengisytiharkan sebahagian Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai Zon Bebas Cukai memandangkan Port Dickson adalah salah sebuah kawasan yang dikunjungi oleh pelancong-pelancong tempatan khususnya dari Lembah Klang, dan negeri-negeri Selatan pada setiap hujung minggu? Ini akan menaikkan hasil negara dan Negeri Sembilan. Ini juga akan mengurangkan penyeludupan rokok-rokok dan barang-barang haram. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan. Tak ada? Yang Berhormat...

Tuan Ismail bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Lain yang diminta lain yang berdiri... [*Dewan Ketawa*]

Tuan Ismail bin Yusop: Tengok tak ada orang ini [*Ketawa*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya lah tetapi nama tak tukar ya.

1.06 tgh.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya peluang untuk turut sama mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020.

Saya terpanggil untuk turut sama bercakap mengenai rang undang-undang ini kerana sebagai wakil daripada yang dipilih oleh Dewan Undangan Negeri Perak ada dua buah kawasan bebas cukai iaitu satu di kawasan bebas cukai Pengkalan Hulu di Parlimen Gerik, dan satu ialah kawasan bebas cukai yang baharu di Pulau Pangkor di Parlimen Lumut.

Kewujudan zon bebas ini sudah tentulah tujuannya untuk memberikan peluang perniagaan ekonomi domestik yang meningkat khususnya untuk pelancong tempatan. Isu yang saya hendak bangkitkan ialah di sudut Kementerian Pelancongan, kewujudan zon bebas ini lebih kepada soal untuk *promote*, untuk mempromosikan pelancongan domestik.

Akan tetapi dalam waktu yang sama kita juga mendapati khususnya di hujung-hujung minggu pengalaman peribadi saya sendiri pergi ke Zon Bebas Cukai di Pulau Pangkor, masalah paling besarnya adalah apabila hendak keluar dari kawasan zon bebas itu kita punya

pegawai yang sangat terhad untuk menguruskan hal yang berkait dengan soal pengenaan cukai bagi barang-barang yang dibeli dan itu menimbulkan ada kadangkala menimbulkan *commotion* lah di kalangan pengunjung-pengunjung. Ini memberi kesan kepada pelancongan domestik di dua buah kawasan yang berkenaan.

Jadi, isu yang dalam pindaan yang hendak dibuat ini ialah memberikan kuasa pindaan yang disebut kepada pegawai kastam itu yang setaraf dengan pegawai polis dan persoalan yang saya hendak bangkitkan adakah cadangan untuk kita sama ada menambah pegawai ataupun dalam waktu yang sama kita memperbaiki SOP bagi mempermudah urusan supaya tidak timbul soal perlakuan atau kejadian untuk mengelak daripada mereka yang membeli barang di kawasan bebas cukai ini.

Akan tetapi yang lebih penting kepada saya selain daripada penguatkuasaan ialah mempermudah SOP bagi pengunjung-pengunjung ke kawasan zon bebas cukai ini yang akhirnya akan memberikan peluang supaya ekonomi domestik kita kembali rancak dan membolehkan mereka yang berkunjung ke kawasan zon bebas cukai ini mendapat barangan yang lebih terbaik.

■1310

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan Tuan Yang di-Pertua ialah di kawasan Zon Bebas Cukai Pulau Pangkor, kita lihat dia baru tetapi barangan yang ada di sana juga adalah sangat-sangat terhad dan apakah pihak agensi kastam mempunyai cadangan untuk melihat bagaimana supaya ada pertambahan produk yang membolehkan pengunjung mendapat pilihan yang lebih baik di sana.

Jadi itu sahaja yang saya rasa hendak saya bangkitkan berkait dengan Rang Undang-undang Zon Bebas (Pindaan) 2020. Saya menyokong usul ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana diberikan peluang untuk bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali, terima kasih. Yang Berhormat Senator Hajah Sabani binti Mat. Tidak ada. Ada lain Ahli Yang Berhormat hendak memberi pandangan, ulasan sebelum saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Beberapa Ahli: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Tiada. Silakan.

1.11 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah terlibat dalam perbahasan meminda Akta Zon Bebas Cukai sepertimana yang telah dibahaskan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi.

Saya mengucapkan terima kasih atas sokongan terhadap akta ini. Ia adalah merupakan *consequential amendment* sepertimana yang telah dibuat kepada dua akta sebelum ini dan ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pihak kastam bagi memastikan penguatkuasaan dapat ditingkatkan.

Beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat, khususnya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, bagaimana kerajaan kawal selia dan semarakkan semula aktiviti Zon Bebas Cukai ataupun perancangan strategik untuk merencanakan Zon Bebas Cukai. Adakah barangan lain masih bebas cukai selain rokok dan minuman keras?

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini tiada cukai dikenakan ke atas semua barang-barang termasuk rokok dan minuman keras di Zon Bebas Pengkalan Kubor, Rantau Panjang dan Stulang. Bagaimanapun bagi Tasik Kenyir cukai hanya dikenakan bagi rokok dan minuman keras sahaja. Mulai tahun 2021, rokok akan dikenakan cukai di semua zon bebas tersebut bagi membanteras aktiviti penyeludupan. Sungguhpun begitu, barangan-barangan lain masih lagi di kekal bebas cukai bagi tujuan menarik kemasukan pelancong.

Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook ada membangkitkan adakah kerajaan bercadang untuk memperkenalkan cukai yang berbeza di kawasan bebas cukai? Untuk makluman Yang Berhormat, memandangkan tiada cukai yang dikenakan ke atas semua barang dalam zon bebas, tiada keperluan untuk mengenakan cukai atau memberi pengecualian cukai yang berbeza mengikut tempoh masa.

Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim ada membangkitkan mengapakah operasi di zon bebas tidak menggunakan pegawai polis. Untuk makluman Yang Berhormat, polis mempunyai kuasa untuk menyiasat apa-apa kesalahan jenayah termasuk yang berlaku di zon bebas. Kuasa yang telah diberikan kepada pegawai kastam hanyalah terbatas kepada perkara-perkara yang berkaitan dengan kuasa polis bagi menahan mereka yang terlibat dalam jenayah penyeludupan, khususnya di pejabat-pejabat kastam yang diwartakan.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair ada membangkitkan berapakah kawasan yang diisytiharkan sebagai zon bebas sekarang. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini ada 44 buah zon bebas yang terdiri daripada 22 buah- zon perdagangan bebas, atau *free commercial zone* (FCZ), dan 22 buah- zon perindustrian bebas, atau *free industrial zone* (FIZ). Adakah kerajaan akan mengisytiharkan Port Dickson sebagai zon bebas? Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kerajaan tidak menerima sebarang permohonan untuk menjadikan Port Dickson sebagai zon bebas, belum ada permohonan, Yang Berhormat.

Yang Berhormat Senator Tuan Ismail ada membangkitkan berkaitan dengan menambah pegawai atau memperbaiki SOP di pintu keluar masuk. Untuk makluman Yang

Berhormat, JKDM memang sentiasa berusaha untuk mengemas kini SOP dan memohon penambahan pegawai dari semasa ke semasa mengikut keperluan untuk meningkatkan keberkesannya.

Jadi, itu sahaja Ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih atas penyertaan Ahli Yang Berhormat dalam perbahasan ini dan saya sekali lagi berharap bahawa dengan adanya akta ini kita akan dapat meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan Jabatan Kastam untuk memungut hasil dan menambah hasil kepada kerajaan. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat para Senator, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Kanan Pendidikan (Dr. Radzi bin Jidin) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI PEMBIAYAAN KERAJAAN (PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19)) (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

1.19 tgh.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahar bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta

Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 dibaca kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, anggaran perbelanjaan tambahan kumpulan COVID-19 yang dibentangkan adalah berjumlah RM20 bilion untuk membiayai perbelanjaan Pakej Rangsangan Ekonomi Kita Prihatin dan insentif Belanjawan 2021 di bawah Kumpulan Wang COVID-19. Anggaran perbelanjaan tambahan Tuan Yang di-Pertua, yang dipohon untuk diluluskan di bawah fasal 2 rang undang-undang yang dibentangkan ini adalah sebanyak RM20 bilion yang boleh diringkaskan pecahannya seperti berikut.

■1320

Pertama, sebanyak RM14 bilion adalah bagi menampung pemberian Bantuan Prihatin Nasional. Kedua, sebanyak RM4 bilion adalah bagi menampung perbelanjaan berkaitan dengan COVID-19. Ketiga Tuan Yang di-Pertua, sebanyak RM1.5 bilion adalah bagi menampung keperluan melanjutkan Program Subsidi Upah dan keempat, sebanyak RM500 adalah bagi pemberian Geran Khas Prihatin.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan rang undang-undang ini hanya melibatkan pindaan seperti berikut. Pindaan yang pertama, Butiran 1, berkaitan had amaun Program Subsidi Upah dari RM16.8 bilion kepada RM18.3 bilion. Ini berikutan langkah penambahbaikan seperti yang diumumkan dalam pakej KITA PRIHATIN dan insentif Belanjawan 2021.

Kedua, pindaan had amaun Butiran 2. Bantuan Prihatin Nasional dari RM11.2 bilion kepada RM25.2 bilion. Ini melibatkan keperluan pembayaran Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0) sebanyak RM7 bilion. Bantuan Prihatin Rakyat pula Tuan Yang di-Pertua, bagi tahun 2021 dan bayaran bantuan tunai lain yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat sebanyak RM7 bilion. Kesemua bantuan ini diletakkan sebagai subprogram kepada Bantuan Prihatin Nasional.

Ketiga, pindaan had amaun Butiran 6. Geran Khas Prihatin dari RM1.9 bilion kepada RM2.4 bilion yang mengambil kira pembukaan semula permohonan Geran Khas Prihatin (GKP) yang meningkatkan jumlah penerima mencecah 800,000 orang.

Keempat Tuan Yang di-Pertua, pindaan nama dan had amaun Butiran 8. Peruntukan bagi Kementerian Kesihatan bagi perbelanjaan berkaitan dengan COVID-19 berjumlah RM1 bilion kepada peruntukan perbelanjaan berkaitan COVID-19 berjumlah RM5 bilion mengambil kira komitmen kerajaan dalam menyediakan vaksin COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan itu, saya ingin mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian untuk bersama-sama memberi sokongan penuh bagi rang undang-undang ini supaya dapat meneruskan perjuangan bagi menangani impak COVID-19 demi kebajikan rakyat, kelangsungan perniagaan, pertumbuhan ekonomi, kelestarian kehidupan dan pemantapan perkhidmatan awam. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sesiapa menyokong?

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminta Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Sila Yang Berhormat...

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih...

Tuan Yang di-Pertua: Ya?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Yang manakah dulu Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz.

1.23 tgh.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan untuk turut membahaskan pindaan Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020.

Secara ringkasnya, ia akan mengubah jadual Akta 830 bagi menambah peruntukan di bawah Butiran 1, 2, 6, dan 8 di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi. Penambahan ini menunjukkan bahawa keprihatinan kerajaan terhadap usaha untuk memerangi kesan COVID-19 meliputi segala aspek dan daripada segi perbelanjaan kesihatan awam, kebajikan rakyat, bantuan rakyat dan pemulihan semula ekonomi.

Secara ringkasnya Tuan Yang di-Pertua, saya hanya ingin memetik beberapa perkara iaitu perhatian khusus kepada pengambilan anggota perubatan kontrak dan mempercepatkan proses penempatan pegawai perubatan. Sesungguhnya kita sedar bahawa ramai dalam kalangan graduan perubatan yang masih menunggu giliran untuk membuat *housemanship* di hospital kerajaan. Begitu juga, setelah selesai, mereka juga menunggu masa untuk ditempatkan di hospital-hospital di seluruh pelosok negara.

Jadi, ini mungkin satu rahmat apabila berlakunya COVID-19 ini memerlukan lebih ramai lagi anggota perubatan profesional untuk menangani isu ini dalam kalangan rakyat. Kita

harapkan kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan dapat melihat untuk memberikan penempatan dengan segera kepada mereka yang layak ini.

Selain daripada itu juga, saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan berkaitan dengan kajian pemansuhan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) yang telah dimansuhkan dalam Bajet 2020 oleh kerajaan yang lalu kerana berdasarkan kepada Pekeliling Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bertarikh 9 Januari, ia masih dikekalkan. Mohon pencerahan.

Selain daripada itu, kita mohon supaya kerajaan juga dapat melihat semula dan memberi tumpuan kepada sektor pembinaan terutama kepada golongan Kelas G1 ataupun dulunya dipanggil Kelas F, bagi merancakkan ekonomi. Kita pernah mengalami satu kemelesetan ekonomi pada tahun 1998. Antara langkah yang telah diambil oleh kerajaan ketika itu ialah untuk menambahkan peruntukan perbelanjaan bagi projek-projek kecil di luar bandar melibatkan RM18 bilion dalam Belanjawan 1999.

Ini secara langsung memberikan kesan dan impak positif yang disebut sebagai projek *preemptive* ketika itu. Ia memberikan kesan *spin-off* ataupun kesan berganda ke dalam rangkaian ekonomi terutama di luar bandar, pasar-pasar minggu, pasar malam dan sebagainya. Ia memberikan wang ataupun lebih belanja di kalangan rakyat untuk merancakkan ekonomi. Maka, kita mohon kepada kerajaan, selain daripada peruntukan yang diberikan melalui kementerian-kementerian sama ada Kementerian Kerja Raya, Kementerian Pendidikan dan sebagainya, Kementerian Pembangunan Luar Bandar Malaysia juga termasuk dalam perkara ini iaitu untuk memberi dan melihat semula peruntukan khas diberikan khusus bagi merancakkan semula ekonomi dalam kalangan kontraktor-kontraktor kecil terutama di luar bandar.

Ini memandangkan berdasarkan rekod dari Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) menunjukkan nilai projek pembinaan yang diberikan susut 42 peratus kepada RM55.3 bilion dari tempoh Januari hingga Oktober 2020 berbanding dengan RM94.6 bilion bagi tempoh yang sama tahun sebelumnya. Selain daripada itu, dianggarkan industri pembinaan mengalami kerugian antara RM11.6 bilion dalam tempoh 18 Mac ketika bermulanya PKP hingga ke 14 April tahun ini dan juga RM6.9 bilion direkodkan berikutan pembukaan semula 13 subsektor daripada 15 April hingga 1 Mei 2020.

Jadi, kita mengharapkan kerajaan dapat melihat mungkin kita dapat memperkenalkan semula projek-projek kecil di luar bandar terutama sama untuk menurap semula jalan-jalan kampung atau menambahkan, membina projek-projek kecil seperti dewan, surau dan juga lain-lain yang melibatkan kontraktor-kontraktor kecil ini agar ia akan memberi sokongan kepada rangkaian nilai termasuk juga sektor bekalan bahan binaan dan sebagainya supaya mereka juga dapat turut merancakkan semula ekonomi negara.

Sekian, terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

1.29 tgh.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020 [Akta 830] bertujuan untuk meminda jadual akta untuk mengadakan peruntukan bagi amaun tambahan untuk program dalam Butiran 1, 2, 6 dan 8 di bawah pakej rangsangan ekonomi dan pelan pemulihan ekonomi serta meminda jumlah amaun yang diperuntukkan bagi semua program akibat ancaman COVID-19.

Rang undang-undang ini akan melibatkan perbelanjaan tambahan sebanyak RM20 bilion menjadikan jumlah keseluruhan RM65 bilion. Bukankah Malaysia menghadapi masalah pendapatan kerana perbelanjaan meningkat disebabkan masalah berkait virus ini. Apakah kerajaan yakin dapat menampung kos sebanyak ini?

■1330

Adakah KPI telah dibuat untuk pelbagai strategi dan aktiviti yang dilaksanakan? Apakah ini telah diukur untuk mencerminkan bagaimana prestasi kita dalam menghadapi masalah ini? Bagaimanakah dana tambahan akan membantu memenuhi KPI yang ditetapkan dengan jaminan mencapai kematian dan jangkitan yang rendah? Malah, ada pula pihak-pihak yang menyoal mengapa Malaysia perlu bayar dengan harga yang lebih tinggi dalam perolehan vaksin apabila pendedahan seorang Yang Berhormat Menteri Belgium menunjukkan bahawa ia harus lebih murah berlipat kali ganda. Kenapakah pula perolehan atau kos dalam perjanjian pembelian di sini dirahsiakan dan tidak boleh diberitahu kepada umum?

Saya rasa ini bukanlah satu ancaman kepada negara kita. Ini bukanlah satu perjanjian untuk membeli alat-alat pertahanan. Ini satu kontrak sahaja. Adakah syarikat-syarikat tempatan...

Tuan Yang di-Pertua: Apa nama istilah dalam perundangannya, Yang Berhormat Dato'? Tentang tak boleh menzahirkan isian perjanjian.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, dalam kontrak- *privity of the-* bukan *privity...*

Tuan Yang di-Pertua: Ada nama- *non-disclosure...*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Non-disclosure clause.* Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Apakah ada syarikat-syarikat tempatan atau orang tengah diberi kontrak dalam perolehan vaksin di negara ini? Jika ada, siapakah syarikat-syarikat ini? Kenapakah tidak dibeli sahaja atas *government-to-government basis* supaya ia lebih telus dan murah? Diharap tiada unsur ketirisan atau penyalahgunaan kuasa dalam usaha memerangi COVID-19. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberi sedikit pencerahan tentang perkara ini.

Mengapa begitu banyak pihak membuat pernyataan mengenai vaksin sedangkan ada sedikit jaminan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia mengenai vaksin yang dipilih dan keberkesannya. Bolehkah Ketua Pengarah Kesihatan atau Kementerian Kesihatan beri pencerahan kepada masyarakat mengenai jenis virus yang sedang merebak di Malaysia berbanding dengan negara-negara lain? Bagaimana pula pendekatannya jika vaksin yang diguna pakai tidak berkesan apabila berlaku *mutation*, dengan izin, pada virus COVID-19? Apakah kementerian bersedia menghadapi ancaman baharu ini?

Kami juga ingin penjelasan di sini tentang perolehan vaksin daripada *Pfizer*. Cuba kita bandingkan garis masa perjanjian *Pfizer*, dengan izin, *timeline of Pfizer deal* antara Malaysia dan Singapura. Untuk Malaysia, 27 November mengumumkan perjanjian. Pada 14 Disember NPRA menerima data daripada *Pfizer*. Pada 17 Disember Kementerian Kesihatan Malaysia menyatakan memerlukan masa hingga 120 hari untuk dipersetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Apa nama syarikat tadi itu, Yang Berhormat Dato'?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang manakah?

Tuan Yang di-Pertua: Apakah nama syarikat tadi?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Pfizer*.

Tuan Yang di-Pertua: *Pfizer*? Syarikat yang buat pil yang biru itu kah?

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Syarikat yang sama membuat pil yang biru itu kah?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya, ya sama tetapi itu tidak dirahsiakan
[Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Padahal Singapura pula, pada 14 Disember mengumumkan perjanjian dan kelulusan. Pada 21 Disember penghantaran vaksin pertama tiba dari Belgium. Kenapakah NPRA memerlukan empat bulan untuk mempertimbangkan permohonan kelulusan vaksin COVID-19? Nampaknya, tanggapan umum kerajaan gagal menyusun strategi seluruh kerajaan dan seluruh masyarakat dalam perang melawan pandemik COVID-19. Ini menyebabkan kes semakin bertambah. Kami pohon penjelasan

daripada kerajaan atas banyak kegagalan tindak balas dalam menghadapi pandemik COVID-19.

Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia mempunyai pelan kesediaan darurat yang didokumentasikan- *documented emergency preparedness plan*, dengan izin? Jika ada, apa rancangan ini merangkumi peranan dan tanggungjawab Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan, kumpulan masyarakat dan semua pihak yang berkepentingan? Adakah semua pihak berkepentingan berunding dalam penyediaan rancangan ini? Adakah dokumen ini bersedia untuk umum? Adakah setiap pegawai kesihatan daerah mengikuti rancangan persediaan kecemasan yang telah ditetapkan dan diluluskan? Adakah sumber yang diperlukan telah diperuntukkan? Kami mahu penjelasan daripada kementerian.

Dalam menangani wabak, aliran maklumat sangat penting untuk tindakan yang cepat dan tepat pada masanya. Apakah sistem perkongsian maklumat yang ada sekarang untuk memastikan semua pihak berkepentingan mendapat maklumat tepat pada waktu selain daripada taklimat media harian? Adakah semua data dan maklumat yang dikumpulkan oleh Kerajaan Persekutuan dikongsi secara telus dengan kerajaan-kerajaan negeri dan pihak berkepentingan yang berkaitan? Adakah strategi komunikasi yang digunakan untuk menangani wabak ini? Mengapa kerajaan menjangkakan yang kumpulan pertama yang akan diberikan vaksin COVID-19 daripada *Pfizer* pada bulan Februari tahun hadapan sedangkan Singapura akan memulakan program vaksinasi secara meluas lebih awal iaitu pada minggu pertama tahun hadapan. Malah, berjanji untuk mendapat- mungkin memberi vaksin kepada keseluruhan rakyat yang seramai 5.3 juta orang.

Malaysia akan memasuki tahun 2021 dengan rancangan belanjawan terbesarnya untuk memacu ekonominya yang dilanda virus. Akan tetapi, dengan penurunan penarafan atau *sovereign credit rating*, dengan izin, baru-baru ini mungkin sukar membiayai bajet ini. Harga minyak mentah menjunam tahun ini. Ia menyumbang kepada penurunan pendapatan kerajaan sebanyak 14 peratus untuk tahun 2020. Kerajaan harus mengunjurkan pendapatan meningkat 4.2 peratus tahun hadapan, bergantung dengan kutipan cukai yang lebih tinggi tanpa menaikkan cukai atau memperkenalkan yang baharu. Ditambah dengan langkah yang mengurangkan kebergantungannya kepada minyak.

Kesimpulannya, kerajaan perlu segera memperluas ruang pendapatannya kerana perbelanjaan akan meningkat untuk membiayai usaha pemulihan ekonomi. Kerajaan sekarang bertarung untuk mengimbangkan kesihatan dan ekonomi jadi biarlah tindak balas kerajaan dalam pandemik COVID-19 berpusatkan perhatian kepada menyelamatkan nyawa dan memastikan pemulihan ekonomi. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Datuk Razali Idris.

1.38 tgh.

Datuk Razali bin Idris: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi memberi ruang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 di Dewan Negara yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini adalah sangat penting dan saya kira semua orang bersetuju bagi meluluskan kerana ia adalah ke arah kesejahteraan rakyat. Pada ketika waktu susah inilah kita akan melihat sejauh mana *solidarity* kita sesama kita dan saya yakin Dewan Negara tidak terkecuali dalam hal ini bagi menunjukkan *solidarity* yang tidak berbelah bahagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya rakyat terus menaruh harapan dan harapan yang sangat tinggi kepada setiap langkah kerajaan. Namun, saya juga hendak bertanya kes demi hari semakin meningkat sehingga sudah mencapai 2,000 kes saban hari dan sekarang ini pula belum lagi menunjukkan tanda-tanda menyusut di bawah 800 kes. Jadi, apakah yang menyebabkan gelombang kali ini adalah sangat tinggi berbanding dengan permulaan COVID-19 antara bulan April sehingga September 2020 yang lalu?

■1340

Saya juga hendak tahu, kekerapan pihak berkuasa menggempur kawasan kediaman rakyat asing yang bekerja di negara kita. Saya melihat begitu teruk tempat kediaman pekerja asing ini seperti yang berlaku di salah sebuah syarikat multinasional yang membekalkan sarung tangan dan topeng muka.

Syarikat ini mengaut keuntungan berpuluh-puluh juta tetapi perihal pekerja asing, mereka langsung tidak mempedulikan daripada aspek kesihatan, keselamatan dan kondusifnya tempat tinggal mereka ini. Ini pun boleh menjadi satu punca utama mengapa kes tinggi dan mohon pencerahan, penjelasan yang terperinci.

Saya juga hendak membangkitkan soal elaun khas *frontliners*, dengan izin, yang mana kakitangan barisan hadapan menerima elaun khas. Saya juga hendak mencadangkan supaya elaun khas dinaikkan sedikit daripada sejumlah RM200 kepada RM300 ataupun sebanyak RM400 sebulan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota pertahanan awam, serta anggota Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) yang terbabit secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkaitan.

Ini juga termasuk *frontliners* kepada kumpulan media yang sentiasa turun ke lapangan melaporkan kes-kes COVID-19 serta kakitangan Parlimen Malaysia hari ini kerana mereka juga sanggup bergadai nyawa untuk bertugas. Mungkin boleh dipertimbangkan elaun khas itu juga walaupun tidak sebanyak seperti *frontliners* yang *hardcore*, dengan izin.

Saya juga hendak tahu caj yang wajar bagi klinik-klinik swasta yang mengendalikan *swab test* kerana kita tidak mahu klinik-klinik swasta ini mengambil kesempatan mengenakan caj sehingga sebanyak RM300 ataupun mungkin sebanyak RM500 seorang. Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya bersama rakyat Malaysia berterima kasih atas jaminan dan keyakinan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin bagi vaksin COVID-19 secara percuma kepada rakyat Malaysia sebaik ia diperoleh kelak.

Ini sangat bermakna buat kita dan rakyat Malaysia secara keseluruhannya atas keprihatinan Kerajaan Perikatan Nasional. Kami akan menunggu dengan penuh kesabaran yang dijadualkan pada Februari 2021. Cuma, saya ingin membangkitkan perkara ini adalah untuk rakyat kita di bawah Perintah Fi (Perubatan) 1982 secara dasarnya sudah tentu ia akan diberikan secara percuma, tiada caj suntikan vaksin dikenakan kepada rakyat Malaysia. Apakah ia terangkum di bawah klinik dan hospital swasta dengan syarat kita menunjukkan kad pengenalan kita sebagai warga Malaysia?

Saya juga hendak kepastian, apakah kesesuaian vaksin COVID-19 ini kepada kelompok-kelompok kanak-kanak? Ataupun mereka yang berusia di bawah 12 tahun dan bagaimanakah pula dengan bayi dan wanita yang mengandung?

Dalam hal ini melibatkan kesihatan dan keselamatan negara. Jangan kita mempolitikkan atau pihak-pihak tertentu termasuk ada yang mempertikaikan kos yang sangat besar sebagai contoh serta ada komisen tertentu. Ia adalah prasangka yang buruk terutama datang daripada pihak pembangkang, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, saya rasa itulah sahaja perkongsian saya. Saya menyokong rang undang-undang ini dengan sepenuhnya. Sekian, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad.

1.34 tgh.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kpd Tuan Yang di-Pertua.

Pertama, saya menyokong penuh pindaan rang undang-undang dengan pertambahan sebanyak RM20 bilion yang diperuntukkan untuk Bantuan Prihatin Nasional, perbelanjaan COVID-19 dan Program Subsidi Upah dan pemberian khas PRIHATIN.

Kedua ialah baru-baru ini sebuah agensi salah satu daripada agensi penerapan antarabangsa *Fitch Ratings* telah menurunkan penerapan kredit Malaysia dan berkenaan agensi ini seolah-olah keupayaan negara kita di dalam membayar hutang. Ini kerana, apa yang dikeluarkan agensi ini secara tidak langsung akan memberikan satu imej yang buruk kepada negara kita sedangkan mungkin agensi ini tidak melihat kesan baik yang dirasai selepas daripada pelaksanaan beberapa- pakej rangsangan ekonomi ini. Sudah tentulah apabila kita hendak membantu rakyat, dengan kita menggunakan wang daripada berbagai-bagai sumber, maka sudah tentu akan meningkatkan daripada segi keberhutangan kita.

Namun, di sana sudah tentu nilai yang kita peroleh hasil daripada apa yang kita lakukan itu akan dapat kita peroleh satu kesan yang positif. Jadi, persoalan saya macam mana pihak kerajaan untuk memberikan penjelasan kepada agensi-agensi ini supaya imej di mata dunia tidak buruk berkenaan dengan kemampuan untuk kita membayar hutang ini.

Ketiga, saya ingin mencadangkan agar pihak kementerian mewujudkan satu platform aduan yang lebih efektif dalam menerima aduan-aduan dan memberikan respons yang pantas berkaitan dengan inisiatif-inisiatif yang diberikan melalui pakej rangsangan ini supaya apabila wujudnya platform ini akan dapat memberikan satu kesan yang lebih positif untuk rakyat menyuarakan mungkin pakej-pakej yang mereka peroleh itu mereka tidak dapat ataupun tidak sampai maka, platform yang perlu diwujudkan dipihak kerajaan kepada rakyat amat perlu.

Seterusnya ialah berkenaan dengan moratorium pinjaman. Sebagaimana yang kita maklum ia telah memberi secara automatik kepada golongan B40 yang membuat permohonan dan diberikan secara bersasar kepada golongan M40. Soalan saya ialah berkenaan dengan moratorium yang diberikan kepada mereka yang minta sama ada tiga bulan atau enam bulan. Bagaimanakah bentuk pinjaman mereka? Adakah dalam bentuk untuk *reschedule* balik, dijadualkan semula daripada enam bulan yang dipinjam mungkin sudah hendak tamat enam bulan, dilanjutkan lagi enam bulan, ataupun bagaimana?

Pada saya apabila moratorium ini dahulu dilakukan, pada peringkat awal termasuklah juga kepada mereka yang berpendapatan tetap gaji, sebenarnya satu tindakan yang tidak berapa tepatlah. Sepatutnya, orang yang terkesan dengan soal hutang ini ialah mereka yang bekerja sendiri, daripada PKS, ataupun mereka yang peniaga kecil. Akan tetapi, sebaliknya walaupun mereka ini yang ada pendapatan tetap terutama daripada pekerja yang bekerja sebagai makan gaji dengan kerajaan sepatutnya tidak perlu diberikan kerana mereka sudah pun memperoleh, tidak timbul soal untuk mereka tidak berkemampuan untuk bayar hutang. Malahan, mereka juga jimat kerana minyak kereta mereka tidak perlu isi yang habisnya ialah minyak masak sahaja kerana duduk di rumah.

Akhir sekali ialah berkenaan dengan vaksin. Kita ucap terima kasih kepada pihak kerajaan yang akan memberikan sebanyak 70 peratus kepada rakyat Malaysia untuk

mendapatkan vaksin ini. Cuma, ada beberapa kumpulan hari ini yang bergerak aktif untuk anti vaksin. Sama ada dalam kalangan orang yang anti terhadap penggunaan bahan-bahan kimia atau ubat kimia ini satu perkara yang tidak sepatutnya berlaku.

Di pihak orang-orang Islam pula jelas ketika Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan bagi hal ehwal agama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 yang lalu yang telah memutuskan bahawasanya harus dan juga malahan wajib kepada rakyat untuk mencucuk vaksin ini sebagai salah satu daripada perkara yang kita sebut untuk hendak menghalang kemudaratan yang berlaku akibat daripada penularan COVID-19 ini.

■1350

Walau bagaimanapun, ini salah satu daripada ikhtiar usaha kita. Kita sebagai Yang Berhormat Senator yang berada bersama masyarakat, kita hendaklah merupakan orang yang memberikan galakan ataupun memberi tunjuk ajar yang baik kepada rakyat. Jangan kita pula menjadi batu api supaya jangan cucuk vaksin ini. Sedangkan apa yang dilakukan itu kita patuh- yang memberikan pandangan-pandangan ini terdiri daripada kalangan pakar-pakar doktor perubatan yang sepatutnya kita ikut kerana mereka ahli dia. Saya sendiri pun tidak layak untuk bercakap tentang vaksin ini kerana ini bukan bidang kita kerana kaedah yang agama ajar... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Kamu tanya kepada orang yang arif, orang yang tahu kalau kamu tidak tahu.*"

Jadi hal-hal yang kita tidak tahu- ini kadang-kadang dia tidak tahu tetapi dia bercakap macam dia tahu. Ini pun satu persoalan. Yang keduanya, kadang-kadang pula hal agama pula dia pun mengaji tak tinggi mana tetapi hendak mengeluarkan fatwa-fatwa lebih daripada tok-tok guru besar lagi. Saya teringat macam mana Almarhum tok guru saya iaitu Almarhum Tok Guru Dr. Harun Din. Ketika beliau sakit dan dia buat *operation* di Amerika, saya berjumpa dengan dia di mesyuarat terakhir dengan kami. Kita tanya dia fasal apa dia pergi, dia pergi dia kata salah satu daripada ikhtiar dan tawakal dia dengan Allah Taala. Walaupun dia merupakan orang yang hebat daripada segi perubatan Darul Syifa, namun Almarhum tetap menggalakkan juga- kalau kita berjumpa dia ketika berubat sekali pun, dia tetap tidak menghalang kita untuk pergi berjumpa dengan perubatan sama ada alopati ataupun homeopati. Oleh sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Guru Haji Idris bin Haji Ahmad. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah.

1.52 tgh.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, Tuan Yang di-Pertua.

Setelah hampir setahun virus Korona COVID-19 menular di Malaysia, negara mengalami fasa berkurung iaitu PKP atau boleh diistilahkan sebagai kuarantin Malaysia sejak 16 Mac 2020 dan berakhir pada 12 Mei 2020. Seterusnya disambung dengan PKPB dan PKPP mengikut zon dan negeri. Tujuannya ialah untuk membendung penyebaran virus tersebut dan tentunya pada ketika ini, kepentingan ekonomi dan keselamatan rakyat menjadi fokus utama kerajaan.

Kita terpaksa menerima hakikat bahawa kita harus hidup bersama Koronavirus. Kita harus hidup bersama Koronavirus dalam kehidupan seharian kita. Peruntukan tambahan sebanyak RM20 bilion pada saya bukan masalah besar untuk menyokong ia diluluskan. Akan tetapi, pada waktu yang sama, kita juga ingin memastikan bahawa keberkesanan penyampaian kepada *target group*, kepada golongan-golongan yang disasarkan kerana jumlah ini adalah amat besar yang jumlah permulaannya iaitu RM45 bilion, selepas itu dinaikkan kepada RM65 bilion.

Dengan peruntukan yang besar ini, diharapkan tidak berlaku ketirisan dalam pengagihannya dan pengagihannya seharusnya cepat, tepat dan cekap. Jangan ada kelewatan sehingga melepasi waktu keperluan. Maksudnya, terutamanya PKS-PKS yang menghadapi masalah tidak dapat meneruskan perniagaan yang hampir bankrap pun belum sampai lagi bantuan. Jadi kita tidak mahu perkara-perkara seumpama itu berlaku.

Diharapkan juga keberkesanan pengagihan dan penggunaan peruntukan dapat dipantau oleh kerajaan. Kita berbelanja besar dalam keadaan kita berhutang besar. Jadi, alangkah malangnya daripada jumlah yang besar itu kita gagal melahirkan usahawan-usahawan.

Seperkara lagi yang sangat-sangat penting iaitu peruntukan daripada segi kajian dan pembangunan ataupun R&D. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian, saya fikir daripada RM1 bilion dan ingin ditambah kepada RM5 bilion ya peruntukan untuk COVID-19, jadi saya fikir dalam RM5 bilion itu, sebahagiannya adalah untuk pembelian vaksin dan saya kira sebahagiannya digunakan juga untuk R&D.

Untuk makluman semua, untuk semua vaksin, kajian adalah penting terutamanya daripada segi keselamatan, daripada segi keberkesanan dan juga daripada segi stabiliti. *Safety, efficacy* dan *stability*, dengan izin, adalah amat penting. Jadi saya ingin mendapatkan kepastian, adakah tiga-tiga perkara ini iaitu *safety, efficacy* dan *stability* akan dilakukan di Malaysia atau sedang berjalan sekarang di negara kita? Atau mungkin pihak kerajaan cuma mengambil data-data daripada pengeluar, daripada Jerman contohnya? Sebab saya difahamkan bahawa mereka telah pun membuat kajian ke atas lebih daripada 40 ribu orang yang di vaksin.

Jadi, kajian ini adalah amat penting untuk meyakinkan rakyat bahawa vaksin yang akan digunakan ini adalah selamat dan tidak menyebabkan apa-apa sakit lain pula. Dia bagi vaksin untuk mengelak daripada Koronavirus tetapi akhirnya mendapat penyakit lain pula. Jadi, itu kita tak mahu berlaku.

Di samping itu, R&D ini juga penting adalah untuk kita mengeluarkan vaksin sendiri. Sebab, virus kadang-kadang melalui peringkat mutasi dan virus kadang-kadang berlaku atau wujudnya di tempat-tempat tertentu sahaja, contohnya di sesuatu negeri ataupun di sesuatu negara. Mungkin ada di Malaysia, tak ada di tempat lain, di negara-negara lain. Jadi kalau kita tidak mengeluarkan, tidak ada usaha, tidak ada langkah-langkah yang diambil untuk kita keluarkan vaksin sendiri, sekiranya berlaku perkara-perkara begini, mungkin bukan sahaja untuk COVID-19, untuk juga penyakit-penyakit lain- sebab virus, sebagaimana saya katakan tadi, mudah bermutasi. Jadi, negara-negara lain tidak akan mempunyai minat sebab pasarannya akan kecil setakat 32 juta- dos. Mereka tidak berminat. Jadi kalau kita tidak menghasilkan vaksin sendiri, kita akan mempunyai masalah.

Kajian yang berterusan juga saya rasa adalah amat perlu. Kalau kita bandingkan sebenarnya kalau pada unggas ataupun ayam, Koronavirus telah pun dikesan sejak tahun 1931. Ciri-ciri Koronavirus pada unggas ataupun pada ayam setakat ini hampir sama dengan yang dijangkiti kepada manusia sekarang. Akan tetapi, ingin saya tekankan, setakat ini tiada bukti yang menunjukkan yang virus Koronavirus yang dijangkiti kepada ayam boleh merebak kepada manusia. Tidak sama sekali.

Akan tetapi, ciri-cirinya sebagaimana saya kata tadi, beberapa ciri iaitu cepat merebak boleh menyebabkan 100 peratus- contohnya kalau seorang di Dewan ini, semua sekali boleh kena. Itu adalah juga ciri Koronavirus pada unggas. Kedua, boleh menyebabkan terganggunya sistem pernafasan ataupun jangkitan kepada sistem pernafasan.

Akan tetapi, ada dua perkara lagi yang ada pada unggas belum- itu sebab saya kata perlunya R&D dan perlu saya rasa pemantauan yang amat rapat. Ini kerana ada dua lagi penyakit yang biasa berlaku kepada unggas iaitu kemandulan daripada awal. Kalau ayam telur itu kena, dia tak bertelur sampai ke sudah. Yang seterusnya kegagalan buah pinggang secara akut. Maksudnya kalau dia kena jangkitan Koronavirus pada ayam, saya katakan tadi, dia akan mati dalam kadar 20, 30 peratus kerana kegagalan buah pinggang.

Jadi, R&D saya katakan tadi perlu dana yang agak mencukupi yang agak banyak untuk kerajaan memantau perkara-perkara ini jangan sampai- sebab saya kata yang perkara pertama dan kedua, cara jangkitan yang cepat sudah menyamai apa yang berlaku kepada unggas dan penyakit pernafasan juga menyamai apa yang berlaku kepada unggas. Jadi yang lain itu, saya cadangkan bahawa kerajaan pantau dari semasa ke semasa terutamanya siapa yang dijangkiti, yang meninggal itu perlu dikaji apakah sebab penyebab kematian supaya kita

■1400

Saya rasa sekadar itu sahaja. Jadi, saya berharaplah dana yang ditambah RM20 bilion ini dapat dipergunakan dengan sebaik mungkin dan membantu rakyat Malaysia yang dalam kesusahan. Saya dengan ini menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong.

2.00 ptg.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangkit untuk bahas Rang Undang-undang Langkah-langkah Sementara Bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) (Pindaan) 2020.

Saya ingin maklumkan Dewan ini bahawa, kita sekarang ini menghadapi dua krisis. Seperti apa yang kita tahu, krisis COVID-19 sebagai krisis kesihatan dan krisis ekonomi. Dua-dua ini ada kaitan. Kalau kita tidak boleh selesaikan krisis COVID-19, ekonomi tidak akan pulih. Itu keadaan yang kita hadapi.

Sebenarnya mungkin kita tidak rasa, tetapi saya rasa minggu ini ataupun sejak dua minggu yang lalu, kita mungkin sudah sampai satu titik kritikal. *We come to a critical point* di mana Ketua Pengarah Kesihatan semalam kata hospital tidak ada tempat yang mencukupi. So, ada yang telah dikesan positif diminta kuarantin di rumah kerana sistem *overload*. So, kita dalam satu keadaan kritikal di mana kes banyak, kes tidak kurang, kes nampaknya tidak akan kurang dalam dua hingga tiga minggu yang akan datang dan vaksin belum sampai lagi.

Walaupun vaksin mungkin sampai pada bulan Februari, tetapi ia akan makan masa. Mungkin dalam setengah tahun kita boleh vaksinkan 75 peratus rakyat kita. Kalau ada 75 peratus rakyat kita diberikan vaksin, mungkin kita ada *herd immunity*. Akan tetapi, *herd immunity* pun ada kos ekonominya. Kalau kita vaksinkan orang tempatan, tetapi mungkin kita tidak boleh lagi buka sempadan kita sampai satu dunia divaksinkan.

So, ini keadaan yang kita akan hadapi dan kita mesti bersedia untuk menghadapi dua-dua krisis ini sekurang-kurangnya sampai suku ketiga atau mungkin satu tahun 2021. So, kita kena ada persediaan bahawa krisis ini tidak akan berakhir dalam sembilan bulan dan mungkin sampai setahun yang akan datang. Kita perlukan semua rakyat Malaysia terutamanya kerajaan dan kepimpinan negara termasuk Ahli-ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat supaya kita ada tanggapan atau persepsi ataupun persetujuan bahawa kita mungkin akan dalam krisis untuk sembilan bulan atau setahun lagi.

Persediaan minda ini penting kerana kita perlukan peruntukan kewangan, itu tidak ada persetujuan, tidak ada perbezaan. Akan tetapi, *money alone cannot solve all the problems*. Hanya dengan peruntukan wang tanpa kita kerjasama, tanpa ada perubahan cara kita

bekerja, tanpa ada pendekatan yang diperlukan ataupun tanpa ada idea di mana kita ada *whole of government or whole of society approach*, tidak ada *crisis mode- if we don't has crisis mode*, kita tidak boleh selesaikan masalah yang kita hadapi.

So, saya cadang kepada Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, bahawa kita perlukan kerajaan dan kita bersedia untuk menghadapi krisis yang akan terus sekurang-kurangnya untuk sembilan bulan ataupun setahun. Kita bukan sahaja kena bersedia untuk menghadapi krisis yang akan terus, tetapi kita juga mesti bekerjasama berfikir bagaimana kita boleh membina semula yang lebih baik. Ini slogan *United Nations* dan juga *World Economic Forum* bahawa kita harus *build back better*.

So, apa yang telah hancur dan apa yang telah kita alami, memang kita tidak seronok, memang tidak baik, memang kita mangsa krisis ini. Kita menghadapi musuh yang tidak kelihatan ini. Akan tetapi apabila kita kembali, kita harus kembali lebih baik. Saya ingin cadang beberapa isu atau beberapa bidang yang diperlukan respons bersepadu atau *whole of government approach*.

Satu, *testing*. Ini kita sudah melalui krisis ini sepanjang sembilan bulan. Akan tetapi kapasiti untuk *testing* walaupun ada, tetapi masih tidak bersepadu. Kapasiti kerajaan dengan kapasiti di swasta tidak bersepadu. Tahap dan juga jumlah yang kita buat- kalau kita boleh buat lebih banyak- mungkin memang ada orang kata kalau buat banyak, kes banyak. Itu memang. Itu kalau lebih banyak *testing* dibuat, memang akan ada kes yang lebih banyak. Kita akan kesan lebih banyak kes.

Akan tetapi, yang penting ialah kita harus lagi meningkatkan kapasiti kita untuk buat lebih banyak *testing* sehari, setiap hari supaya kita boleh *insulate*, supaya kita boleh kurangkan kemungkinan penularan wabak ini. Ini kerana bila kita kesan, kita boleh buat *targeted approach*. Akan tetapi kalau kita tidak kesan, ia akan berleluasa dan kita tidak boleh kawal. So, ini adalah penting. Kedua, vaksin perlukan penjelasan yang lebih banyak dan kita perlu ada rancangan. Rancangan untuk kita laksanakan vaksin perlu dimaklumkan kepada rakyat seawal mungkin dan secepat mungkin dan sebanyak mungkin.

Dua isu yang penting dalam krisis koronavirus ini, dua buah tempat penting ialah satu ialah penjara. Satu ialah tempat tinggal pekerja asing. Dua-dua ini memerlukan lebih banyak usaha yang bersepadu di antara- kalau penjara, memerlukan usaha di antara Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan dan mungkin juga kementerian-kementerian lain. Juga untuk pekerja asing, kita memerlukan minda yang baharu. Kita tidak boleh hanya cuba selesaikan masalah ini tanpa idea yang baharu.

Buat setakat ini, syarikat yang paling untung ialah Syarikat Top Glove dan sebagainya. Akan tetapi, risiko reputasi mereka sekarang kerana tidak mengendalikan tempat tinggal pekerja asing mereka akan besar.

So, saya hendak cadang kepada kerajaan secara penghujung ucapan ini ialah kita mesti bersedia untuk menggunakan peluang ini supaya kita menggalakkan atau memaksa supaya syarikat-syarikat kita mewujudkan pekerjaan yang memberikan gaji sebanyak RM2,500 hingga RM4,000 supaya anak tempatan diberikan pekerjaan dalam sektor pembuatan supaya mereka yang hilang kerja dapat kerja. Kalau pekerja asing yang kita ada ini kita kurangkan, kita boleh kurangkan secara berperingkat dengan rancangan yang jelas, maka kita boleh wujudkan pekerjaan untuk orang tempatan di sektor pembuatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih pada Yang Berhormat Senator Liew Chin Tong. Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Aknan a/l Ehtook.

2.09 ptg.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bagi menyambung perbahasan ini, saya ingin terus kepada isu-isu yang saya ingin bangkitkan.

■1410

Kita nampak untuk rang undang-undang ini, sebanyak RM20 bilion telah dicadangkan untuk ditambah. Saya nampak RM20 bilion ini tidaklah besar melihat kepada isu yang kita sedang hadapi. Akan tetapi, adakah dengan RM65 bilion ini mencukupi untuk menyelesaikan masalah ini? Itu persoalan yang asas. Ini kerana ia macam seolah-olah di padang pasir, kita curah air tetapi tidak tahu sampai bila kita hendak curah air, sampai bila tidak tahu hendak basah kerana penghujungnya nanti kes semakin bertambah tetapi langkah-langkah yang kita sedang ambil ini macam tidak ke mana.

Baru-baru ini kes telah bertambah daripada beberapa ratus kepada ribu. Sekarang ini 2,000 itu sudah menjadi mainan harian. Itu menjadi masalah. Ada juga yang mengatakan bahawa kita sedang bersedia untuk menghadapi kes 5,000 sehari dalam masa yang tidak lama lagi. Itu amat menakutkan.

Apa pun untuk RM65 bilion ini, saya rasa tidak ada apa yang boleh menidakkan rang undang-undang ini diluluskan. Secara retoriknya, sepatutnya sudah diluluskan enam bulan yang lepas bukan baru sekarang. Akan tetapi, sekiranya soalan yang saya hendak tanyakan daripada saya dan juga semua, kita seluruh rakyat Malaysia bahasa Inggeris nya, *have we done enough?* Adakah kita buat sebaik mungkin kita perlu buat untuk menangani masalah ini. Ini kerana pada mulanya kita seronok kes kita menurun sehingga satu hari itu, saya ikuti Ketua Pengarah angkat poster, *placard* kosong kes sahaja hari ini tetapi sekarang ini sudah 2,000 lebih.

Jadi kalau secara umumnya, kita menghala ke tempat yang tidak betul. Sepatutnya ke arah yang lebih baik. Kita tahu bahawa kita ada pelbagai pakar dalam bidang ini. Kita

sepatutnya duduk semeja dengan pembuat dasar, apa yang kita perlu buat kita buat setegastegasnya. Kita ketepikan semua isu yang boleh menghalang daripada segi politik dan sebagainya.

Jangan gunakan itu sebagai penghalang untuk kita memerangi COVID-19 ini. Ini kerana selagi kita tidak menyelesaikan isu COVID-19 ini, isu-isu lain akan terus menghantui kita. Bersekolah pun tidak boleh, ekonomi pun tidak bagus dan macam-macam lagi. Hidup pun tidak senang. Hari-hari bernafas ikut benda ini. Kalau kita letak rasa kari ini, hari-hari rasa kari dekat topeng kita ini.

Adakah kita hendak macam ini selama-lamanya kalau kita tidak berbuat sesuatu? Ini merentasi sempadan. Kalau negara di sebelah sana buat elok, ada contoh-contoh yang baik ikutlah mereka. Kalau mereka buat tidak elok, kita jadikan sempadan kerana kita perlu hadapi ini secara bersama.

Satu perkara lagi tentang persoalan *have we done enough*, dengan izin, tentang baru-baru ini. Dalam tempoh cuti hujung tahun ini, kenduri-kendara di sana sini, kes naik dengan mendadak. Saya rasa sepatutnya setiap rakyat diberi satu *impression* bahawa setiap daripada kita ini perlu *in control* tentang COVID-19 ini. Jangan biarkan COVID-19 kawal kita. Kita mesti kawal COVID-19. Kawal COVID-19 bukannya susah, kawal diri. Akan tetapi kalau kita biarkan diri kita tanpa kawalan, kita akan dikawal COVID-19.

Jadi sudah sampai masanya, kita sudah perlu meningkatkan usaha kita. Apa yang kita buat selama ini sudah bagus tetapi kebelakangan ini, kita *let our guard down*, dengan izin. Marilah kita kembali untuk memastikan bahawa kita dalam hal ini kita mengawal keadaan semua. Dalam masa yang sama juga, kita sedang dalam dilema hendak menimbang antara kesihatan ataupun ekonomi. Kita kena pilih satu cara yang lebih jelas. Ini kerana kalau kita hendak mengambil benda itu dengan bahasa Inggeris nya, hendak *cake*, hendak makan juga, itulah menjadi masalah kepada kita.

Jadi, saya hendak meminta kerajaan supaya melihat peruntukan ini sama ada boleh digunakan untuk membantu syarikat-syarikat yang didapati menjadi gedung penyebar COVID-19 apabila kemudahan penginapan yang disediakan kepada pekerja mereka tidak mengikut standard...

Puan Hajah Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh, boleh.

Puan Hajah Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat setuju jika saya menyebutkan bahawa tindakan kita sebelum ini agak terlalu *overreactive* menghadapi isu-isu COVID-19. Pertama mungkin kerana kita tidak ada

pengalaman lagi. Akan tetapi sekarang, kita semakin santai. Awalnya kita *overreactive* dan kemudian kita semakin santai. Saya difahamkan tahun hadapan kita mungkin tidak akan ada lagi PKP, ia hanya ada SOP Yang Berhormat.

Tuan Aknan a/l Ehtook: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita tengok tindakan kita- kita tanya diri sendiri kerana selain daripada kerajaan yang menentukan SOP, arahan dan sebagainya tetapi adakah kita sendiri hanya menunggu kerajaan arahkan barulah kita bertindak. Kita patut sedar setiap orang daripada kita- kerana tidak kiralah kita ini bangsa apa, agama apa, COVID-19 tidak kenal. Dia pergi jumpa, kalau tidak buat apa-apa memang kenalah.

Ini kerana semalam sendiri saya terkejut *almost* tengah malam terpaksa berlari ke hospital untuk buat *COVID test* kerana anak saya yang bekerja di sebuah tempat, ada orang datang ke pejabatnya didapati positif. Dia balik ke rumah terketar-ketar tidak tahu apa hendak buat kerana dalam rumah saya ada empat, lima orang kami terpaksa berlari kononnya untuk pastikan bahawa kita sampai ke hospital sebelum pukul 9 malam kerana tutup untuk *test* COVID-19. Nasib baik negatif boleh saya datang hari ini. Kalau tidak, saya tidur di rumah hari ini. Itulah dia punya risiko. Tanpa semena-mena kami di rumah ini menjadi terdedah kepada itu. So, Yang Berhormat semua pun sama sahaja kerana bila-bila masa setiap orang daripada kita ini akan terkena.

Jadi saya harap gunakanlah peruntukan ini sebaik mungkin. Basmilah pekerjaan-pekerjaan yang menjadi tumpuan COVID-19 ini, sektor pembuatan, sektor *furniture*, sektor binaan itulah tempat-tempat yang mudah untuk COVID-19 bersarang. Saya harap saya telah bercakap cukup banyak. Saya ingin menyokong dan berharap benda ini dapat mencapai sasarannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook. Seterusnya dijemput Yang Berhormat Senator Datuk Haji Ismail bin Ibrahim.

2.17 ptg.

Datuk Haji Ismail bin Ibrahim: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dalam pindaan ini, kerajaan meminda akta ini bagi menambah peruntukan sebanyak RM20 bilion lagi untuk tujuan Pakej Rangsangan Ekonomi. Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, semasa tempoh PKPB, saya dapati perniagaan berasaskan platform digital yakni *e-shopping* dan penggunaan Internet berkelajuan tinggi amat penting sekali. Ini kerana SOP PKPB yang tidak menghadkan operasi kedai dan *outlet* jualan makanan dikuatkuasakan dengan mengurangkan jualan secara fizikal. Malang sekali perkhidmatan jalur lebar di luar bandar dan ada kalanya di bandar utama juga mengalami kadar kelajuan yang tidak laju atau

kadar *speed* yang kurang memberangsangkan. Ini akan menjejaskan akses Internet rakyat terhadap pasaran e-dagang ini.

Kalau dilihat Telekom Malaysia selaku penyedia perkhidmatan jalur lebar utama juga tidak mampu memenuhi permintaan jaringan rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi di seluruh negara. Justeru soalan saya, sejauh mana kerajaan melalui anak syarikat kerajaan seperti TM, Celcom dan TNB merancang infrastruktur jalur lebar di seluruh negara?

Bagaimana kerajaan memanfaatkan anak syarikat TNB yakni Allo Technology Sdn. Berhad, yang merintis perkhidmatan jalur lebar yang menggunakan infrastruktur rangkaian kabel bekalan elektrik memanfaatkan kos penyediaan Internet berkelajuan tinggi sebagaimana TNB membekalkan *City Broadband* dengan harga yang lebih murah di luar bandar dan telah memulakan beberapa operasi di Melaka dan di negeri-negeri Semenanjung Malaysia.

■1420

Sehubungan ini juga, saya menyokong saranan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bagi pakej rangsangan ekonomi. Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada kerajaan tentang bagaimana projek-projek penyelenggaraan infrastruktur awam dipercepatkan pada tahun 2021 agar kontraktor-kontraktor G4 dan ke bawah mendapat manfaat dan menjana ekonomi setempat. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Haji Ismail bin Ibrahim. Seterusnya saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan untuk menjawab.

2.21 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan II [Tuan Mohd Shahr bin Abdullah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang begitu mengemukakan pandangan, kritikan, cadangan yang begitu amat tinggi nilainya bagi pihak Kementerian Kewangan. Saya yakin seramai lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan merupakan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang begitu cakna tentang Rang Undang-undang Langkah Sementara Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi sedikit penjelasan berkaitan perkara-perkara yang agak spesifik dan kemudiannya di hujung nanti saya akan beri tumpuan khusus kepada vaksinasi. Saya kira Tuan Yang di-Pertua ini bagi memastikan semua Ahli Yang Berhormat dapat penjelasan. Sekiranya ada perkara-perkara Yang Berhormat Senator bangkitkan agak terlampau teknikal atau lebih detil, saya memerlukan masa, dan *insya-Allah*,

Kementerian Kewangan akan memberikan jawapan secara bertulis sekiranya ia di luar Kementerian Kewangan. Ini kerana apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sudah pasti ia tidak tertakluk sahaja kepada ruang lingkup Kementerian Kewangan, ia juga melibatkan Kementerian Kesihatan, kementerian MOSTI dan beberapa buah agensi dan kementerian yang berkaitan.

Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman membangkitkan tentang isu projek-projek kecil G1, G2, G3 dan G4 bagaimana dalam masa COVID-19 ini adakah kita membantu kontraktor-kontraktor kecil. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman, kerajaan melalui pakej rangsangan ekonomi telah memperuntukkan RM4 bilion kepada kontraktor-kontraktor G1, G2, G3 dan G4.

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam Belanjawan 2021 kita tambahkan dan tingkatkan lagi sebanyak RM2.5 bilion. Ini bermakna kerajaan amat prihatin kepada kontraktor-kontraktor yang berada di akar umbi dengan memperuntukkan sebanyak RM6.5 bilion. Termasuk juga Yang Berhormat Senator, kerajaan juga telah memperuntukkan RM2 juta- tambahan kepada projek-projek penyelenggaraan Jalan Persekutuan dan RM50 juta bagi projek-projek penyelenggaraan rumah PPR.

Selanjutnya kerajaan akan melanjutkan tempoh kelonggaran prosedur perolehan yang sehingga sepatutnya 31 Disember untuk mempercepatkan proses pembangunan. Oleh sebab kita akui sekiranya kita tidak memanjangkan tempoh tersebut mereka akan menghadapi masalah untuk membelanjakan peruntukan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Perikatan Nasional.

Saya juga ingin memberi sedikit penjelasan berkaitan Bantuan Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) yang disebut oleh Yang Berhormat Senator sebentar tadi. Untuk makluman Yang Berhormat Senator lantikan 1 Januari 2020 kita *reinstate* kembali. Bukan sebenarnya mereka menangguhkan atau batalkan, mereka membuat kajian. Akan tetapi untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan bagi komitmen pada 1 Januari 2020, melibatkan 33 skim lantikan baharu BIPK ini diteruskan kepada penjawat-penjawat awam yang layak untuk menerima.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas membangkitkan adakah syarikat tempatan diberikan perolehan COVID-19 vaksinasi, saya akan jawab dalam perkara-perkara yang berkaitan vaksinasi nanti. Yang Berhormat juga membangkitkan tentang RM65 bilion, adakah kerajaan boleh tampung?

Untuk makluman Yang Berhormat, itu sebabnya kita mewujudkan satu- akaun dinamakan Kumpulan Wang Amanah COVID-19. Di mana RM65 bilion ini secara jelas yang telah kita nyatakan dalam *outlook fiscal* yang telah kita beri kepada semua Yang Berhormat di Dewan Rakyat dan Dewan Negara, RM65 bilion ini kita akan tampung melalui pinjaman secara domestik, tidak ada isu. Bukanlah kita berasaskan kepada unjuran hasil seperti mana

yang saya jawab tempoh hari tetapi RM65 bilion ini kita lakukan melalui pinjaman domestik. Sudah pasti pinjaman domestik pengukuhan pasaran kewangan tempatan pada kali ini adalah mengukuh berbanding kita membuat pinjaman dari luar negara.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan isu bagaimana kita membuat unjuran hasil. Ini perkara yang telah saya nyatakan dalam belanjawan tempoh hari semasa penggulungan. Ini kerana apa Yang Berhormat, kita melaksanakan pakej RM305 bilion. Sudah pasti pakej RM305 bilion ini merupakan strategi fasa-fasa yang keempat sebelum kita melaksanakan fasa yang kelima dalam strategi 6R yang kerap kali Yang Berhormat Menteri Kewangan dan saya sendiri menyatakan di Dewan yang mulia ini. Sejumlah RM305 bilion kalau kita melihat prestasi KDNK daripada menyusut 17.1 peratus ia meningkat walaupun agak perlahan kepada 2.7 peratus tetapi mempunyai kesan yang jelas dengan apa yang kita lakukan.

Kita berkeyakinan Yang Berhormat bahawasanya pada tahun hadapan walaupun kita mengunjurkan defisit 3.2 peratus pada tahun 2020 tetapi kita buat semakan sedikit kerana dengan faktor *environment*, ekonomi, COVID-19, kesihatan ini kita unjurkan 3.2 peratus semasa Bajet 2020 diumumkan tahun 2019. Akan tetapi kita membuat sedikit *recalibration* menjadikan defisit tahun ini yang kita unjurkan sebanyak enam peratus.

Akan tetapi pada tahun hadapan kita lihat dengan keadaan faktor-faktor yang selalu saya nyatakan di Dewan yang mulia ini, saya tidak berniat untuk mengulangi perkara-perkara yang sama. Kita mengunjurkan 5.4 peratus *deficit fiscal* pada tahun akan datang dengan pertumbuhan 6.5 peratus di antara 6.5 peratus hingga 7.5 peratus. Maksudnya kita begitu optimis dengan indikator-indikator ekonomi yang sedang kita lihat pada hari ini.

Betul, kita menghadapi satu jajaran yang baru apabila kita memperkenalkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020. Ya betul, ia memberi kesan kepada faktor-faktor perniagaan tetapi dengan suntikan yang kita beri melalui RM305 bilion dengan *direct fiscal injection*, dengan izin, RM55 bilion nampaknya ada perubahan dan *insya-Allah* hujung tahun ini kita akan dapat unjuran bagaimana prestasi suku tahun keempat 2020. Bersama-sama Yang Berhormat kita berdoa agar unjuran hasil yang kita unjurkan pada tahun akan datang memberi kesan kepada perbelanjaan mengembang dalam Bajet 2021.

Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman juga membangkitkan tentang bagaimana lantikan pegawai kontrak, Yang Berhormat. Sehingga Disember 2020 Yang Berhormat Senator, kerajaan telah meluluskan pelantikan secara kontrak seramai 4,739 orang petugas kesihatan dengan kos sebanyak RM163.8 juta yang ditampung menggunakan Pakej Rangsangan Ekonomi PRIHATIN serta Kumpulan Wang Amanah COVID-19, pakej yang pertama yang RM45 bilion. Secara terperinci, lantikan dibuat adalah seperti mana berikut.

Pelantikan seramai 2,376 orang pegawai petugas kesihatan skim Jururawat, Jururawat Pesara, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi Makmal Perubatan dan Pegawai Sains yang telah dilaksanakan pada April 2020. Menerusi pengambilan 1,634 orang petugas kesihatan tambahan secara kontrak, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menarik penyertaan calon daripada graduan seperti mana Yang Berhormat sebutkan tadi, institut latihan swasta untuk berkhidmat dalam jawatan-jawatan seperti Jururawat, Penolong Pegawai Perubatan, Juruteknologi Maklumat seperti mana saya sebut tadi pada Oktober 2020. Selain itu, 485 orang petugas kesihatan tambahan juga diberikan kepada Juruteknologi Makmal Perubatan, Pegawai Sains dan Juru X-Ray.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan juga bersetuju untuk meluluskan penyambungan kontrak secara *one-off* enam bulan lagi bagi sejumlah 2,070 orang Pegawai Perubatan, Pegawai Pergigian, Pegawai Farmasi dengan kos sebanyak RM81 juta ditanggung menerusi peruntukan Kumpulan Wang Amanah COVID-19. Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya ramai Ahli Yang Berhormat membangkitkan perkara-perkara berkaitan R&D, berkaitan ini.

■1430

Izinkan Tuan Yang di-Pertua, kerana banyak sangat yang bercakap tentang vaksin, izinkan saya untuk penghujungnya memberi penjelasan bagaimana vaksinasi yang sering disebut-sebut oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Pertamanya, kita kena faham dan memahami ketersediaan vaksin adalah bergantung kepada pematuhan vaksin kepada proses pendaftaran, pematuhan kepada akta dan peraturan, keperluan *regulatory* dan tatacara kewangan yang berkaitan dengan perolehan COVID-19 yang sedang berkuat kuasa.

Saya ingin memberikan pandangan sedikit, kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair berkaitan perbandingan harga di antara Belgium dan Malaysia. Yang Berhormat Senator, perbandingan harga yang salah bagi vaksin antara Malaysia dengan Belgium telah tular susulan pengumuman terbaru- seperti mana Yang Berhormat Senator sebutkan tadi, Perdana Menteri- perbandingan di antara Belgium dengan Malaysia.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, jumlah tempahan Belgium 33.5 juta, dos diperlukan iaitu dua dos. Dos bagi setiap orang, liputan 33.5 juta bahagi dengan dua ia berjumlah kepada 16.7 juta orang. Dos yang ditempah, 33.5 juta tetapi untuk satu orang dia pakai dua dos. Jadi, jumlah liputannya ialah 16.75 juta orang. Harga yang dibayar bagi setiap dos, 33.5 juta dos adalah RM1.38 bilion.

Ini bermakna, untuk Belgium harga seorang bagi setiap penerima adalah berjumlah lebih kurang RM82.40, hanya RM82.40 bagi Belgium. Bagaimanakah Malaysia? Perkara ini saya harap kita dapat penjelasan supaya jangan kita- walaupun kita niat untuk bersama

meluluskan rang undang-undang ini, tetapi salah faham ini akan memberikan kesan yang tidak baik khususnya bagi pihak Kementerian Kewangan dan kementerian-kementerian yang terbabit. Harga yang dibayar untuk 26.5 juta orang iaitu RM2.05 bilion untuk Malaysia. Jadi, harga seorang bagi 26.5 juta orang rakyat Malaysia, untuk 70 peratus RM77.35. Ini nampaknya Malaysia lebih rendah dari Belgium.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memberikan penjelasan berkaitan tentang perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah tadi, berkaitan peruntukan RM5 bilion- ya, betul. Ia termasuk dalam kos R&D dan kos yang kita peruntukan daripada RM1 bilion kepada RM5 bilion merupakan kos-kos yang melibatkan logistik, pengangkutan, penyimpanan dan kos-kos inilah yang akan kita berikan kepada rakyat Malaysia.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang ini membuat anggaran untuk mencapai 70 peratus daripada populasi rakyat Malaysia. Kita ada tiga, melalui COVAX Facility. *COVAX Facility* ini, Kerajaan Malaysia pada 24 November 2020, telah menandatangani satu perjanjian dengan *Global Alliance for Vaccines and Immunisation* (Gavi). Kita sudah bayar kepada Gavi sebanyak USD22 juta, lebih kurang RM94 juta. COVAX Facility akan merangkumi 10 peratus. *Pfizer* yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair tadi, hanya 20 peratus daripada jumlah 70 peratus yang kita tawarkan nanti kepada rakyat Malaysia.

Terbaru pada 21 Disember 2020, *AstraZeneca* daripada *United Kingdom* hanya 10 peratus. Ini bermakna sekarang ini kita mempunyai keupayaan 40 peratus untuk kita memenuhi 70 peratus sasaran daripada pihak kerajaan. Kita akui, kita sedang berusaha untuk memenuhi kapasiti kita untuk dapatkan 70 peratus dan timbul isu bagaimana lambat atau cepat.

Saya hendak beritahu kepada Yang Berhormat Senator, untuk melakukan ketersediaan vaksin ini bukan satu proses yang cepat. Kita sedang berusaha bersungguh-sungguh melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan KKM serta Kementerian Kewangan, kita berhempas pulas untuk memastikan vaksin yang sampai di Malaysia merupakan vaksin yang selamat. Vaksin yang selamat ini akan sampai melalui *COVAX Facility* dan *Pfizer* pada suku tahun pertama. *AstraZeneca* kita jangka akan sampai pada bulan April tahun 2021.

Apakah yang pentingnya- siapa yang akan menerima 70 peratus ini? Ini perkara-perkara yang sedang bermain dalam minda masyarakat. Kita akan berikan keutamaan kepada *frontliners*, kita akan beri keutamaan kepada golongan warga emas dan golongan-golongan yang ditentukan oleh Kementerian Kesihatan.

Saya yakin dan percaya jawatankuasa vaksinasi negara ini akan melaksanakan satu penilaian supaya keadilan diberikan kepada mereka yang betul-betul layak untuk menerima vaksinasi ini. Saya harap rakyat Malaysia harus menyokong usaha kerajaan untuk memastikan kita mempunyai perlindungan. Ini kerana seperti apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, COVID-19 ini dapat- kita kena atasi sebaik mungkin supaya kita dapat memastikan ekonomi negara kita dapat dipacu dengan lebih baik.

Tuan Yang di-Pertua, ada juga perkara yang harus saya buat penjelasan berkaitan tentang bagaimana kita menetapkan perolehan bekalan vaksin ini. Ini ramai yang disebut tadi, ada orang tengah, ada komisen, ini perkara-perkara yang *netizen* juga bercakap dan rakyat di luar sana juga bercakap. Saya hendak berikan jaminan kepada Yang Berhormat Senator, kerajaan akan membuat proses perolehan hanya kepada syarikat farmaseutikal dan tidak akan ada orang tengah yang mengambil keuntungan daripada proses pemulihan ini. Ini kerana kita mempunyai empat kaedah perolehan yang kita lakukan:

- (i) rundingan terus dengan syarikat farmaseutikal;
- (ii) pernyataan dalam COVAX Facility, *COVAX Optional Purchase Arrangement*;
- (iii) G2G bilateral; dan
- (iv) secara tender terbuka dalam jangka masa yang panjang.

Sudah pasti Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Vaksin yang dipengerusikan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia bersama-sama dengan MOSTI diselia oleh Kementerian Kewangan, kita akan pastikan semua perkara yang saya sebutkan tadi akan diberikan keutamaan dalam memastikan rancangan kita berada di tahap yang optimum.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya memberikan sedikit penjelasan berkaitan tentang isu moratorium yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad. Isu ini isu yang dekat dengan rakyat. Bantuan semasa moratorium tidak pernah dihentikan Tuan Yang di-Pertua. Bank Negara Malaysia juga sentiasa mengeluarkan siaran media mereka bahawasanya moratorium tidak pernah dihentikan. Cuma kaedah kita lebih tersasar kerana yang terkesan akan dapat dibela oleh kerajaan dengan lebih optimum berbanding pelaksanaan enam bulan yang lepas.

Yang Berhormat Senator juga membangkitkan tentang adakah RM65 bilion ini mencukupi untuk keperluan COVID-19. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, RM65 bilion ini melalui dua fasa. Fasa yang pertama, sebanyak RM45 bilion seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah luluskan di Dewan Negara tempoh hari. Hari ini kita memohon untuk tambah lagi sebanyak RM20 bilion menjadikan jumlah RM65 bilion.

Saya ingin umumkan bahawasanya, fasa yang pertama RM45 bilion prestasi penggunaan adalah sebanyak RM38 bilion. Ini bermakna sekiranya kita melaksanakan

aktiviti-aktiviti atau langkah-langkah insentif bagi memastikan kita dapat meratakan lengkung COVID-19 ini, kita akan gunakan optimum perbelanjaan berasaskan perkara-perkara yang penting. Kita masih ada baki. Sebanyak RM38 bilion telah kita laksanakan. Kita masih ada baki lebih kurang RM27 bilion yang kita akan gunakan sehingga tahun 2021.

Ada juga Yang Berhormat Senator beritahu tentang belanja banyak, hutang banyak. Jangan risau Yang Berhormat Senator, negara kita mempunyai defisit fiskal yang begitu ampuh dan kukuh. Setakat pada hari ini, walaupun saya sebutkan defisit fiskal kita sebanyak enam peratus, tetapi penggunaan di bawah *statutory* yang telah diluluskan di Dewan yang mulia ini, 60 peratus. Kita unjurkan tahun ini kepada 57 peratus kepada KDNK.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga hujung bulan September 2020, ia baru berjumlah 56.7 peratus. *Insyah-Allah* sekiranya kita mampu untuk membelanjakan keseluruhan, defisit kita pada hujung tahun 2021 hanyalah meliputi lingkungan 58.1 peratus kepada KDNK bagi tahun 2021.

So, Yang Berhormat Senator jangan risau. Kita tahu bahawasanya hutang itu harus kita *manage*, melalui langkah-langkah pengurusan hutang yang berkesan di bawah Kementerian Kewangan.

■1440

Seperti mana yang saya pernah jelaskan banyak kali dalam Dewan yang mulia ini, Kerajaan Malaysia tidak pernah mungkir atau culas untuk membayar bayaran khidmat hutang sepertimana yang telah saya nyatakan tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Yang terakhirnya Yang Berhormat, Yang Berhormat bangkitkan perkara-perkara adakah kita mempunyai kemampuan untuk mengeluarkan vaksin sendiri atau untuk penyakit-penyakit lain.

Sudah pasti Yang Berhormat ketika ini Malaysia tidak mempunyai fasiliti lengkap yang digunakan untuk membuat vaksin bagi kegunaan kesihatan manusia. Penyelidikan dan R&D untuk permulaan dijadikan fokus utama sepertimana pandangan Yang Berhormat tadi kita akan jadikan sebagai satu fokus utama sebagai menjadikan Malaysia satu hari nanti akan mampu menjadi pengeluar vaksin manusia.

Sehubungan itu, Mesyuarat Majlis Sains Negara telah bersetuju untuk membuat satu *road map* pembangunan vaksin negara yang dibangunkan dalam tempoh 10 tahun dan *insyallah road map* ini dijangka siap pada suku tahun kedua tahun 2021. Sudah pasti Ahli-ahli Yang Berhormat semua akan diberikan taklimat dan pembentangan secara khusus dalam memastikan Yang Berhormat juga mengetahui tentang bagaimana kita hendak lakukan satu pembangunan vaksin untuk negara.

Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara-perkara yang telah saya nyatakan. Saya mewakili Yang Berhormat Menteri Kewangan, mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada

Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi kerjasama dalam pindaan-pindaan ini walaupun ada perkara-perkara yang mungkin saya tidak dapat menjelaskan secara detilnya di sini. *Insyah-Allah* sekiranya ada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator perlukan penjelasan lanjut, pihak Kementerian Kewangan sentiasa terbuka untuk menerima pandangan idea serta cadangan.

Ini kerana, bagi Kementerian Kewangan yang paling penting kita mesti bersama-sama memastikan negara kita ini dapat dibangunkan oleh semua parti yang ada dalam negara kita. Teguh kita menang bersama. Sekian terima kasih, *assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan perbahasan. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Tuan Mohd Shahr bin Abdullah Timbalan Menteri Kewangan atas jawapan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 2 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Datuk Lim Ban Hong) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 29, Disember 2020.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 2.45 petang]